



LAPORAN SESI LIBAT URUS
**KONGRES EKONOMI
BUMIPUTERA 2024**

KEB2024

ISBN 978-967-5842-40-5



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

www.ekonomi.gov.my

T : 603-8000 8000

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Ekonomi, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

RUMUSAN SLU 6

LAPORAN SESI LIBAT URUS

KUMPULAN 1	:	REFORMASI PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN	9
KUMPULAN 2	:	TVET PILIHAN KERJAYA UTAMA	21
KUMPULAN 3	:	PENCIPTAAN KEKAYAAN DAN PENGUASAAN KORPORAT	31
KUMPULAN 4	:	DAYA SAING PERUSAHAAN BUMIPUTERA	41
KUMPULAN 5	:	PENGUKUHAN INDUSTRI HALAL	49
KUMPULAN 6	:	PENGUASAAN TEKNOLOGI BAHRU	53
KUMPULAN 7	:	PEMBANGUNAN DESA DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT ORANG ASLI	71
KUMPULAN 8	:	SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA SABAH	81
KUMPULAN 9	:	SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA SARAWAK	89
KUMPULAN 10	:	FELDA DAN TANAH WILAYAH	99

PRAKATA

Ekonomi Madani menetapkan tujuan untuk memastikan bahawa rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih bermakna melalui penstrukturran ekonomi sebagai usaha dan upaya kita mempersiap negara sebagai antara ekonomi terbesar di Asia Tenggara. Sebagai menyemangati matlamat itu, pendekatan Kerajaan harus bersifat inklusif, di mana tidak ada pengabaian kepada mana-mana kelompok masyarakat.

Dengan kata lain, Ekonomi Madani mengusung konsep kesetaraan dan keadilan sosial dalam pembangunan ekonomi, di mana setiap rakyat memiliki akses yang sama terhadap peluang dan manfaat ekonomi tanpa sesiapa disisihkan. Hal ini diharapkan dapat menciptakan masyarakat yang lebih adil, seimbang dan bertamadun.

Kerajaan Perpaduan beriltizam untuk meneruskan agenda pemerkasaan Bumiputera sebagai agenda nasional. Justeru, agenda pemerkasaan Bumiputera memerlukan tujuan baharu supaya dapat memberi sumbangan yang lebih signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara ke arah mengangkat Malaysia sebagai tatanan yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Selari dengan wahana **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**, pengajuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) dimulai dengan pelaksanaan sesi libat urus oleh 10 kumpulan yang dianggotai oleh tokoh industri, persatuan dan dewan perniagaan serta badan bukan kerajaan. Sesi libat urus ini turut melibatkan ahli akademik, golongan muda, syarikat berkaitan kerajaan, pemimpin masyarakat termasuk dari Sabah dan Sarawak bagi menggembung penglibatan semua pemegang taruh untuk mendapatkan input dan pandangan rakyat berkaitan agenda baharu pemerkasaan Bumiputera.

Saya merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang telah berganding bahu terlibat dalam semua sesi libat urus ini. Saya percaya sumbangan buah fikiran yang telah didokumenkan ini tidak akan tersia dan akan diperhalusi sebaik mungkin oleh Kerajaan dalam penyediaan agenda baharu pemerkasaan Bumiputera.

Marilah kita bersama-sama mengambil pendirian positif, progresif dan inovatif dalam usaha memperkasa agenda Bumiputera demi kelangsungan generasi akan datang sebagai wadah dalam mengangkat semula darjat dan martabat Malaysia. Insya-Allah, dengan iltizam dan kudrat daripada Allah SWT kita akan berjaya.



ANWAR IBRAHIM
Perdana Menteri
2 Mac 2024

KATA ALUAN

Lanskap sosioekonomi Malaysia telah terkesan secara signifikan oleh krisis Covid-19 yang belum pernah terjadi sebelumnya. Ketika negara sedang mengorak langkah memulih dan memacu semula pertumbuhan ekonomi, adalah penting untuk memberi perhatian kepada agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera, yang merupakan kumpulan majoriti penduduk supaya usaha dan tindakan ekonomi bersifat inklusif dan mampan.

Pembangunan ekonomi Bumiputera sangat signifikan dan berkait rapat dengan ekonomi negara kerana ia mempunyai kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi domestik negara. Justeru, taraf hidup Bumiputera perlu ditingkatkan dalam pelbagai segi termasuklah pemilikan kekayaan, pemilikan aset bukan kewangan dan pemilikan ekuiti. Peningkatan taraf hidup Bumiputera juga perlu merangkumi peningkatan kemahiran, keupayaan modal insan, kemajuan pendidikan dan penguasaan teknologi. Amat mustahak golongan Bumiputera mendapat akses dan peluang supaya mereka berupaya berdikari seiring dengan kaum lain dalam negara ini.

Ke arah itu, Kerajaan telah mengambil tindakan proaktif dengan menganjurkan Sesi Libat Urus (SLU) Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) dengan tujuan untuk mengumpul pandangan daripada semua lapisan masyarakat yang berkaitan dan mempunyai kepentingan dalam isu ekonomi Bumiputera. Bagi memastikan SLU ini mempunyai tumpuan, sebanyak 10 kumpulan telah diwujudkan yang bertanggungjawab mendapatkan sebanyak mungkin pandangan dari semua lapisan masyarakat mangikut kluster-kluster tersebut. Semua cadangan dari SLU tersebut dikumpul dan dirangkumkan menjadi Laporan Sesi Libat Urus Kongres Ekonomi Bumiputera.

Harapan saya, agar Laporan Sesi Libat Urus Kongres Ekonomi Bumiputera ini akan menjadi panduan dan rujukan bagi penetapan hala tuju baharu pemerkasaan ekonomi Bumiputera.

#MalaysiaMadani

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Mac 2024



RUMUSAN SLU KEB 2024

KUMPULAN	PENGERUSI	TIMBALAN PENGERUSI	TARIKH SLU	LOKASI	BIL. PESERTA (KOMPOSISI)
1. Reformasi Pendidikan Dan Modal Insan	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, UKM	YBrs. Dr. Anuar Bin Ahmad Pensyarah, Fakulti Pendidikan UKM	11 Januari 2024 16 Januari 2024 24 Januari 2024 30 Januari 2024	Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur KKTM Ledang, Johor AKM Jawi, P.Pinang IKM Besut, Terengganu	Kementerian/ Agensi - 73 NGO - 95 Institusi Pendidikan - 165 Orang Awam - 52 Jumlah - 333
2. TVET Pilihan Kerjaya Utama	YBhg. Dato' Hj. Shamsuddin Hj. Amran Ketua Operasi Kumpulan Bermaz Auto Bhd	YBrs. Ir. Nuriman Bin Yusop Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal, MARA	24 Januari 2024 30 Januari 2024 5 Februari 2024	Hotel Sama-Sama KLIA Hotel The Light, Pulau Pinang Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan	Kementerian/ Agensi - 92 NGO - 37 Institusi Pendidikan/ Belia/ Wanita - 31 Institusi Pendidikan (Pelajar & Alumni) - 10 Industri - 51 Lain-lain - 2 Jumlah - 223
3. Penciptaan Kekayaan & Penguasaan Korporat	YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar Pengerusi Bursa Malaysia	TIADA	30 Januari 2024	Hotel Royale Chulan Damansara, Petaling Jaya	Kementerian/ Agensi - 124 NGO - 13 Institusi Pendidikan - 16 Awam - 72 Jumlah - 225
4. Daya Saing Perusahaan Bumiputera	YBhg. Datuk Dr. Hafsa Hashim Mantan CEO SME Corp.	TIADA	18 Januari 2024 29 Januari 2024 31 Januari 2024 5 Februari 2024	Hotel The Light, Pulau Pinang Grand Riverview, Kota Bharu Pinetree Marina Resort, Nusajaya, Johor Ibu Pejabat MARA	Kementerian/ Agensi - 100 NGO - 94 Institusi Pendidikan - 16 Usahawan - 687 Wakil Pemimpin - 2 Jumlah - 970
5. Pengukuhan Industri Halal	YBhg. Datuk Wira Dr. Haji Ameer Ali CEO Mydin Mohamed Holdings Berhad	TIADA	1 Februari 2024 2 Februari 2024	Majestic Hotel, Kuala Lumpur	Kementerian/ Agensi - 57 NGO - 60 Institusi Pendidikan - 36 Jumlah - 153

KUMPULAN	PENGERUSI	TIMBALAN PENGERUSI	TARIKH SLU	LOKASI	BIL. PESERTA (KOMPOSISI)
6. Penguasaan Teknologi Baharu	YBhg. Emerita Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Mazlan binti Othman Mantan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara	TIADA	30 Januari 2024 31 Januari 2024	Hotel Zenith, Putrajaya	Kementerian/ Agensi - 53 NGO - 9 Institusi Pendidikan - 22 Industri - 35 Jumlah - 119
7. Pembangunan Desa Dan Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli	YBhg. Datuk Seri Dr. Sr Hj. Md Alwi bin Che Ahmad Mantan Adun Kok Lanas	YBhg. Datuk Ramli Mohd Nor Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	29 Januari 2024 30 Januari 2024	Swiss Garden, Pudu	Kementerian/ Agensi - 210 NGO - 46 IPT - 30 Orang Awam - 67 Jumlah - 353
8. Sosioekonomi Bumiputera Sabah	YBhg. Prof Madya Datuk Ts. Dr. Ramzah Dambul Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah & Tokoh Etnik 2022	TIADA	30 Januari 2024 31 Januari 2024	Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu	Kementerian/ Agensi - 126 NGO - 32 Institusi Pendidikan - 20 Industri - 81 Jumlah - 259
9. Sosioekonomi Bumiputera Sarawak	YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak	TIADA	23 Januari 2024 24 Januari 2024	Hotel Hilton, Kuching	Kementerian/ Agensi - 88 NGO - 15 Institusi Pendidikan - 19 Industri - 116 Jumlah - 238
10. Felda Dan Tanah Wilayah	YBhg. Dato' Seri Ahmad Shabery bin Cheek Penggerusi FELDA	TIADA	16 Januari 2024 30 Januari 2024 6 Februari 2024	Menara FELDA, Kuala Lumpur Tamu Hotel, Kuala Lumpur Menara FELDA, Kuala Lumpur	Kementerian/ Agensi - 266 NGO - 118 Institusi Pendidikan - 13 Usahawan - 110 Industri - 169 Koperasi - 1 Jumlah - 677

**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 1:
REFORMASI PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024)

KUMPULAN REFORMASI PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

1.1 LATAR BELAKANG

- 1.1.1 Kumpulan Reformasi Pendidikan dan Modal Insan dipertanggungjawab untuk mengadakan libat urus serta perbincangan yang intensif dengan pelbagai lapisan masyarakat merentas sektor, usia dan wilayah bagi mendapatkan pandangan dan input dalam merangka hala tuju dan pendekatan baharu bagi memperkuuhkan kualiti pendidikan dan pembangunan modal insan Bumiputera yang adil, saksama dan inklusif. Kumpulan ini dipandu oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu seramai 21 orang dan gerak kerja diselaraskan oleh Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA yang bertindak sebagai Sekretariat.
- 1.1.2 Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2022, penduduk Malaysia berjumlah 30.42 juta orang, dari jumlah ini seramai 21.33 juta (70.1%) adalah merupakan Bumiputera dan 14.64 juta (70%) darinya menetap di kawasan bandar. Perbandingan antara negeri menunjukkan kependudukan Bumiputera yang tinggi adalah tertumpu di negeri-negeri yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang rendah, tahap pendapatan yang rendah dan kadar kemiskinan yang tinggi. Enam (6) negeri yang mempunyai kependudukan Bumiputera yang tinggi (80% ke atas) ialah, Terengganu (97.6%), Kelantan (96.6%), Perlis (89%), Sabah (88.9%), Pahang (81.5%), dan Kedah (80.55%). Bumiputera juga merupakan kumpulan terbesar (85.2%) dari jumlah isi rumah miskin mutlak dan kumpulan terbesar isi rumah berpendapatan rendah (B40).
- 1.1.3 Bagi mendapatkan pandangan yang menyeluruh dan mengenal pasti status, cabaran dan cadangan penyelesaian, pasukan Kumpulan Reformasi Pendidikan dan Modal Insan telah menggerakkan (3) tiga aktiviti utama sebagai saluran maklumat dan pengumpulan data, iaitu;
- Empat (4) Sesi Libat Urus (SLU)** di empat (4) zon, merangkumi Zon Tengah (Kuala Lumpur, 11 Januari 2024), Zon Selatan (Ledang, 6 Januari 2024), Zon Utara (Jawi, 24 Januari 2024) dan Zon Timur (Besut, 30 Januari 2024). Keseluruhannya seramai 650 peserta yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat seperti agensi kerajaan, usahawan, pihak institusi pengajian tinggi, pihak pentadbir sekolah, tenaga pengajar, badan bukan kerajaan, sektor swasta, ibu bapa, belia dan komuniti setempat telah menghadiri SLU yang diadakan. Setiap kumpulan turut disertai oleh fasilitator dan pelapor yang dilatih. Tema perbincangan kumpulan di dalam sesi libat urus ialah mengenal pasti cabaran dan cadangan penyelesaian bagi pendidikan Bumiputera.
 - Empat belas (14) sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD-Focus Group Discussion)** telah diadakan, merangkumi pelbagai pihak yang terlibat dan pemegang taruh utama berkaitan hala tuju pendidikan dan modal insan Bumiputera. Keseluruhannya, seramai 350 peserta yang terlibat dengan sesi FGD ini. Senarai FGD yang telah diadakan ialah;
 - Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Pengendali dan Pakar),
 - Penyelidik Pendidikan dan wakil Institusi Penyelidikan,
 - Pemimpin-Pemimpin kumpulan Remaja/Belia,
 - Kumpulan Inklusif termasuk golongan kurang upaya (OKU), Masyarakat Orang Asli, Ibu Tunggal, dan lain-lain,
 - Bumiputera yang bermastautin di Luar Negara,
 - Institusi Pendidikan Islam, Agamawan, dan Agensi berkaitan Agama Islam
 - Kumpulan NGO Bukan Bumiputera termasuk ilmuan, FMM, dan pertubuhan IKS, dan wakil sekolah swasta,
 - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS),
 - Pempengaruh Sosial Media (*Influencers*),
 - Pertubuhan Seni, Bakat dan Warisan,
 - Pengurus Sumber Manusia Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC),
 - Institusi Pendidikan Swasta milik Bumiputera,
 - Kumpulan Pertubuhan Bukan Kerajaan Bumiputera (NGO)
 - Pakar Pendidikan dan Model Baru Persekolahan.

iii. **Soal selidik secara dalam talian (*online survey*)** juga telah dijalankan selama seminggu bermula pada 28 Januari 2024 sehingga 5 Februari 2024 untuk mendapat pandangan secara lebih meluas daripada seluruh rakyat Malaysia berkaitan isu-isu pendidikan dan modal insan Bumiputera. Seramai 7,000 responden telah memberi maklum balas kepada soal selidik atas talian yang menumpu kepada sepuluh (10) fokus utama isu pendidikan dan modal insan Bumiputera.

1.1.4 **Daripada sesi libat urus, perbincangan berfokus dan soal selidik atas talian ini, sepasukan penyelidik telah melaksanakan analitik data menganalisis input dan data yang diperolehi. Secara berperingkat, kesemua hasil dapatan dan penemuan ini telah dibincangkan dan dibahaskan secara mendalam oleh Jawatankuasa Pemandu untuk proses pemurnian dan perakuan resolusi. Jawatankuasa Pemandu telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang bulan Januari dan Februari.**

1.2 KEPENDUDUKAN, PENDAPATAN DAN PEKERJAAN BUMIPUTERA

SKOP	PENCAPAIAN
Populasi Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> • 21.33 juta orang dari populasi Malaysia adalah Bumiputera. • 14.64 juta orang menetap di kawasan bandar manakala 6.02 juta di kawasan luar bandar. • Negeri-negeri yang mempunyai peratusan Bumiputera yang tinggi adalah Terengganu, Kelantan, Perlis, Sabah, Pahang, Kedah dan Sarawak.
Jurang Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> • Pada masa ini, ramai Bumiputera berada di negeri-negeri yang mempunyai pertumbuhan rendah, berpendapatan isi rumah kasar yang rendah dan kemiskinan yang tinggi. Sebagai contoh; Kadar peratusan Bumiputera di Kelantan adalah 96.6%, manakala pertumbuhan purata KDNK adalah pada 3.7% antara tahun 2016-2022, dan penengah pendapatan kasar isi rumah ialah RM 3,614 (paling rendah antara negeri-negeri yang lain) dan peratusan kemiskinan mutlak (pendapatan bulanan kurang daripada RM 2,589) adalah 13.2% (kedua tertinggi, selepas Sabah iaitu 19.7%). • Peratusan Bumiputera B40 dan ke bawah serta miskin mutlak adalah tinggi berbanding etnik utama yang lain. • Kemiskinan mutlak adalah terdiri dari Bumiputera: 85.2%, Cina: 3.9% dan India 9.4%.
Jurang Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> • Sejak tahun 1970, pendapatan isi rumah kasar penengah Bumiputera kekal lebih rendah berbanding Cina dan India dan jurang pendapatan juga semakin melebar. Pada tahun 2022, pendapatan isi rumah kasar penengah Bumiputera: RM 5,793, Cina: RM 8,167 dan India: RM 6,627. • Nisbah Perbandingan Gaji Purata (2022) antara Cina: Bumiputera, 1:0.71, manakala Cina: India, 1:0.84 • Di dalam kategori pekerjaan yang sama (pekerjaan profesional), purata pendapatan kasar Bumiputera adalah rendah berbanding kaum Cina dan India. Sebagai contoh untuk jawatan pengurusan, Bumiputera secara purata berpendapatan RM 15,000, Cina RM 18,000 dan India RM 17,000.
Jurang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian besar tenaga kerja Bumiputera adalah separuh mahir (62.3%) dan berkemahiran rendah (8.7%). Hanya 29.1% dari tenaga kerja Bumiputera merupakan pekerja mahir berbanding Cina (40.1%) dan India (37.2%). • Tenaga kerja Bumiputera juga umumnya cenderung bekerja di sektor berpendapatan rendah seperti pertanian, perikanan, perhutanan, pertukangan dan pekerja asas. • Peratusan Bumiputera yang berkelayakan profesional masih rendah untuk sektor profesional guaman (39%), perakaunan (32%) dan arkitek (45%) berbanding Cina dan India.

SKOP	PENCAPAIAN
Siswazah, Pengangguran Dan Guna Tenaga Tidak Penuh berkaitan kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> Pada tahun 2022, seramai 5.92 juta tenaga kerja Malaysia berkelayakan tertiari dan 3.83 juta (64.7%) daripadanya adalah Bumiputera. Terkini, seramai 2.02 juta (34%) yang berkelulusan tertiari (meliputi semua kaum) yang bekerja tetapi dikelaskan sebagai kumpulan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran atau "<i>underemployed by skills</i>". Umumnya mereka bekerja di kategori yang lebih rendah dari tahap kelayakan pendidikan mereka. Kemungkinan sebahagian besar daripadanya adalah kumpulan graduan Bumiputera adalah tinggi memandangkan data Kajian Jejak 2022 (<i>Tracer Study 2022</i>) Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan graduan Bumiputera yang masih menganggur (berdasarkan definisi Kajian Jejak KPT) adalah yang tertinggi iaitu 70.9% dari jumlah graduan yang masih menganggur iaitu 187,000 orang.

Sumber:

Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran 2023 (DOSM,2023)

Statistik Bumiputera 2023 (DOSM,2023)

Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022 (DOSM,2023)

Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri, 2022 (DOSM,2023)

My Local Stats Malaysia, 2022 (DOSM, 2023)

Kemiskinan Di Malaysia 2022 (DOSM, 2023)

Laporan Survei Gaji & Upah 2022 (DOSM,2023)

Laporan Survei Tenaga Buruh 2022 (DOSM,2023)

1.3 RUMUSAN UTAMA, CADANGAN HALA TUJU DAN RESOLUSI

1.3.1 Berdasarkan analisis ke atas input dan maklumat yang diperolehi serta perbincangan oleh Jawatankuasa Pemandu, berikut dikemukakan lapan (8) rumusan utama yang mendasari cadangan hala tuju dan resolusi bagi mengukuhkan kualiti pendidikan dan pembangunan modal insan Bumiputera. Setiap satu menekankan hala tuju dan beberapa strategi dan pendekatan yang baharu bagi memastikan Bumiputera akan terus mampu menyertai dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi post-normal yang semakin mencabar.

Resolusi # 1: Memperbetulkan Sikap dan Meningkatkan Tanggungjawab

Membentuk dasar yang mewujudkan persekitaran baharu yang mengubah dan membentuk sikap Bumiputera yang mementingkan pendidikan dan bertanggungjawab bagi meningkatkan kecemerlangan ekonomi Bumiputera.

Dapatan sesi libat urus, perbincangan berfokus dan kajian atas talian jelas mengesahkan bahawa sikap Bumiputera terhadap pendidikan dan pembangunan modal insan adalah faktor penghalang paling utama yang perlu ditangani. Sikap ambil mudah, leka dan tidak mementing dan mengutamakan pendidikan adalah punca utama yang menghadkan pencapaian Bumiputera. Kesedaran, keupayaan, kemampuan, dan kesediaan Bumiputera untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kualiti modal insan adalah rendah. Ianya meliputi diri, keluarga, dan komuniti. Umumnya, sikap ini terbentuk dari tahap kebergantungan yang keterlaluan kepada kerajaan berikutan polisi dan dasar yang sedia ada yang cenderung membentuk sikap kebergantungan, minda pertumbuhan (*growth mindset*) yang rendah, dan sistem nilai yang tidak produktif. Budaya 'ini hak saya' dan bukan sesuatu yang mesti diusahakan mendominasi pemikiran dan sikap Bumiputera. Amat jelas sekali masyarakat bukan Bumiputera (khususnya kaum Cina) amat cenderung mengutamakan pendidikan dan pembinaan kemahiran serta bakat sebagai keutamaan dalam menentukan nasib masa depan dan kehidupan mereka. Perubahan sikap Bumiputera terhadap pendidikan adalah amat penting bagi menjamin masa depan ekonomi yang lebih baik dan mampu. Antara strategi yang digariskan untuk mendukung hala tuju ini adalah:

- Memastikan semua bentuk bantuan dan insentif pendidikan daripada kerajaan diteraskan kepada prinsip bersasar, pro-produktiviti, dan bermatlamatkan graduasi (berjaya keluar dari program bantuan dalam tempoh yang khusus) serta mampu membentuk sikap mengutamakan pendidikan dan pembinaan kemahiran. Sebagai contoh, pemberian insentif kepada isi rumah miskin berdasarkan kehadiran anak ke sekolah, bayaran bantuan tunai yang diikat kepada kesediaan mengikuti program kemahiran di Kolej Komuniti, dan sebagainya.

- Mempertingkatkan kualiti penyampaian dan kandungan pendidikan Islam yang mengenengahkan keutamaan dan kepentingan pendidikan dan semangat untuk berjaya dengan kecemerlangan kehidupan. Pendidikan Islam dikalangan pelajar mestilah menganjurkan kepentingan pendidikan dan kemahiran diri, membina hala tuju untuk sentiasa bermotivasi untuk berjaya dalam pendidikan dan berpendapatan tinggi sesuai dengan konsep pentingnya orang Islam dituntut untuk berjaya di dunia dan di akhirat.
- Mewujudkan platform ‘BumiBerjaya’ yang dikendalikan oleh pihak swasta/bukan kerajaan bertujuan menghimpun dan mempromosi individu Bumiputra yang berjaya dengan cemerlang dalam kehidupan dan kerjaya mereka untuk bertindak sebagai mentor, diteladani dan boleh dicapai oleh para pelajar di sekolah dan institusi pendidikan tinggi secara atas talian.

Resolusi # 2: Memperkuuhkan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Meningkatkan kepentingan dan capaian Bumiputra untuk memperolehi pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan memperkasakan kualiti dan sistem pendidikan awal kanak-kanak.

Usia awal kanak-kanak adalah fasa yang amat kritikal dalam membentuk karakter, minda dan sikap seorang individu serta mengelakkan rencat fizikal (bantut). Namun demikian akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti masih terhad dan tidak mendapat perhatian secukupnya dari masyarakat Bumiputra. Fasa pembangunan Pendidikan awal kanak-kanak adalah fasa pembelajaran yang amat penting dalam membentuk karakter dan minda anak-anak Bumiputra. Di samping akses kepada pendidikan asas, pendidikan awal kanak-kanak juga meliputi capaian kepada pemakanan yang berkhasiat, seimbang dan fasa pembentukan nilai yang penting. Anak-anak Bumiputra mesti mendapat pendidikan awal yang berkualiti dan pendedahan awal yang menyeronokkan terhadap kepentingan ilmu pengetahuan dan membina masa depan yang cemerlang. Antara strategi yang dicadangkan ialah:

- Mempertimbangkan dasar mewajibkan prasekolah bermula usia 5 tahun dan mewujudkan sistem pendidikan prasekolah kebangsaan yang bersepadan dengan menghapuskan pertindihan bidang kuasa dan birokrasi antara kementerian seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju dan beberapa negara ASEAN seperti Singapura, Vietnam dan Filipina.
- Membentuk kurikulum prasekolah kebangsaan yang bertepatan dengan keperluan dan keutamaan berdasarkan tahap umur anak-anak dan mempromosikan matlamat dan nilai pendidikan prasekolah kepada masyarakat serta mewajibkan semua pendidik prasekolah mempunyai kelayakan dan sijil ikhtisas serta terlatih secara khusus dalam pendidikan awal kanak-kanak.
- Menyediakan geran khas menggalakkan penyertaan Bumiputra sebagai pengendali prasekolah swasta yang berkualiti khusus bagi meningkatkan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti bagi kumpulan yang terpinggir dan isi rumah berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.

Resolusi # 3: Mengiktiraf Peranan Pihak Swasta dan Badan Bukan Kerajaan

Menggalakkan Penglibatan Industri, Komuniti, dan Badan Bukan Kerajaan sebagai Jaringan dan Rakan Utama Kerajaan Dalam Membangunkan Kualiti Pendidikan dan Modal Insan Bumiputra.

Penglibatan sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan adalah satu bentuk kerjasama yang penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan modal insan. Era ‘kerajaan tahu semua-kerajaan laksanakan semua’ (*Government knows all - Government does all*) telah berakhir malah tidak lagi menepati peredaran zaman. Kemajuan pembangunan negara telah membentuk masyarakat pasca-modenisasi yang ‘lebih berpelajaran dan lebih kaya’ (*smarter and richer*) yang bersedia (malah menuntut) untuk diberi ruang turut serta bersama kerajaan menangani permasalahan sosial dan inisiatif pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Kerajaan seharusnya mempertingkatkan tatacara penyampaian perkhidmatan awam berteraskan ‘*governing by network*’, memperkasa keupayaan, kesediaan dan daya inovasi masyarakat dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan pembangunan modal insan. Penglibatan pihak industri, komuniti dan badan-badan bukan kerajaan bukan sahaja mampu meningkatkan keberkesanan tetapi juga mewujudkan persekitaran ‘*check and balance*’ di institusi pendidikan. Antara bentuk strategi yang digariskan untuk mendukung hala tuju ini adalah:

- Memberi peranan utama kepada pihak swasta, komuniti dan badan bukan kerajaan yang diiktiraf sebagai pengendali aktiviti kokurikulum (seperti sukan, badan beruniform, pertandingan, dan lain-lain) bagi membolehkan guru-guru fokus kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

- Menggalakkan kolaborasi jaringan swasta/badan bukan kerajaan-sekolah yang berjangka panjang (bukan secara *ad hoc*) bermatlamatkan keberhasilan khususnya di kalangan sekolah-sekolah harian dan komuniti terpinggir dengan membuka ruang keterlibatan yang lebih luas dan pemberian geran khusus berteraskan '*local problems-local solutions*' yang menggalakkan eksperimen dan inovasi pendidikan.
- Meruntuhkan pemisahan sekolah-komuniti dengan penglibatan dan 'pemilikan bersama' sekolah-komuniti dengan penubuhan Lembaga Pengelola Sekolah yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan keputusan-keputusan utama berkaitan pengoperasian sekolah.

Resolusi # 4: Mengukuhkan Sistem Pendidikan Islam

Mempertingkatkan Kualiti Sistem Pendidikan Islam di Dalam Ekosistem Pendidikan Negara.

Kini terdapat kecenderungan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Bumiputera memilih institusi pendidikan Islam (madrasah tafiz, sekolah-sekolah swasta berteraskan pendidikan Islam) sebagai pilihan utama pendidikan anak-anak sebagai memberi keseimbangan antara IQ, EQ dan SQ. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kerajaan memberi tumpuan yang tinggi bagi memastikan institusi pendidikan Islam berupaya menjadi tapak yang berpotensi untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pembinaan modal insan Bumiputera. Antara strategi yang dicadangkan ialah:

- Mempertingkatkan kualiti sumber (pendidik dan infrastruktur) bagi menyediakan kemudahan pembelajaran moden, guru-guru terlatih dan kurikulum terkini pada semua institusi pendidikan Islam yang berdaftar.
- Menguatkuasakan undang-undang untuk memastikan semua institusi pendidikan Islam didaftarkan dengan birokrasi yang lebih mesra selagi mana telah memenuhi kriteria piawaian institusi pendidikan yang berkualiti, kondusif, dan selamat dan memperluaskan bantuan geran dan insentif kepada institusi pendidikan Islam dengan matlamat keberhasilan yang jelas dan bertempoh.
- Menyelaraskan kualiti kurikulum institusi Pendidikan Islam bagi membolehkan laluan penyambungan pembelajaran aliran akademik yang lebih meluas di kalangan lepasan institusi pendidikan Islam.

Resolusi # 5: Pembangunan Bakat sebagai Pembangunan Modal Insan

Memperkasakan Pendidikan Bakat Sebagai Saluran Pembangunan Modal Insan Yang Menjadi Sumber Ekonomi Bumiputera Yang Berkualiti dan Mampan.

Pengayaan bakat adalah satu laluan pendidikan yang mendapat keutamaan di negara-negara maju. Bakat yang berkualiti merupakan satu potensi untuk sumber pendapatan tinggi. Sistem pendidikan negara bermula dengan saluran pendidikan berteraskan akademik dan kini TVET turut mula diperkasakan. Aliran pendidikan berdasarkan pembangunan bakat adalah satu saluran pembangunan modal insan yang sewajarnya diperkasakan. Sistem pendidikan formal seharusnya berupaya mengenal pasti dan mengasah bakat berpotensi serta membuka ruang pembangunan modal insan yang mencakupi kepelbagaiannya kekuatan insan. Pendidikan bakat berpotensi menjadi satu lagi aliran (*stream*) pembangunan modal insan selain akademik dan TVET. Melahirkan insan berbakat, seperti jaguh sukan, individu seni yang menghasilkan karya bernalil tinggi, ahli muzik, pakar seni tari dan warisan memerlukan satu sistem yang teratur. Bagi merealisasi hala tuju pembangunan bakat murid, strategi-strategi berikut dicadangkan:

- Mengiktiraf dan mempromosikan pembangunan bakat sebagai satu daripada laluan pembangunan kerjaya disamping akademik dan TVET dengan menyediakan guru-guru terlatih yang berupaya mencungkil, memupuk dan menggilapkan bakat murid-murid sejak prasekolah.
- Mewujudkan biasiswa bakat dan program latihan khas yang dibiayai oleh kerajaan dan sektor korporat bagi menggilap murid-murid yang berpotensi besar dalam pembangunan bakat sejak usia muda.
- Menggalakkan penubuhan lebih banyak institusi pendidikan yang membina kecemerlangan bakat dengan kerjasama pintar dari sektor korporat melalui penyediaan geran pinjaman mudah oleh pihak kerajaan.

Resolusi # 6: Menangani Krisis STEM

Menangani Krisis Kemerosotan Minat dan Pencapaian Murid Bumiputera Dalam STEM khususnya Aliran Sains Tulen.

Bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, adalah amat penting negara mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi khususnya dalam bidang Matematik, Sains dan Teknologi. Data-data pendidikan yang ada telah menunjukkan berlaku kemerosotan yang kritikal khususnya murid-murid Bumiputera yang memilih aliran sains tulen di peringkat tingkatan empat. Dilaporkan oleh pihak Persatuan STEM Malaysia, hanya 15.2% sahaja murid-murid telah memilih aliran sains tulen pada tahun 2022. Angka ini merosot berbanding 19.5% pada tahun 2018. Berdasarkan peratusan murid (khususnya Bumiputera) yang mengambil mata pelajaran sains tulen semakin berkurangan saban tahun, adalah wajar isu ini diberi perhatian sepenuhnya. Antara strategi yang telah digariskan untuk menangani kemerosotan murid dalam aliran sains ini dan seterusnya untuk meningkatkan peratusan murid dalam aliran sains tulen ialah:

- Meningkatkan minat, keseronokan belajar dalam kalangan murid-murid dengan mengembalikan ujian amali dan membangunkan silibus berteraskan kompetensi murid serta meningkatkan kemahiran pedagogi mata pelajaran Sains dan Matematik bertepatan dengan persekitaran tempatan.
- Meningkatkan guru-guru terlatih STEM dan menyegerakan peruntukan khusus bagi menaiktaraf infra asas pembelajaran seperti makmal pembelajaran untuk pendidikan STEM khususnya bagi mata pelajaran sains tulen di semua sekolah yang berkaitan.
- Menganjurkan program hala tuju, pembinaan kerjaya dan pembudayaan STEM secara kerjasama dengan pihak korporat yang bersifat jangka panjang dan secara berkala bermula sejak di sekolah rendah dengan melantik dan mengupayakan lebih ramai guru kaunselor untuk memberikan ‘pendedahan kerjaya’ dalam bidang ICT, media sosial dan ‘Artificial Intelligence’ kepada murid-murid.

Resolusi # 7: Memperkasakan Kualiti Sekolah Kebangsaan Harian

Mewujudkan agenda kebangsaan khusus untuk pemerkasaan semua sekolah harian (*the weak majority*) sehingga mencapai prestasi Sekolah Berasrama penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) dengan meningkatkan kualiti meliputi semua sumber utama pendidikan (pentadbir, guru, infrastruktur, capaian digital, dan lain-lain).

Data KPM menunjukkan 96% murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Harian ini adalah murid Bumiputera. Manakala hampir 88% murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Harian juga adalah murid Bumiputera. Berdasarkan data-data dari sesi SLU, FGD dan tinjauan dalam talian yang telah dijalankan oleh Kumpulan Reformasi Pendidikan dan Modal Insan, adalah jelas bahawa isu kualiti Sekolah Kebangsaan (SK) Harian dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Harian menjadi antara perkara yang seringkali ditimbulkan oleh ibubapa. Tidak dinafikan murid-murid yang bersekolah di sebahagian SK dan SMK Harian berhadapan dengan banyak isu kualiti pendidikan (misalnya infra pembelajaran dan kekurangan guru) sehingga menjadikan pencapaian pendidikan murid-murid di sekolah berkenaan berbanding Sekolah Berasrama Penuh (SBP), MRSRM dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Bagi memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) serta Sekolah Menengah Agama (SMA) aliran sekolah harian dan memastikan semua murid Bumiputera di sekolah harian menerima kualiti persekolahan yang setara dan saksama dengan sekolah aliran SBP dan MRSRM, maka digariskan strategi berikut:

- Menempatkan pentadbir dan guru-guru cemerlang di sekolah harian yang berprestasi rendah dan memastikan hanya guru opsyen mata pelajaran sahaja yang mengajar mata pelajaran berkaitan di sekolah tersebut.
- Menyediakan infra pembelajaran dan kemudahan sekolah yang lebih baik termasuk capaian internet di semua Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) khususnya di sekolah harian di luar bandar dan pendalaman setanding dengan SBP/MRSRM.
- Mewujudkan ‘Dana Khas Kecemerlangan Sekolah Harian’ khusus untuk membantu murid Bumiputera dari keluarga yang miskin dan murid OKU yang belajar di sekolah harian.

Resolusi # 8: Mengukuhkan Daya Tahan dan Daya Saing Graduan Bumiputera

Meningkatkan kualiti dan keupayaan graduan Bumiputera untuk menyertai sektor-sektor bernilai tinggi dan menjadi pekerja mahir bertaraf global.

Walaupun jumlah graduan Bumiputera yang dihasilkan oleh IPTA dan PTS bertambah setiap tahun, data DOSM 2023 menunjukkan perlakunya tren peningkatan graduan Bumiputera yang dibayar di bawah kelayakan (*under employed by skills*). Manakala sebahagian graduan Bumiputera berhadapan dengan isu pengangguran dalam jangka masa yang lama selepas bergraduan. Persaingan untuk mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi semakin mencabar. Selain jumlah graduan yang semakin ramai dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta, peluang tawaran pekerjaan juga semakin terhad, terdapat juga pandangan yang konsisten dari kalangan majikan bahawa graduan mempunyai kelemahan berkaitan tahap pengetahuan dalam bidang pekerjaan, kurang kemahiran industri serta tidak begitu berkesan dalam berkomunikasi Bahasa Inggeris khususnya graduan Bumiputera. Oleh itu, untuk menyediakan lebih ramai graduan Bumiputera yang kompeten dan mampu bersaing untuk mendapat pekerjaan yang setara kelayakan, berikut adalah antara strategi yang digariskan:

- Meningkatkan kualiti dan keberkesanannya penyampaian para pensyarah di peringkat pendidikan tertiar dengan mewajibkan penempatan industri secara berkala (setiap 3 tahun) dan penyertaan industri secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Menjadikan kolaborasi antara pihak Universiti-Industri sebagai satu teras utama yang diwajibkan dalam pengoperisian pendidikan tinggi dan dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) utama akademia dan pengurusan tertinggi universiti.
- Mewujudkan program pembangunan kompetensi dan pembangunan minda global (*global mindset*) serta pendedahan kerjaya secara berterusan dari permulaan pengajian melalui pengalaman antarabangsa dan penguasaan multi bahasa.
- Mentransformasikan Kolej Komuniti dan GiatMARA yang dilengkapi kemudahan yang moden sebagai pusat *retooling-reskilling* dan pembelajaran sepanjang hayat yang mudah diakses dengan penawaran kursus-kursus terkini dan bernilai tinggi.

1.4 PENUTUP

Pasukan Kumpulan Reformasi Pendidikan dan Modal Insan telah mencapai objektif yang diberikan apabila telah menjalankan sesi libat urus (SLU), Perbincangan Kumpulan Khusus (FGD), tinjauan secara dalam talian (*online survey*) yang melibatkan 9,000 peserta keseluruhannya. Semua maklumat yang telah dikumpulkan, telah dikategorikan dan seterusnya diperhalusi oleh kumpulan pakar di dalam pasukan Pemandu. Pendekatan ini diperlukan untuk memastikan usaha untuk mencadangkan pendekatan baru dalam mereformasikan agenda pendidikan dan modal insan Bumiputera benar-benar lebih berkesan, adil dan inklusif. Semua maklum balas dari peserta SLU, FGD, tinjauan dalam talian dan input dari pasukan Pemandu sangat bernilai untuk langkah seterusnya, iaitu merangka dan mencadangkan hala tuju pendidikan dan pembangunan modal insan Bumiputera. Dalam konteks ini, tindakan segera diperlukan, dan strategi yang dinyatakan dalam kertas maklum balas ini dianggap sebagai langkah yang sesuai, realistik dan mampu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menangani keadaan pendidikan Bumiputera semasa. Semua cadangan yang telah digariskan bermatlamat bagi memastikan kepentingan serta martabat pendidikan Bumiputera terus terpelihara dan dipertingkatkan di negara ini.

Lampiran 1**JAWATANKUASA PEMANDU KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA (KEB) 2024 KUMPULAN: REFORMASI PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN**

BIL	NAMA
1	PROFESSOR TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR AZLAN BIN GHAZALI Pengerusi Kumpulan
2	DR. ANUAR BIN AHMAD Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Timbalan Pengerusi Kumpulan
3	TUAN HJ. RAZLAN BIN HJ SAMSURI Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA
4	PROFESSOR EMERITUS TAN SRI ANUWAR BIN ALI Universiti Cyberjaya
5	PROFESSOR DATO' DR. NORAZAH BINTI MOHD NORDIN Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
6	DATO' DR. SHEIKH MUSZAPHAR SHUKOR BIN SHEIKH MUSTAPHA Angkasawan Pertama Negara
7	DR. MAZALAN BIN KAMIS Pengarah Tenang Homes
8	DATO' NIK MOHD HASYUDEEN BIN YUSOFF Mantan Presiden Institut Akauntan Malaysia
9	PROFESSOR EMERITUS DATO' DR. NORAINI BINTI IDRIS Presiden dan Pengasas National Stem Association
10	PUAN WAN NORAINI BIN WAN DAUD Apple Leadership Learning
11	ENCIK MUHD FAZREEN BIN ISMADI Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)
12	PUAN IDA RUZAINI BINTI ALTAHARI Senior Advisor Public & Government Affairs ExxonMobil
13	DATO' SHAHIRA BIN AHMED BAZARI CEO Yayasan Hasanah
14	TUAN HJ MOHD EFFENDY BIN ABDUL GHANI Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC)
15	DATO' SATINAH BINTI SYED SALEH Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia
16	PUAN ZALIZA BINTI ALIAS Pengarah Eksekutif Gains Education Group
17	ENCIK RIDHWAN BIN ROSLI Pengarah Permodalan Tanah Melayu Berhad (TMCB)
18	DATUK AR. EZUMI HARZANI BIN ISMAIL Pertubuhan Arkitek Malaysia
19	PROFESSOR EMERITUS DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK Naib Canselor Perdana University
20	DATO' SAYED ALFEIZAL BIN SAYED AHMAD Presiden Muafakat MARA Malaysia
21	PROFESSOR MADYA TS. DR MUHAMMAD HELMI NORMAN Timbalan Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum UKM





**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 2:
TVET PILIHAN KERJAYA UTAMA**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) KUMPULAN TVET PILIHAN KERJAYA UTAMA

1.0 PENGENALAN

Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pilihan kerjaya utama adalah penting untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja semasa dan masa depan. Memetik ucapan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi dialog sempena Program Temu Anwar Kuantan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKT), beliau menegaskan pemerkasaan TVET di Malaysia perlu bagi melahirkan graduan lebih terlatih, sekali gus menikmati gaji lebih baik (*Sumber: Sinar Harian, 1 Ogos 2023*).

Ketika ini, terdapat 1,345 penyedia TVET awam dan swasta yang dikawal-selia oleh 12 kementerian, termasuk 24 institusi TVET kerajaan negeri yang menyediakan pengajian serta latihan peringkat sijil dan diploma. Dua sasaran terpilih berkaitan TVET telah ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 (KPI Nasional) iaitu;

1. Pengambilan lepasan SPM atau setaraf ke program TVET mencapai 55% pada tahun 2025.
2. Kadar kebolehpasaran graduan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan institusi TVET awam mencapai 86.7% pada tahun 2025.

1.1 Fokus dan Skop Kumpulan

Untuk menyahut seruan kerajaan kearah memperkasakan TVET, empat skop telah dikenalpasti untuk dijadikan fokus perbincangan ketika Sesi Libat Urus (SLU) kumpulan ini iaitu;

Fokus 1 Meningkatkan tenaga kerja profesional dan kompeten Bumiputera berdasarkan TVET

Fokus 2 Meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam kerjaya berkemahiran dan berpendapatan tinggi

Fokus 3 Merancakkan pembangunan Teknousahawan Bumiputera

Fokus 4 Melonjakkan penghasilan Huffaz berkemahiran

Dalam fokus ini, peserta juga turut dimaklumkan bahawa input dan maklum balas hasil daripada perbincangan ini seharusnya mengambilkira aspek TVET seperti berikut;

1. Perbincangan adalah lebih menekankan kepada sudut pandang '*Industrial-Driven*' berbanding '*Government-Led*'.
2. Keterangkuman penerima yang bermanfaat tidak hanya tertakluk kepada pelajar aliran perdana tetapi turut terbuka kepada;
 - a. Pelajar yang bukan aliran arus perdana (Tiada sijil SPM)
 - b. Pelajar yang kurang kecenderungan kepada akademik
 - c. Golongan rentan termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU), Warga Emas, Wanita khususnya Ibu Tunggal dan lain-lain.


1.2 Sesi Libat Urus (SLU) Kumpulan TVET Pilihan Kerjaya Utama

SLU Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 bagi Kumpulan TVET Pilihan Kerjaya Utama telah pun berlangsung dengan jayanya dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli pada SLU Zon Tengah tempoh hari. Tiga zon bagi SLU untuk kumpulan ini telah diadakan seperti berikut;

SLU Zon Tengah	SLU Zon Utara	SLU Zon Timur
24 Januari 2024 (Rabu)	30 Januari 2024 (Selasa)	5 Februari 2024 (Isnin)
Sama-Sama Hotel, KLIA, Kuala Lumpur	The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang	Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan, Pahang

Pelaksanaan SLU ini juga dihadiri oleh peserta daripada pelbagai bidang termasuk Pemain Industri, Wakil Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) (Pensyarah, Wakil Pelajar dan Alumni), Wakil Agensi dan Kementerian, Wakil Komuniti Setempat serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut bersama menyumbang idea dalam menjayakan seterusnya memperkuuhkan laluan TVET sebagai pilihan kerjaya utama.

Kehadiran lebih daripada 300 peserta dari seluruh negara dengan peratusan lebih 30% terdiri daripada jumlah peserta adalah pemain industri yang sangat membantu bagi mendapatkan input yang dikehendaki. Turut hadir bersama berkongsi idea dan bertukar pendapat juga termasuk peserta daripada pelbagai latar belakang dengan pecahan kategori seperti berikut;



Carta 1: Pecahan Peratusan Pengelasan Kategori Peserta

2.0 DAPATAN HASIL PERBINCANGAN

Melalui empat fokus yang telah dipilih, lapan strategi telah dikenalpasti bagi memperkasakan TVET negara seterusnya menjadikan TVET pilihan kerjaya utama seperti ringkasan berikut;

No	Strategi
Fokus 1: Meningkatkan tenaga kerja profesional dan kompeten Bumiputera berdasarkan TVET	
S1	Memperkasakan TVET Collaboration Hub (TCH)
S2	Membangunkan kurikulum latihan TVET yang lebih fleksibel
S3	Mewujudkan Kementerian TVET atau Badan Penguatkuasa (Regulatory Body) dengan akta tersendiri dan dasar-dasar TVET
Fokus 2: Meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam kerjaya berkemahiran dan berpendapatan tinggi	
S4	Membangunkan dasar pengutamaan pengambilan pekerja TVET Bumiputera
S5	Mewujudkan akta khusus gaji TVET berdasarkan kompetensi.
Fokus 3: Merancakkan pembangunan Teknousahawan Bumiputera	
S6	Membangunkan ekosistem sokongan yang kukuh untuk Teknousahawan Bumiputera
Fokus 4: Melonjakkan penghasilan Huffaz berkemahiran	
S7	Mewujudkan penjenamaan baru kerjaya dalam Tahfiz TVET iaitu TECHNOFAZ
S8	Menambahbaik ekosistem pelaksanaan Tahfiz TVET yang lebih menyeluruh

Huraian dan penerangan lanjut akan dibincangkan seperti di bawah.

2.1 MENINGKATKAN TENAGA PEKERJA PROFESIONAL DAN KOMPETEN BUMIPUTERA BERASASKAN TVET

2.1.1 Pencapaian Semasa

Bagi menjamin kualiti program TVET yang dilaksanakan, *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* telah dibangunkan oleh dua agensi kawal selia iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Mengambilkira kepentingan meningkatkan kerjasama dengan industri maka Pusat Kecemerlangan Industri sedia ada melalui inisiatif *TVET Collaboration Hub (TCH)* telah diwujudkan sebagai pusat rujukan dan kecemerlangan dalam bidang berkaitan.

2.1.2 Isu dan Cabaran

Senario ini menyumbang kepada isu-isu berkaitan tadbir urus, perbelanjaan operasi dan pembangunan yang tinggi, pertindihan penawaran program, penyelarasan dan kaedah penyampaian yang tidak bersepada seterusnya memberi kesan kepada penggunaan sumber yang tidak optimum.

Kebanyakan institusi TVET melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar melalui kerjasama industri secara ‘*in-silo*’ dengan pelbagai kaedah dan ketiadaan penyelaras dasar. Ini menyebabkan proses kerjasama tidak selaras serta menyukarkan pihak industri untuk memberi tumpuan kepada semua institusi TVET dan meningkatkan kos kepada pihak industri. Kelemahan jaringan di antara institusi TVET juga memberi kesan kepada penggunaan sumber sedia ada yang tidak dapat digunakan secara optimum.

Maklum balas dari pihak industri mendapati kandungan latihan di dalam struktur kurikulum sedia ada tidak menggambarkan aplikasi latihan sebenar yang diperlukan oleh industri. Institusi TVET terikat dengan standard kurikulum yang ditetapkan oleh badan akreditasi/ pengiktirafan iaitu *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)*. Keadaan ini menyebabkan berlakunya mismatch serta peningkatan kos untuk melatih semula pekerja dengan kemahiran tambahan.

2.1.3 Hala Tuju

- Mewujudkan Kementerian TVET atau Badan Penguatkuasa (*Regulatory Body*) dengan akta tersendiri dan dasar-dasar berkaitan bagi memperkasa peranan TVET sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Pewujudan Kementerian atau *Regulatory Body* berperanan untuk menyelaras aspek perancangan, pembangunan, pengurusan, pentadbiran dan kawalselia pelaksanaan program TVET sedia ada dan program baharu berdasarkan teknologi masa hadapan mengikut keperluan industri.
- Membangunkan kurikulum latihan yang lebih fleksibel dari segi tempoh dan kaedah perlaksanaan serta bersifat ‘*industrial driven*’ dan ditauliah oleh industri bagi memastikan penghasilan tenaga kerja yang memenuhi permintaan industri.
- Pemberkasaan *TVET Collaboration Hub (TCH)* dengan mengenalpasti institusi sedia ada yang berupaya untuk dilantik sebagai Institusi Satelit bagi melaksanakan TCH yang terdiri daripada Pemain Industri dan Institusi TVET di zon atau lokaliti yang berdekatan mengikut bidang dengan skop kerjasama strategik seperti: latihan, perkhidmatan konsultasi, perkhidmatan teknikal, kajian, pembangunan dan pengkomersialan produk serta penyelarasan modul kompetensi yang dilaksanakan melalui perkongsian sumber, kepakaran dan peralatan antara industri dan institusi TVET.

2.2 MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM KERJAYA BERKEMAHIRAN DAN BERPENDAPATAN TINGGI

2.2.1 Pencapaian Semasa

Penyertaan Bumiputera yang agak terhad dan ketinggalan dalam bidang berkemahiran dan berpendapatan tinggi berdasarkan jadual statistik keterlibatan Profesional Bumiputera seperti berikut;

Jadual 1: Statistik Profesional Bumiputera yang Berdaftar, 2023

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

Bidang	Jumlah Bumiputera	Jumlah Keseluruhan ¹
Jururawat	117,973	139,457
Arkitek	1,103	2,461
Juruukur Bahan	3,055	4,095
Peguam	9,436	24,431
Doktor Gigi	7,050	13,354
Akauntan	12,121	37,577

¹Nota. Keseluruhan merujuk kepada data warganegara Malaysia

Strategi yang dikenalpasti adalah dengan membangunkan dasar pengutamaan pengambilan pekerja TVET Bumiputera untuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif, berinovasi dan berdaya saing ke arah kerjaya berpendapatan tinggi.

2.2.2 Isu dan Cabaran

- Kurang kesediaan industri untuk melabur kepada pembangunan teknologi terkini atau industri IR4.0
- Kurang tenaga mahir dalam bidang berteknologi tinggi untuk pelabur luar.
- Gaji yang hanya berasaskan tahap pendidikan akademik dan tidak menarik minat golongan belia.
- Ketiadaan patriotisme dan semangat kenegaraan di kalangan majikan.
- Industri lebih berminat untuk mengupah buruh asing mengakibatkan berlaku diskriminasi (kebijakan/ gaji) terhadap pekerja tempatan.

2.2.3 Hala Tuju

- Mewujudkan akta khusus gaji TVET berdasarkan kompetensi.
- Memperkasakan ekosistem ekonomi yang mengawal rantaian bekalan yang dikuasai oleh Bumiputera bagi memecahkan monopoli.
- Menetapkan kuota minimum (contohnya, 50%) pekerjaan untuk Bumiputera dalam syarikat baharu atau ketika pembaharuan lesen, dengan pemberian insentif cukai kepada syarikat yang memenuhi kuota tersebut.
- Galakkan usaha untuk membuka peluang pemilikan saham atau penyertaan dalam syarikat bagi pekerja berpotensi.
- Menilai pencapaian *Industry4ward* bagi memastikan industri berubah seiring keperluan teknologi baharu.
- Bangunkan program khusus untuk memperluaskan penyertaan Bumiputera dalam bidang *industry-strategic* yang berpendapatan tinggi melalui latihan, geran pendanaan, dan sokongan infra.
- Memastikan industri/ syarikat mengambil pekerja yang mempunyai kelayakan TVET.
- Mengelakkan kemasukan buruh asing separa mahir dan profesional bidang TVET.
- Memperkenalkan dasar yang adil dalam penyediaan kemudahan dan gaji pekerja Bumiputera berbanding pekerja asing.

2.3 MERANCAKKAN PEMBANGUNAN TEKNOUSAHAWAN BUMIPUTERA**2.3.1 Pencapaian Semasa**

Membangunkan ekosistem sokongan yang kukuh untuk Teknousahawan Bumiputera.

2.3.2 Isu dan Cabaran

- Kurang kesedaran dan sokongan peringkat awal, menghalang perkembangan keusahawanan Bumiputera.
- Ekosistem sokongan yang lemah di kalangan Bumiputera.
- Kos permulaan perniagaan yang tinggi apabila melibatkan penggunaan teknologi
- Kurang penglibatan industri dalam pembangunan teknousahawan
- Kesukaran mengekalkan kesinambungan perniagaan

2.3.3 Hala Tuju

Bagi menggalakkan perkembangan teknousahawan di kalangan Bumiputera, program berbentuk kesedaran teknousahawan perlu diperluaskan beserta Program Legasi untuk menjamin kesinambungan sesuatu perniagaan.

Pengwujudan *One Stop Centre* adalah amat diperlukan dengan menyelaraskan dana-dana kewangan, khidmat nasihat kepada bakal dan teknousahawan sedia ada, jaringan industri mengikut bidang perniagaan, ekosistem bekalan bahan mentah, menyenaraikan penyedia latihan beserta latihan yang ditawarkan, mengadakan pengkalan data teknousahawan dan menyenaraikan pusat penyelidikan dan pembangunan (*R&D Centre*). Ini dapat dimaterialisasikan samada melalui pembangunan platform digital seperti aplikasi dan laman sesawang maupun secara fizikal seperti konsep *Urban Transformation Centre* (UTC).

Bagi merancakkan penglibatan industri dalam pembangunan teknousahawan, penyemakkan pelepasan cukai, insentif dan polisi peratus vendor Bumiputera kepada syarikat yang menyumbang pembangunan teknousahawan perlu diperkasakan. Disamping itu juga, program teknousahawan ini boleh dipacu oleh industri dengan mengadakan program pitching, mengetengahkan kisah kejayaan tekno-usahawan dan realiti program.

2.4 MELONJAKKAN PENGHASILAN HUFFAZ BERKEMAHIRAN

Bagi melahirkan graduan berkemahiran dan Huffaz atau Tahfiz Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pelbagai inisiatif harus dipergiatkan bagi meningkatkan kualiti dan mengekalkan kerelevan TVET khususnya kepada pelajar yang mempunyai kelebihan menghafal dan menghayati Al-Quran dan memiliki kemahiran teknikal yang sesuai dengan keperluan industri, pasaran kerja dan menjadi pilihan kerjaya utama. Inisiatif ini juga sekaligus dapat membina pembangunan sahsiah diri pelajar Huffaz di samping dapat melahirkan graduan Huffaz yang profesional dan berkemahiran.

Graduan Huffaz yang mempunyai Sijil Kemahiran menjadi pilihan kerjaya utama di industri disebabkan graduan Huffaz dilengkapi dengan kemahiran insaniah dan kemahiran yang tinggi. Terdapat dua strategi bagi melonjakkan penghasilan Huffaz berkemahiran iaitu:

2.4.1 Pencapaian Semasa

Mewujudkan penjenamaan baru kerjaya dalam Tahfiz TVET iaitu TECHNOFAZ (*merangkumi tiga set kemahiran iaitu TVET, Keusahawanan dan Tahfiz*).

2.4.2 Isu dan Cabaran

- Kebolehpasaran graduan institusi Tahfiz yang rendah
- Tanggapan masyarakat bahawa individu graduan Huffaz hanya sesuai menceburi kerjaya dalam bidang agama sahaja harus diperbetulkan.

2.4.3 Hala Tuju

- Penjenamaan baru kerjaya dalam Tahfiz TVET bagi melahirkan Technofaz yang memenuhi permintaan tinggi kepada industri dan komuniti setempat. Ia mempunyai 2 kategori iaitu:-

Huffaz Skilled Worker	Huffaz Technopreneur
Mempunyai sijil akademik, sijil kemahiran dan sijil profesional ditambah dengan sijil tahfiz	Mempunyai sijil kemahiran dan sijil profesional ditambah dengan sijil tahfiz dan sijil keusahawanan

- Mewujudkan Huffaz konsortium yang terdiri daripada ekosistem jaringan perniagaan yang lengkap dari golongan Huffaz;
- Menyediakan dana keusahawanan bagi pelaksanaan kerjaya Technofaz;
- Meningkatkan kerjasama dengan badan-badan keusahawanan bagi membuka peluang perniagaan; dan
- Meningkatkan kebolehpasaran graduan Tahfiz TVET dalam pelbagai bidang.

2.4.4 Pencapaian Semasa

Seterusnya, adalah strategi menambah baik ekosistem pelaksanaan Tahfiz TVET yang lebih menyeluruh. Sebanyak 1,245 Institusi Tahfiz dan 282 Madrasah di Malaysia yang berdaftar (*Sumber: Data JAKIM*)

- Pendaftaran institusi yang menawarkan Program Tahfiz TVET (*Sumber Data: JPK*)

Institusi	Bilangan
Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)	17
Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS)	4
Institusi Tahfiz	33

- Model Tahfiz TVET sedia ada adalah (*Sumber Data: KSM*)
 - Model Tahfiz Kemahiran (JAKIM);
 - Model Tahfiz TVET KSM
 - Model Tahfiz TVET JPPKK
 - Model TVET Tahfiz KKDW
 - Sekolah Integrasi Agama
 - Yayasan Pahang - Tahfiz Mahir

2.4.5 Isu dan Cabaran

Mindset parents dan Mudir untuk tidak terlibat dengan program TVET dan bertumpu kepada hafazan sahaja;

- Tiada laluan Pendidikan dan kerjaya yang jelas untuk lepasan tahfiz TVET
- Maklumat berkaitan program TVET tidak sampai ke Institusi Tahfiz; dan
- Sistem pembangunan kurikulum di Institusi-Institusi Tahfiz yang hanya berfokus kepada PdP hafazan.

2.4.6 Hala Tuju

- Menyediakan laluan artikulasi dan laluan kerjaya Pendidikan Tahfiz TVET yang lengkap dan efisien supaya graduan Tahfiz TVET mampu untuk menceburi pelbagai bidang sehingga bidang-bidang berimpak tinggi;
- Mewujudkan Kerangka Model Pembelajaran Tahfiz TVET yang bersepada dengan takrifan komponen berpandukan model sedia ada seperti:
 - Pendidikan Tahfiz
 - Kemahiran Teknikal
 - Pengurusan Islam
 - Pendidikan Kemahiran Sepanjang Hayat (PKSH)



- Menetapkan satu badan atau organisasi untuk menjalankan tadbir urus Institusi Tahfiz TVET bagi memperkasa dan memperluaskan kandungan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) sedia ada;
- Menyebarluaskan maklumat yang jelas mengenai program TVET untuk kesedaran dan pendedahan kepada Mudir, pengajar tahfiz, pelajar tahfiz dan ibu bapa;
- Mewujudkan Program Institusi Tahfiz Angkat dengan Institusi TVET sedia ada;
- Memperkuatkannya jalinan kerjasama program Tahfiz TVET dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kerana Institusi Tahfiz bergantung kepada MAIN dalam pelaksanaan dasar dan penyebaran maklumat;
- Memperluaskan penyediaan dana bantuan pendidikan seperti daripada Lembaga Zakat Negeri, pinjaman latihan kemahiran PTPK dan badan pembiayaan lain untuk program TVET Tahfiz; dan
- Memperluaskan penyertaan graduan Tahfiz TVET dalam program perantisan secara *Place and Train, Teaching Factory (TF), Training cum Production (TCP)*, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan kursus-kursus modular.

2.5 PENUTUP

Hasil dapatan dan input daripada peserta SLU akan dimurnikan dan seterusnya akan diangkat ke pembentangan KEB2024 yang akan berlangsung pada 2 Mac 2024. Hasil dapatan ini juga telah dikumpulkan dan diharmonikan melalui input para peserta daripada tiga SLU yang telah diadakan iaitu SLU Zon Utara, SLU Zon Tengah dan SLU Zon Timur.

Pemerkasaan TVET sebagai kerjaya mempunyai potensi untuk membawa manfaat kepada individu, industri, dan masyarakat secara keseluruhan. Input daripada peserta berpandangan bahawa kerajaan perlu memberi penekanan terhadap resolusi beserta halatuju yang telah diketengahkan daripada pelbagai pihak dan juga mewujudkan mekanisme pemantauan pelaksanaan resolusi ini. Resolusi ini dikemukakan adalah bersifat '*Industrial-Driven*' dan juga merangkumi kepelbagaiannya kumpulan sasaran penerima yang bermanfaat.







KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 KUMPULAN 3:

PENCIPTAAN KEKAYAAN & PENGUASAAN KORPORAT BUMIPUTERA

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) PENCIPTAAN KEKAYAAN & PENGUASAAN KORPORAT BUMIPUTERA


3.1 Pengenalan: Penciptaan Kekayaan & Penguasaan Korporat Bumiputera

Sesi Libat Urus (SLU) untuk Kumpulan 3: Penciptaan Kekayaan & Penguasaan Korporat Bumiputera telah diadakan pada 30 Januari 2023 di Hotel Royale Chulan Damansara. SLU untuk Kumpulan 3 dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Wahid Omar. Objektif pelaksanaan adalah untuk membincangkan keberkesanan dasar, strategi & inisiatif sedia ada dan cadangan – cadangan baharu untuk meningkatkan kekayaan & penguasaan korporat Bumiputera. Perbincangan mengenai penciptaan kekayaan & penguasaan korporat tertumpu kepada tiga (3) perkara iaitu; **(1) rantaian penciptaan kekayaan, (2) ketidakseimbangan kekayaan, dan (3) keberkesanan pelaksanaan cadangan.**

Penciptaan kekayaan Bumiputera adalah hasil daripada rantaian empat faktor utama iaitu; (1) Pendidikan (formal dan informal), (2) Pekerjaan dan keusahawanan, (3) Penjanaan pendapatan, dan (4) Simpanan dan pelaburan. Untuk memastikan penciptaan kekayaan yang efektif, kesemua empat faktor harus diambil kira dan diteliti dengan baik.

Ketidakseimbangan kekayaan antara penduduk di Malaysia juga merupakan topik yang penting untuk dibincangkan. Pecahan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita bagi setiap negeri menunjukkan perbezaan yang ketara. KDNK tertinggi dicatatkan di Kuala Lumpur (RM 126,000) manakala KDNK terendah dicatat di Kelantan (RM 17,000). Ketidakseimbangan kekayaan dan jurang antara taraf kehidupan penduduk di Malaysia harus diatasi menggunakan dasar dan inisiatif yang berprinsipkan kesaksamaan (*equitability*).

Pecahan KDNK per kapita, 2022 (RM'000)



Peruntukan Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri, 2022 (RM' mil)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Belanjawan 2024

Untuk meningkatkan lagi penciptaan kekayaan Bumiputera, beberapa cadangan telah dibincangkan semasa sesi *Focus Group*, perbincangan dengan pemegang taruh tertentu dan sesi SLU. Metodologi yang digunakan adalah seperti berikut:



Cadangan-cadangan yang dibincangkan boleh dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan iaitu cadangan berskala besar yang mampu memberi impak di peringkat Nasional, cadangan yang khusus penguasaan korporat dan cadangan yang khusus untuk pemilikan aset (tanah dan wakaf). Cadangan-cadangan tersebut boleh dirumuskan kepada enam (6) tema iaitu: sasaran yang lebih telus, data analitik yang lebih strategik, meningkatkan keupayaan dan kebolehan, dasar yang lebih progresif, kesedaran dan pengetahuan dan meningkatkan dana.

3.2 Rumusan Cadangan: Sebanyak 19 cadangan / inisiatif telah diutarakan daripada pelbagai Sesi Libat Urus dan Sesi Kumpulan Fokus (*Focus Group*)

Enam (6) cadangan berskala besar yang mempunyai impak di peringkat nasional telah diutarakan, termasuk menambah baik dasar dan polisi negara. Lima (5) cadangan yang khusus kepada penglibatan Bumiputera dan penguasaan korporat oleh Bumiputera telah dicadangkan. Manakala bagi pemilikan aset dan harta tanah oleh Bumiputera, lapan (8) cadangan telah dibangunkan.

Cadangan-cadangan yang diutarakan bertujuan untuk memberi impak yang menyeluruh dari segi liputan (impak di peringkat nasional, komuniti dan individu) dan juga faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penciptaan kekayaan (pendidikan, pekerjaan, penjanaan pendapatan, simpanan dan pelaburan)

3.2.1 Rumusan Cadangan A. Cadangan Berskala Besar – Peringkat Nasional

#	Cadangan	Rasional	Tema
1	Memperkenalkan Dasar Peluang Saksama (<i>Equitable Opportunity Policy</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat keperluan untuk melaksanakan dasar kesaksamaan yang komprehensif, yang bertujuan untuk mengatasi dan mengurangkan jurang ekonomi di Malaysia secara berkesan. Dasar ini harus berfungsi sebagai panduan utama bagi entiti sektor awam dan swasta dalam menerapkan amalan terbaik yang memastikan pengagihan kekayaan, peluang, dan sumber secara adil dan saksama di seluruh negara 	Dasar yang lebih progresif

#	Cadangan	Rasional	Tema
2	Pendekatan yang menyeluruh untuk meningkatkan kekayaan melalui pembangunan pekerja dan modal insan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat profesional	<ul style="list-style-type: none"> Satu pendekatan yang menyeluruh diperlukan untuk meningkatkan kekayaan melalui pembangunan pekerja dan modal insan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat profesional. Ini termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Cara pembelajaran baru untuk subjek seperti sains dan teknologi Penguasaan Bahasa Inggeris & Bahasa Ketiga Program professional untuk sektor kewangan dan pasaran modal 	Meningkatkan keupayaan dan kebolehan
3	Memperkenalkan Tabung Pemangkin (<i>Catalyst Fund</i>) untuk meningkatkan prestasi korporat di Malaysia, terutamanya syarikat Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> Memacu syarikat tersenarai awam untuk meningkatkan prestasi korporat dan daya tarikan, khususnya bagi syarikat dengan pegangan Bumiputera yang signifikan Dana pemangkin bertindak sebagai ‘aktivis’, dengan tujuan utama untuk meningkatkan prestasi korporat serta mengintegrasikan elemen ESG (<i>Environmental, Social, and Governance</i>) dan DEI (<i>Diversity, Equity, and Inclusion</i>) dalam operasi syarikat yang dilaburkan 	Meningkatkan dana
4	Memperkenalkan pendedahan mandatori (<i>Mandatory Disclosure</i>) mengenai etnik untuk komposisi lembaga dan pengurusan atasan	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat tersenarai awam digalakkan untuk menyediakan maklumat tentang komposisi pekerja mengikut etnik sebagai tambahan dalam aspek <i>‘Diversity, Equity, and Inclusion’</i> (DEI). Ini merupakan langkah awal penting dalam menonjolkan dan mengintegrasikan elemen DEI dalam operasi syarikat-syarikat PLC 	Dasar yang lebih progresif
5	Meningkatkan dana wakaf tunai dengan skala besar melalui skim potongan gaji dan sumbangan korporat	<ul style="list-style-type: none"> Perlu adanya kemudahan alternatif bagi rakyat Malaysia untuk terlibat dalam Ibadah Maliyah seperti wakaf mengikut kemampuan individu tanpa perlu melibatkan harta atau aset tetap Penting untuk meningkatkan jumlah pegangan aset rakyat Malaysia melalui pengumpulan dana tunai yang kemudiannya disalurkan untuk tujuan keagamaan dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat bagi memperkuatkan asas ekonomi ummah. 	Meningkatkan dana

#	Cadangan	Rasional	Tema
6	Penubuhan satu pangkalan data bersepodu bagi pemilikan aset (Hartanah dan Kewangan)	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan satu pangkalan data hartaanah bersepodu bagi Bumiputera di Malaysia adalah penting kerana ia memainkan peranan strategik dalam menyediakan maklumat yang terkini, tepat, dan mudah diakses berkaitan dengan aspek hartaanah bagi tujuan perancangan, pemantauan, dan pengambilan keputusan yang tepat, berkesan dan berdaya maju. Ketiadaan pangkalan data mengenai pemilikan hartaanah di Malaysia disebabkan beberapa faktor antaranya data pemilikan yang tidak lengkap, sistem pentadbiran & pengumpulan data yang berbeza, dan tadbir urus data yang belum mencapai tahap optimal Penting untuk mengintegrasikan semua sistem pengumpulan data, menerapkan analitik data yang lebih maju, dan memastikan ketepatan data. Langkah-langkah ini kritikal untuk meningkatkan keberkesan dalam pengambilan keputusan dan pembentukan dasar kerajaan, dengan tujuan akhir memastikan objektif pemilikan hartaanah oleh Bumiputera tercapai 	Data analitik yang lebih strategik

3.2.2 Rumusan Cadangan: B. Cadangan – Penguasaan Korporat

#	Cadangan	Rasional	Tema
7	Menambahbaik dasar berkenaan <i>Bumiputera Equity Requirement (BER)</i>	<ul style="list-style-type: none"> Sesetengah syarikat di Pasaran ACE, BER boleh dipatuhi selepas penyenaraian apabila memenuhi syarat tertentu. Ini telah menghalang dan mengecewakan pelabur Bumiputera yang dikenal pasti oleh MITI daripada melanggan saham Jika saham tidak diambil di bawah peruntukan MITI, tiada peruntukan semula saham yang perlu dilakukan dan syarikat akan dianggap telah mematuhi BER. Oleh itu, penyertaan Bumiputera dalam syarikat itu kurang 	Dasar yang lebih progresif
8	Menetapkan sasaran tambahan sebagai penanda aras awal selain daripada 30% pemilikan ekuti untuk mengukur penciptaan kekayaan Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran 30% masih belum tercapai setelah lebih 6 dekad dan sehingga tahun 2022, pemilikan ekuiti Bumiputera adalah pada tahap 18.4% Sasaran tambahan perlu diwujudkan sebagai penanda aras yang lebih telus dan merangkumi impak yang menyeluruh 	Sasaran yang lebih telus
9	Insentif cukai bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	<ul style="list-style-type: none"> Perlunya sokongan dan bantuan daripada pihak Kerajaan dalam menggiatkan aktiviti penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam kalangan PKS di Malaysia. Sebagai langkah pendorongan, kerajaan boleh memperkenalkan dasar seperti: <ul style="list-style-type: none"> Kredit cukai bagi aktiviti R&D dalam pembuatan IP tempatan Insentif cukai bagi pengagihan kos gaji tetap pekerja R&D Insentif cukai bagi kos pembinaan ruang kerja dan penggunaan infrastruktur awam 	Meningkatkan keupayaan dan kebolehan

#	Cadangan	Rasional	Tema
10	Memperkasakan inisiatif keusahawanan dan penciptaankekayaan Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> Kebanyakan Bumiputera PKS terlibat di dalam industri yang terhad (<i>non scalable</i>) dan kurang nilai strategik. Perlunya pemeriksaan inisiatif keusahawanan untuk membantu syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi melalui program seperti <i>Vendor Development Program</i>, dan juga sokongan oleh pihak GLIC dan GLC 	Meningkatkan keupayaan dan kebolehan
11	Meningkatkan akses kepada pembiayaan / dana menggunakan pendekatan alternatif	<ul style="list-style-type: none"> Bangunkan lebih banyak firma butik PE Bumiputera Penggunaan platform pembiayaan alternatif Menambahbaik proses agihan geran 	Meningkatkan dana

3.2.3 Rumusan Cadangan: C. Cadangan – Pemilikan Aset

#	Cadangan	Rasional	Tema
12	Penubuhan Dana Perumahan Negara “ <i>National Housing Fund</i> ” bagi rumah mampu milik	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Dana Perumahan Negara memberikan instrument kewangan yang kuat untuk meningkatkan akses kepada perumahan, mengurangkan jurang pemilikan harta tanah, dan membantu komuniti yang memerlukan. Perlunya dasar yang lebih inklusif tetapi mendatangkan manfaat yang lebih spesifik kepada komuniti yang memerlukan bantuan contohnya penukaran diskau Bumiputera bagi pembelian harta tanah melebihi RM1 juta kepada sumbangan tabung rumah mampu milik. Dana ini bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah pertama mereka 	Meningkatkan dana
13	Meningkatkan Pelaburan di dalam sektor Hartanah melalui model REIT	<ul style="list-style-type: none"> Sektor harta tanah merupakan salah satu sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara, terutamanya dalam aspek pembangunan, pekerjaan dan pendapatan Sektor harta tanah juga dapat memberikan manfaat sosial kepada rakyat, seperti menyediakan perumahan yang berkualiti, meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan sosial 	Meningkatkan dana
14	Model pembiayaan harta tanah baharu (Perluasan model pembiayaan harta tanah melalui kerjasama strategik bersama pihak bank yang menyokong agenda Bumiputera)	<ul style="list-style-type: none"> Model Pemilikan Pecahan (<i>Fractional ownership model</i>) diperkenalkan untuk membantu menambahkan aset Model pemilikan pecahan atau pemilikan bersama (<i>Shared ownership</i>), membolehkan pembeli/pelabur memiliki sebahagian atau sebahagian daripada aset dan bukannya aset lengkap. Model pembiayaan harta tanah yang sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang meningkat daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana Perluasan model pembiayaan harta tanah dapat memberikan peluang kepada golongan tersebut untuk memiliki rumah dengan syarat dan kadar yang lebih fleksibel dan berpatutan 	Meningkatkan dana

#	Cadangan	Rasional	Tema
15	Mengembangkan potensi Wakaf Hartanah di Malaysia melalui penggunaan konsep Istibdal dan pengharmonian regulasi pemajuan tanah di semua negeri	<ul style="list-style-type: none"> Hartanah wakaf yang kurang dimanfaatkan serta fatwa berlainan mengikut negeri meminimakan potensi pembangunan. Beberapa potensi penambahbaikan dapat dilaksanakan seperti: Penggubalan akta baharu tanah wakaf untuk pengharmonian proses, peraturan dan piawaian pemajuan tanah wakaf Penghasilan garis panduan yang memastikan pemajuan mengikut prinsip-prinsip syariah, undang-undang dan etika 	Dasar yang lebih progresif
16	Integrasi Wakaf dan Kewangan Islam bagi memperkasakan wakaf sebagai instrumen ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil contoh dan mengembangkan konsep Wakaf Korporat/ Wakaf Saham (oleh Johor Corporation melalui Waqf An-Nur Corporation) Kesedaran dan pendidikan mengenai wakaf masih belum mencukupi, begitu juga dengan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan wakaf. Sokongan daripada entiti-entiti Kerajaan (GLICs) terhadap inisiatif atau projek wakaf sebagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) juga masih perlu ditingkatkan. Selain itu, terdapat kekurangan dalam ekosistem pembiayaan yang komprehensif dan menyeluruh untuk pembangunan dan penyelenggaraan aset-aset wakaf, yang memerlukan perhatian dan penyelesaian yang menyeluruh. 	
18	Memartabatkan sosioekonomi Bumiputera dengan memanfaatkan potensi aset Wakaf	<ul style="list-style-type: none"> Potensi Wakaf dapat digunakan dan dikembangkan untuk memartabatkan sosioekonomi Bumiputera melalui saluran bantuan ke dalam sistem Kesihatan negara dan juga Pendidikan (<i>Scholarship</i>) 	

#	Cadangan	Rasional	Tema
19	Meningkatkan penggunaan Tanah Rizab Melayu untuk sosio ekonomi (Penerusan inisiatif Kerajaan)	<ul style="list-style-type: none"> • Keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) masih jauh di bawah sasaran 50% yang ditetapkan dan itu ini bertambah berat dengan pengambilan TRM untuk kemudahan awam tanpa penggantian segera oleh pihak kerajaan dengan tanah lain yang setara baik dari segi nilai maupun jenis. ◦ Tiada produktiviti ke atas TRM menyebabkan tanah tersebut buku atau tiada nilai kekayaan ◦ Penubuhan badan kajian di Universiti Awam untuk pemilikan data yang bersepadan bagi memudahkan proses perancangan pembangunan yang tepat dan bermakna. ◦ Satu entiti/agensi dilantik sebagai pemegang amanah kepada TRM bagi penyelesaian polisi antara <i>federal</i> dan negeri dan memelihara kawasan TRM. ◦ Meningkatkan kolaborasi dan JV usahasama antara Pemaju-pemaju Bumiputera dengan pemilik-pemilik Tanah Rizab Melayu. ◦ Kajian & Cadangan untuk penggunaan TRM secara pajakan/ sewa kepada bukan bumi • Perlunya tindakan untuk menghentikan penyusutan ini dan memastikan pemulihan serta pemeliharaan TRM sebagai aset penting melalui pembangunan ekonomi masyarakat Melayu seperti pertanian, perusahaan kecil dan sederhana, atau projek perumahan 	
20	Menambahbaik Kajian Keselarasan Keperluan Perumahan (<i>Housing Needs Continuum</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Perlunya kajian mendalam untuk menyelesaikan isu kritis seperti “<i>supply and demand mismatch</i>”, di mana perumahan yang dimajukan tidak mengambil keperluan khusus rakyat terhadap spesifikasi perumahan (akses, harga, keluasan) 	

3.3 Pemacu Perubahan

Untuk melaksanakan cadangan hala tuju ini dengan berkesan, adalah penting untuk mempunyai elemen-elemen pemacu perubahan seperti berikut:

1. **Dasar yang Progresif & Komprehensif:** Menetapkan dasar negara yang progresif, komprehensif, dan telus yang bukan sahaja boleh memanfaatkan Bumiputera tetapi semua rakyat Malaysia. Ini termasuk menerapkan prinsip Kepelbagai, Kesaksamaan dan Inklusiviti (*Diversity, Equality & Inclusivity*) (DE&I) dalam dasar dan inisiatif sedia ada dan yang akan datang.
2. **Kerjasama daripada Semua Pemegang Taruh/Pihak Berkepentingan:** Kerjasama dari semua pemegang taruh/ Pihak Berkepentingan adalah penting untuk melaksanakan kesemua cadangan-cadangan yang diberi. Ini termasuk kerjasama daripada kementerian yang berkenaan, agensi-agensi pelaksana, GLICs dan GLCs, dan syarikat swasta.
3. **Pemantauan & Penilaian Berkala:** Mewujudkan sistem pemantauan dan penilaian yang berpusat bagi memantau kemajuan inisiatif dan menjalankan penambahbaikan berdasarkan data. Ini boleh dilakukan oleh agensi pelaksana yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi dengan bantuan Unit Pemeriksaan Agenda Bumiputera (UPAB).

3.4 Penutup

Secara ringkas, sebanyak dua (2) Sesi *Focus Group* (FGD), sembilan belas (19) Sesi Temu Bual bersama GLICs, Persatuan and Agensi Kerajaan dan satu (1) Sesi Libat Urus (SLU) telah dijalankan bersama Kementerian, agensi berkaitan, pihak pengawal, dan penggerak industri. Seramai 75 peserta telah mengambil bahagian dalam FGD Pemilikan Aset dan FGD Pengurusan Korporat, manakala seramai 280 peserta telah mengambil bahagian dalam SLU Penciptaan Kekayaan dan Penguasaan Korporat pada 30 Januari 2024. Secara keseluruhan, lebih daripada 400 peserta telah mengambil bahagian dalam pelbagai sesi libat urus, FGD dan temu bual. Bagi SLU, lima (5) sesi perbincangan telah dikendalikan mengikut topik iaitu Pemilikan Ekuiti Pelaburan Awam, Keusahawanan & Penciptaan Kekayaan Bumiputera, Pemilikan Hartanah, Wakaf

& Tanah Rizab Melayu, dan Pembangunan Tenaga Kerja & Modal Insan dalam Perkhidmatan Kewangan & Pasaran Modal. Enam (6) Cadangan Berskala Besar (Peringkat Nasional) telah dikenalpasti untuk diutarakan dalam KEB 2024, manakala Lima (5) Cadangan bagi Penguasaan Korporat dan Sembilan (9) Cadangan bagi Pemilikan Aset telah dibincangkan.

Perbincangan, cadangan dan hala tuju penciptaan kekayaan and penguasaan korporat Bumiputera boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Perluasan pengaruh sektor swasta dalam menjalankan Dasar Bumiputera: Keberkesanan pembangunan Bumiputera di Malaysia dipengaruhi oleh kebergantungan sedia ada terhadap sektor awam yang hanya menyumbang 17.6% kepada KDNK berbanding 75.5% sektor swasta. Oleh itu, pendekatan ini harus dikaji semula dengan peralihan fokus yang lebih efektif terhadap kebolehan dan penggiatan sektor swasta dalam inisiatif-inisiatif khususnya untuk merealisasikan Dasar Bumiputera.
2. Impak yang menyeluruh: Cadangan-cadangan yang diutarakan bertujuan untuk memberi impak yang menyeluruh dari segi liputan (impak di peringkat nasional, komuniti dan individu) dan juga faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penciptaan kekayaan (pendidikan, pekerjaan, penjanaan pendapatan, simpanan dan pelaburan)
3. Penerapan konsep Kesaksamaan (*Equitable*): Cadangan-cadangan yang menggalakkan penciptaan kekayaan berdasarkan prinsip kesaksamaan, dan pertumbuhan ekonomi kawasan-kawasan dan komuniti tertentu perlu diutamakan

Langkah seterusnya melibatkan penyusunan semula strategi dan inisiatif, termasuk penelitian dan penguraian maklum balas secara komprehensif daripada perbincangan Kumpulan 3, menganalisa cadangan-cadangan, serta merangka semula strategi & inisiatif sedia ada & baharu bagi Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024).





KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 4:
KUMPULAN DAYA SAING PERUSAHAAN BUMIPUTERA

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024)

KUMPULAN DAYA SAING PERUSAHAAN BUMIPUTERA

4.1 LATAR BELAKANG

- 4.1.1 Sesi Libat Urus bagi Kumpulan 4 iaitu **Daya Saing Perusahaan Bumiputera** telah diadakan di empat (4) Zon seperti berikut:-

Bil.	Zon	Tarikh	Tempat	Peserta (orang)
1.	Utara	18 Januari 2024	Pulau Pinang	300
2.	Pantai Timur	29 Januari 2024	Kelantan	300
3.	Selatan	31 Januari 2024	Johor	300
4.	Tengah	5 Februari 2024	Kuala Lumpur	70
Jumlah Keseluruhan				970

- 4.1.2 Sesi Libat Urus bagi Kumpulan Daya Saing Perusahaan Bumiputera yang telah dihadiri oleh 970 peserta, mewakili pelbagai pihak berkepentingan seperti Agensi Kerajaan, pemain industri dan usahawan, para akademik serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Dalam sesi tersebut, perkara utama berkaitan pencapaian semasa, isu dan cabaran serta hala tuju jangka masa hadapan telah dibincangkan berdasarkan sembilan (9) Skop merangkumi: i) Ekosistem/Tadbir Urus, ii) Daya Saing & Daya Tahan, iii) Potensi PMKS & Koperasi, iv) Rantaian Nilai, v) Program Pembangunan Keupayaan, vi) Produktiviti/Aktiviti Tambahan Nilai & Inovasi, vii) Akses Pembiayaan Keusahawanan, viii) Sektor Informal/GIG, dan ix) Pembangunan Francais.

Dialog dan perbincangan bersama peserta Sesi Libat Urus turut berkisar tentang dasar dan hala tuju sedia ada di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri, antaranya Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) dan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030). Peserta libat urus digalakkan untuk memberi input dan pandangan mengenai **“daya saing”** perusahaan Bumiputera dalam lima (5) Skop utama iaitu i) Ekosistem/Fiskal & Insentif Bukan Fiskal, ii) Kewangan, iii) Pasaran, iv) Pendigitalan, Teknologi & Inovasi, dan v) Modal Insan & Kemahiran.


- 4.1.3 Dalam konteks **“perusahaan”**, perbincangan adalah berfokuskan kepada Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS), di mana kelompok ini merangkumi 97.2% daripada jumlah perniagaan di Malaysia.

4.2 PENCAPAIAN SEMASA

- 4.2.1 Sejak tahun 2005, satu definisi seragam yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah diguna pakai oleh semua Kementerian dan Agensi, institusi kewangan dan pengawal selia yang terlibat dalam pelaksanaan program. PMKS memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dengan menyumbang sebanyak 37.4% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 11.7% kepada eksport dan 47.8% kepada sumber tenaga negara. Sejajar dengan hala tuju nasional untuk menyediakan pembangunan sosio ekonomi yang mampan, seimbang dan inklusif, Kerajaan telah meletakkan keutamaan dalam membangunkan dan menyokong pertumbuhan PMKS dalam negara.

Pada tahun 2021, sebanyak 1,226,494 PMKS telah berdaftar dan daripada jumlah tersebut, 1.6% merupakan perusahaan sederhana, 19.8% perusahaan kecil dan 78.6% merupakan perusahaan mikro. Sehingga Januari 2024, sebanyak 357,863 (29.8%) jumlah perusahaan adalah dimiliki oleh Bumiputera, di mana 108,456 (30.3%) adalah perusahaan yang dimiliki oleh golongan wanita Bumiputera.


Pemantauan dan penilaian program pembangunan PMKS telah dilaksanakan melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA)



4.2.2 Merujuk kepada data Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) pada tahun 2010 hingga 2023, perbelanjaan dan bilangan Program Keusahawanan dan Pembangunan PMKS (pecahan Bumiputera) secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan dalam tempoh tersebut, manakala bilangan penerima manfaat (pecahan Bumiputera) menunjukkan penurunan ketika negara berhadapan dengan Covid-19, tetapi ia meningkat selepas tempoh pasca Covid-19. Sebanyak 153 (66.2%) program yang dilaksanakan oleh pelbagai Agensi Kerajaan dalam tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak RM11.97 bilion, telah dikhushuskan untuk usahawan Bumiputera. Program-program ini telah memberikan manfaat kepada 686,457 usahawan Bumiputera, berbanding dengan 107 (47.3%) program dengan peruntukan sebanyak RM2.01 bilion dalam tahun 2010, di mana hanya 43,705 usahawan sahaja yang mendapat manfaat.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah memberi sokongan dan tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera agar mereka dapat bersaing dalam pasaran terbuka.

PROGRAM ANUGERAH E50



Manakala tahun 2020 & 2021 kerana pandemic Covid-19

4.2.3 Program Anugerah Enterprise 50 (E50) yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia sejak tahun 1997 menyenaraikan 50 syarikat PMKS teratas setiap tahun. Program ini adalah hasil kerjasama bersama Deloitte dengan hasrat ia dapat mencungkil kebolehupayaan syarikat PMKS yang bersedia untuk disenaraikan di pasaran bursa. Kebelakangan ini, banyak syarikat Bumiputera telah berjaya disenaraikan sebagai pemenang E50. **Pada tahun 2022, sebanyak 26 (52%) syarikat Bumiputera telah berjaya disenaraikan dalam E50 di mana 21 (42%) adalah syarikat yang dimiliki oleh golongan wanita. Sehingga kini, 67 syarikat pemenang E50 telah tersenarai di Bursa Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak 11 (16.4%) adalah syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera, iaitu 10 syarikat disenaraikan di Pasaran Utama dan 1 syarikat disenaraikan di Pasaran ACE.**

4.3 ISU DAN CABARAN

SKOP	ISU
Ekosistem/Fiskal & Insentif Bukan Fiskal	<ol style="list-style-type: none"> <u>Transformasi Perniagaan Bumiputera</u> <ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan kebergantungan usahawan Bumiputera kepada Konsep Payung. Dana yang terhad bagi membantu usahawan Bumiputera untuk bersaing di pasaran global. <u>Akses kepada Maklumat dan Peningkatan Kapasiti Usahawan</u> <ul style="list-style-type: none"> Ketersediaan maklumat kepada usahawan dan kefahaman berkaitan pembangunan Perniagaan Francais. Maklumat berkaitan dengan pelaksanaan ESG serta inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh usahawan, terutamanya dalam teknologi baharu. <u>Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti</u> <ul style="list-style-type: none"> Wujudnya cartel dan monopoly serta black market yang secara tidak langsung menjelaskan prestasi syarikat Bumiputera. Warga asing bebas membuka perniagaan runcit. Amalan rasuah dan ketidaktelusan pegawai bertanggungjawab dalam menguruskan bantuan dana dan latihan kepada usahawan.
Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> <u>Akses Kepada Modal/Pembentangan</u> <ul style="list-style-type: none"> Usahawan / syarikat yang sama mendapat kemudahan geran dan pembentangan perniagaan. Cabaran usahawan / syarikat untuk mendapatkan pembentangan perniagaan di bank-bank komersial.
Pasaran	<ol style="list-style-type: none"> <u>Kedudukan syarikat PMKS Bumiputera dalam Pasaran</u> <ul style="list-style-type: none"> Peletakan produk PMKS yang tidak strategik terutamanya dalam pasaran <i>hypermarket</i>. Ketersediaan penembusan produk PMKS ke pasaran global (<i>export-ready Bumiputera companies</i>) melibatkan aspek pensijilan, penjenamaan dan pembungkusan. Jaringan dan padanan perniagaan di peringkat global. <u>Pengantarabangsaan</u> <ul style="list-style-type: none"> Khidmat sokongan dalam peningkatan skala syarikat Bumiputera di pasaran global. Kesukaran usahawan mengembangkan pasaran kerana wujud persaingan sengit daripada jenama francais antarabangsa. <u>Pemerkasaan Usahawan Dalam Bidang Agro</u> <ul style="list-style-type: none"> Pasaran usahawan Bumiputera bagi bekalan hasil ternakan dalam negara adalah terhad, disebabkan oleh import bekalan lembu dan kambing yang tinggi dari luar negara. Ini menyebabkan hasil penternak tempatan adalah rendah dan kos bagi penyediaan makanan ternakan menjadi tinggi. <u>Persaingan Pasaran</u> <ul style="list-style-type: none"> Kurang fokus dan khidmat sokongan kepada perusahaan industri teknologi hijau dan tenaga baharu.

SKOP	ISU
Pendigitalan, Teknologi & Inovasi	<p>1. <u>Kebolehgunaan penyelidikan oleh usahawan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Hasil penyelidikan/kajian oleh universiti dan institusi penyelidikan tidak menepati keperluan industri serta tidak dapat dikomersalkan. <p>2. <u>Dashboard Usahawan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Tiada platform perkongsian maklumat terkini berkaitan bilangan usahawan dan perniagaan yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan Bumiputera. <p>3. <u>Penggunaan Teknologi Terkini</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Tahap kemahiran dan pengetahuan usahawan dalam <i>Artificial Intelligence (AI)</i>, <i>blockchain technology</i> dan <i>metaverse</i> di kalangan usahawan. Kekurangan penglibatan usahawan dalam sektor tenaga baharu seperti solar, hidro, biogas dan biomas. Kecenderungan yang tinggi dalam ekonomi GIG di mana usahawan tidak mendaftarkan perniagaan dan seterusnya menyekat peluang/ akses kepada pembiayaan perniagaan. <p>4. <u>Jaringan Internet dan Memperluaskan Kualiti Digital</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Jurang digital masih menjadi isu utama di negeri-negeri Pantai Timur. Insentif syarikat berstatus Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia ketika ini hanya tertumpu kepada syarikat di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan, di mana mereka berpeluang mendapatkan insentif eksklusif yang memberikan kelebihan dalam industri IT yang kompetitif.
Modal Insan dan Kemahiran	<p>1. <u>Program Kesedaran dan Pembudayaan Keusahawanan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pendedahan program kepada golongan muda bermula dari peringkat menengah hingga ke peringkat tertiari bagi menggalakkan penglibatan belia dalam bidang keusahawanan.

4.4 HALA TUJU

Dalam mengatasi isu dan cabaran yang telah dikenalpasti memberi kesan ke atas daya saing perusahaan Bumiputera, beberapa strategi dan hala tuju Jangka Pendek (**Quick Wins**) dan Jangka Panjang (**Big Wins**) telah dikenalpasti. Strategi dan hala tuju yang merangkumi dasar dan program baharu, serta usaha memperbaiki dasar-dasar serta program sedia ada yang dirancang dengan teliti boleh memberikan kelestarian kepada perusahaan Bumiputera melepas tahun 2030.

4.4.1 Strategi Jangka Pendek (Tahun 2024 hingga 2026) - *Quick Wins*

1. *Accelerated Transformation Venture Capital Fund for Bumiputera Businesses*

Setelah 59 tahun sejak KEB Pertama dilaksanakan iaitu pada tahun 1965, ramai peniaga telah mendapat manfaat daripada usaha Kerajaan dalam menggalakkan serta merangsang Bumiputera untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan. Sehingga Januari 2024, sebanyak 357,863 (29.8%) jumlah perusahaan adalah dimiliki oleh Bumiputera, di mana dari jumlah tersebut, sebanyak 108,456 (30.3%) perusahaan adalah dimiliki oleh golongan wanita Bumiputera. Tidak dinafikan ramai usahawan yang berjaya dan cemerlang telah dilahirkan sejak KEB 1965.

Dengan ini adalah dicadangkan bahawa telah tiba masanya perusahaan Bumiputera yang berjaya dan mempunyai keuntungan melebihi RM100 juta ke atas menyumbang semula (giving back) kepada Kerajaan melalui penyaluran sumbangan sebanyak 2% daripada keuntungan syarikat kepada Accelerated Transformation Venture Capital Fund for Bumiputera Businesses.

Melalui inisiatif ini, Kerajaan disaran memadankan jumlah sumbangan dana oleh usahawan Bumiputera yang cemerlang ini dikecualikan dari cukai korporat. Contohnya, sekiranya pada awal tahun 2025 usahawan Bumiputera dari kalangan *billionaire* dan *millionaire* menyumbang sejumlah RM10 juta, Kerajaan mempertimbangkan pemberian *dollar for dollar* sebanyak RM10 juta juga. Dengan ini, *Accelerated*

Transformation Venture Capital Fund for Bumiputera Businesses untuk tahun 2025 dianggarkan berjumlah RM20 juta. **Dana ini akan digunakan untuk membiayai dan melabur modal teroka dalam syarikat untuk menggalakkan peluang pertumbuhan syarikat yang lebih cepat.** Hasil dari inisiatif ini, dana yang bakal dikumpulkan ini dicadangkan diselia oleh pihak MARA untuk dimanfaatkan oleh usahawan.

2. Mengembalikan MSME Expert Advisory Panel (SEAP) - Panel Penasihat Pakar PKS

SEAP yang sebelum ini dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia terpaksa dihentikan oleh kerana program ini tidak menerima bajet dan dengan itu, pembayaran kepada penasihat pakar PKS tidak dapat dilaksanakan. Program ini sebenarnya dapat membantu pengusaha mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada penasihat pakar industri dalam pelbagai bidang, termasuk perakaunan, pemasaran, strategi promosi, pengilangan, teknologi, pendigitalan, guna tenaga dan sebagainya. Individu dari sektor swasta dan Kerajaan yang telah bersara serta mempunyai kemahiran dan kepakaran sekurang-kurangnya 20 tahun dalam bidang tertentu boleh mendaftar dalam program ini sebagai Penasihat Pakar PKS. Bayaran perjalanan serta yuran khidmat nasihat untuk Penasihat Pakar PKS dibiayai bersama oleh syarikat dan SME Corp Malaysia. **Dicadangkan bajet sebanyak RM5 juta disediakan bagi tahun 2024 dan 2025 bagi membolehkan syarikat mendapat khidmat nasihat dari Penasihat Pakar PKS dalam pelbagai bidang.** Pendekatan ini akan mempercepatkan pertumbuhan syarikat melalui nasihat dan bimbingan yang diterima daripada pelbagai pakar dalam industri.

3. Commercialised Research – Industry Matching Platform (CRIMP)

Kebanyakan usahawan Bumiputera menghadapi kesukaran untuk mendapatkan akses kepada penyelidikan yang dilaksanakan oleh universiti dan institusi penyelidikan. Walaupun mereka dapat menghubungi pensyarah/profesional yang menjalankan penyelidikan, namun kekangan kedua belah pihak iaitu penyelidik dan usahawan, menyekat kebolehupayaan untuk mengkomersialkan penyelidikan yang dihasilkan oleh universiti dan institusi penyelidikan. Dengan ini, adalah dicadangkan satu platform pemadanan penyelidikan, **Commercialised Research – Industry Matching Platform (CRIMP)** yang menyenaraikan hasil penyelidikan semua universiti dan institusi penyelidikan tempatan diwujudkan untuk memberikan akses kepada usahawan mendapatkan senarai penyelidikan yang dijalankan.

CRIMP dicadangkan dikelolakan oleh SIRIM Tech Ventures (STV) dengan bajet permulaan sebanyak RM5 juta. Bajet ini akan membantu STV untuk memberi khidmat nasihat, penarafan ketersediaan syarikat mengenai keperluan tahap teknologi (*Technology Readiness Level – TRL*), pelesenan dan kontrak komersial.

4.4.2 Strategi Jangka Panjang (Tahun 2027 hingga 2035) - Big Wins

1. Mengembalikan Semula Goods Services Tax (GST)

Ramai pengusaha telah memohon Kerajaan untuk mengembalikan semula GST. Ini adalah kerana transaksi serta rekod perakaunan syarikat lebih telus dan berdisiplin melalui kaedah perakaunan GST, di mana syarikat dapat mengakses maklumat pasaran yang lebih tepat mengenai penentuan harga. **Pendekatan ini juga dapat membanteras ekonomi hitam (*black economy*) yang pada umumnya dikuasai oleh kartel bukan Bumiputera.**

Berbanding dengan SST, GST dilihat lebih fleksibel dan dapat meraih pendapatan negara yang lebih tinggi. Lebihan dari pendapatan GST dapat digunakan untuk menjalankan program peningkatan keupayaan PKS, terutama bagi syarikat mikro.

Dicadangkan Kerajaan mengkaji semula kelebihan pengusaha menggunakanai GST berbanding dengan SST. Sehingga kini, GST telah digunakan oleh 174 negara di dunia. Sebelum ini, kutipan GST telah berjaya meningkatkan pendapatan negara sebanyak 200% berbanding dengan SST.

2. Insentif Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia dikembangkan ke Wilayah Pantai Timur

Jurang digital masih menjadi isu utama di Negeri-negeri Pantai Timur di mana usahawan-usahawan yang terlibat dengan industri pendigitalan tidak dapat menikmati insentif MSC yang ketika ini hanya tertumpu kepada Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan. Dengan ini, adalah **dicadangkan insentif MSC dikembangkan kepada negeri-negeri di Wilayah Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, dan Pahang.** Insentif MSC ini akan dapat menyokong ekosistem IT dan industri yang digerakkan oleh inovasi dan pertumbuhan ekonomi digital

negara. Usaha ini juga akan memacu negara ke arah keusahawanan dan perkhidmatan digital serta peningkatan inovasi.

Pada tahun 2021, sebanyak 27 projek berstatus MSC telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM2.2 billion di mana ia telah mewujudkan 1,921 peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Malaysia. Daripada jumlah itu, RM1.6 billion (76.5%) adalah dijana dari pelaburan domestik.

3. Dashboard Usahawan Bumiputera

Data mengenai bantuan dan insentif yang diterima oleh syarikat dapat dicapai melalui **MyCOID (My Company Identification)**. Data mengenai profil syarikat, bilangan pekerja, pendapatan tahunan syarikat, insentif serta bantuan kewangan yang diterima oleh syarikat direkodkan melalui kerjasama lima (5) Agensi iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dan SME Corp. Malaysia.

Agensi-agensi serta bank digalakkan menjadi rakan kongsi SME Corp. Malaysia agar data mengenai bantuan kewangan yang diterima oleh syarikat dapat direkodkan. Dengan MyCOID, data mengenai penerimaan bantuan kewangan oleh syarikat dapat diperolehi oleh Agensi yang memberi bantuan. Data ini dapat memastikan syarikat tidak menerima bantuan yang sama dari pelbagai Agensi.

Namun demikian, data MyCOID tidak membezakan syarikat yang dimiliki Bumiputera. Dengan ini, dicadangkan satu **Dashboard Usahawan Bumiputera** dibangunkan untuk mendapatkan profil dan SCORE serta status syarikat supaya program berstruktur dan bersasar dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kebolehupayaan syarikat.

4.5 PENUTUP

8.5.1 Berdasarkan dapatan Sesi Libat Urus Kumpulan 4: Daya Saing Perusahaan Bumiputera, semua maklum balas, isu dan cabaran yang diterima perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya dan dipertimbangkan kepentingannya untuk tujuan pembangunan perusahaan Bumiputera secara holistik. Pemerkasaan perusahaan Bumiputera perlu dipacu ke peringkat yang lebih tinggi dan global bagi memastikan pemilikan serta penguasaan dalam ekonomi dapat direalisasikan. Strategi *QUICK Wins* dan *BIG Wins* yang dicadangkan merupakan pendekatan yang membolehkan usahawan Bumiputera mendapat manfaat dalam skala yang lebih besar.



**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 5:
PENGUKUHAN INDUSTRI HALAL**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) KUMPULAN PENGUKUHAN INDUSTRI HALAL

5.1. PENGENALAN

Industri Halal telah dikenal pasti sebagai antara industri strategik dan berimpak tinggi yang menyumbang kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Kerajaan kekal komited dalam memastikan usaha memperkasa Industri Halal negara melalui langkah awal yang di ambil dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas kabinet iaitu Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH).

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri I dan berperanan sebagai badan bertanggungjawab dalam memacu pembangunan Industri Halal ke arah lebih inklusif serta berdaya saing di peringkat domestik mahu pun persada antarabangsa. MPIH menghubungkan bidang kuasa Persekutuan dan Negeri-Negeri melalui keanggotaannya yang terdiri daripada 14 Menteri, 13 Menteri Besar dan Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta diurussetiakan oleh HDC dan MITI.

Bagi tujuan ini Pelan Induk Industri Halal 2030 (*Halal Industry Master Plan 2030 - HIMP 2030*) telah dilancarkan pada 23 Mac 2023. Pelan ini telah menggariskan 7 Teras Strategik dan 23 inisiatif utama merangkumi agenda pemerkasaan Bumiputera dengan sasaran *outcome* keseluruhan sebanyak 10.8% sumbangan Industri Halal kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2030.

5.2. PENCAPAIAN SEMASA

- Pada tahun 2023, kadar sumbangan Industri Halal kepada KDNK direkodkan pada kadar 7.9% dengan jumlah eksport produk halal sebanyak RM53.72 billion iaitu 3.8% berbanding jumlah keseluruhan eksport negara berjumlah RM1.426 trillion.
- Sehingga Disember 2023, sebanyak 38.7% atau 3,542 daripada jumlah keseluruhan 9,162 syarikat Halal merupakan milikan Bumiputera.
- Kadar kemasukan produk SKU keluaran Bumiputera ke dalam pasaraya tempatan tidak mencapai kuota 30% seperti yang diperuntukkan.
- Nilai eksport produk halal keluaran Bumiputera yang kurang positif iaitu sebanyak RM3.26 billion atau pun 6.1% berbanding jumlah keseluruhan eksport produk halal seperti yang direkodkan di atas.

Nota: Sumber data daripada Laporan HIMP 2030, DOSM, JAKIM & MATRADE bagi tahun 2023.

5.3. ISU DAN CABARAN

- Hampir keseluruhan premis perusahaan bagi industri kotej beroperasi di lokasi yang tidak memenuhi syarat Pensijilan Halal (contoh: kawasan belakang rumah).
- Pemilik perusahaan yang terlalu bergantung kepada hasil sara diri bagi membolehkan operasi perniagaan harian.
- Kekurangan produk menembusi pasaran domestik dan global disebabkan kapasiti pengeluaran yang rendah serta penyediaan logistik yang terhad di sepanjang rantai bekalan.
- Ketetapan bayaran keuntungan kepada syarikat pengedar yang menambahkan beban syarikat pengeluar.
- Kebolehupayaan perusahaan dalam menginovasi produk dan perkhidmatan masing-masing.
- Kekurangan penyertaan daripada perusahaan Bumiputera dalam aktiviti-aktiviti promosi luar negara.
- Maklumat mengenai ruang pasaran berpotensi yang kurang digunakan dan diberikan kepada perusahaan Bumiputera.

5.4. HALA TUJU

Melaksana **Program Halal Business Transformation** melalui aktiviti penilaian ketersediaan dan bimbingan perniagaan. Program ini adalah termasuk:

- Mewujudkan sistem tier (*tiering*) dan *green lane* untuk perusahaan Bumiputera mendapatkan Sijil Halal.
- Menyediakan dana pembiayaan khusus (*crowd funding/wakaf*) untuk menambah baik perusahaan Bumiputera.

- **Menyediakan premis/fasiliti perindustrian yang menepati Pensijilan Halal melalui kerjasama rakan strategik (Agensi/PBT/Institusi Kewangan).**
- **Mewujudkan pengiktirafan khas kepada perusahaan Bumiputera yang memperolehi Sijil Halal meliputi promosi bersepadu antara agensi.**

Mewajibkan **70% pembelian barang program rasmi** Kerajaan adalah produk Halal & Bumiputera (contoh: program kotak banjir & bakul makanan). 2 tindakan ini dijangka mengambil tempoh pelaksanaan 7 tahun (2024 – 2030) dengan menggunakan peruntukan pembangunan atau peruntukan mengurus daripada Kerajaan.

Pelaksanaan tersebut mensasarkan peningkatan kepada 5,200 usahawan Bumiputera yang mendapat Pensijilan Halal menjelang 2030. Ini seterusnya meningkatkan peratusan pengiktirafan perusahaan Bumiputera kepada lebih 68% berbanding 38.7% (kadar semasa) dalam Industri Halal.

Melaksana **Program Home-grown Halal Champion** merangkumi aktiviti pembangunan vendor dan bimbingan perniagaan dengan usahasama Syarikat Multinasional. Program ini termasuk:

- **Menyediakan premis/fasiliti perindustrian yang menepati Pensijilan Halal melalui kerjasama rakan strategik (Agensi/PBT/Institusi Kewangan).**
- **Mewujudkan pengiktirafan khas (*Halal Champion*) kepada perusahaan yang berjaya meliputi promosi bersepadu peringkat nasional.**
- **Menyediakan dana pembiayaan khusus (R, D, C&I) untuk menggalakkan penghasilan produk dan perkhidmatan Bumiputera.**

Mengembangkan polisi **30% kemasukan produk usahawan Bumiputera** ke dalam sektor peruncitan moden melibatkan pasar raya besar, pasar raya mini dan pasar raya tempatan. Membimbing dan mengembangkan **10 Halal Champions baharu** untuk produk SKU terpilih seperti biskut, bihun, mi segera, makanan dalam tin, santan, bahan-bahan bakeri, ayam diproses, susu UHT, susu krimer dan detergen.

3 tindakan ini dijangka mengambil tempoh pelaksanaan 7 tahun (2024 – 2030) dengan menggunakan peruntukan pembangunan daripada Kerajaan bersama komitmen daripada pihak swasta. Pelaksanaan ini mensasarkan peningkatan sebanyak 600 syarikat Bumiputera yang berjaya memasarkan produk mereka ke dalam pasar raya besar, pasar raya mini dan pasar raya tempatan serta pewujudan 10 *Halal Champions* baharu bagi produk-produk SKU terpilih. Hasil pelaksanaan tindakan-tindakan tersebut dijangka meningkatkan penguasaan Produk Halal dan Bumiputera pada kadar lebih 30% dalam pasaran domestik.

Melaksana **Program Malaysia Global Halal Show** melibatkan sasaran negara seperti Arab Saudi dan Indonesia. Program ini termasuk:

- **Menyediakan platform promosi antarabangsa melalui kerjasama rakan strategik (pertubuhan/badan antarabangsa).**
- **Menyediakan platform promosi perdagangan peringkat nasional (pameran jenama Halal Malaysia).**
- **Menyediakan dana pembiayaan/geran khusus untuk menggalakkan penyertaan perusahaan produk dan perkhidmatan Halal Bumiputera ke dalam platform/aktiviti promosi antarabangsa.**

Tindakan ini mengambil tempoh pelaksanaan 7 tahun (2024 – 2030) dengan menggunakan peruntukan pembangunan daripada Kerajaan bersama komitmen daripada pihak syarikat khususnya bagi menampung kos penyertaan ke dalam platform promosi berkenaan. Pelaksanaan tersebut mensasarkan peningkatan sebanyak 700 syarikat Bumiputera yang berdaya eksport seterusnya menjangkakan peningkatan jumlah eksport produk Halal keluaran Bumiputera kepada kadar 20% berbanding 6% dengan nilai RM2.96 billion (sehingga Disember 2023).

5.5. PENUTUP

Secara keseluruhannya, semua 6 tindakan tersebut adalah penting bagi meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera dalam perusahaan industri kotej, makanan dan minuman, farmaseutikal dan kosmetik seterusnya mempercepat pembangunan Industri Halal negara ke arah lebih berdaya saing menjelang 2030. Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan dalam merapatkan jurang ekonomi dan sosial seperti yang digariskan di bawah New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).



**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 6:
PENGUASAAN TEKNOLOGI BAHARU**







LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) KUMPULAN PENGUASAAN TEKNOLOGI BAHRU

6.1 LATAR BELAKANG


- 6.1.1 Kumpulan Penguasaan Teknologi Baharu adalah antara 10 kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan input dalam merangka hala tuju pendekatan baharu agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif. Berdasarkan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, penerimangunaan teknologi dan inovasi telah dikenalpasti sebagai pemangkin dalam mencapai objektif Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan. Pembangunan industri *high growth high value* (HGHV) yang berdasarkan teknologi dan digital adalah salah satu anjakan besar untuk memangkin pembangunan ekonomi Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi.
- 6.1.2 Dalam mengenalpasti peluang untuk komuniti dan syarikat Bumiputera dalam bidang Penguasaan Teknologi Baharu, Sesi Libat Urus telah diadakan pada 30-31 Januari 2024 dan telah dihadiri oleh seramai 119 peserta yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan seperti kerajaan, agensi kerajaan, pemain industri, dan badan bukan kerajaan. Dalam Sesi Libat Urus tersebut, perkara utama berkaitan pencapaian semasa, isu dan cabaran serta hala tuju jangka masa hadapan telah dibincangkan.
- 6.1.3 Dalam memastikan dapatan daripada sesi libat urus adalah berkualiti dan untuk memudahcara perbincangan di kalangan para peserta, pendekatan tematik telah diguna pakai untuk memastikan hasil dapatan adalah berlandaskan lensa penggunaan teknologi baharu di kalangan komuniti dan syarikat Bumiputera untuk mendukung tiga tema besar berikut:
- a. Kelestarian Pembangunan, yang merangkumi tiga sub-tema berikut:
 - Pembangunan Rendah Karbon
 - i. Pengurusan Sumber Asli
 - ii. Pembangunan Industri Strategik dan Inovasi
 - b. Kedaulatan Negara, yang merangkumi tiga sub-tema berikut:
 - Keterjaminan Nasional
 - i. Keselamatan Sempadan
 - ii. Daya Tahan Ekonomi
 - c. Daya Huni Rakyat, yang merangkumi tiga sub-tema berikut:
 - Keselamatan dan Kesejahteraan
 - i. Akses kepada Kesihatan
 - ii. Infrastruktur dan Pembangunan
- 6.1.4 Analisis berkenaan perkara berikut telah dijalankan untuk membentuk pendekatan sesi libat urus yang holistik, dan mengenal pasti tema serta sub-tema yang bersesuaian:
- Cabaran besar tahap global dan trend global merentas industri yang akan membentuk landskap dunia masa hadapan
 - a. Dasar pelan induk dan pelan tindakan negara sedia ada daripada aspek industri *High-Growth, High-Value*
 - b. Pengenalpastian peluang dalam bidang terpilih untuk Bumiputera dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan syarikat dan komuniti Bumiputera.

6.2 PENCAPAIAN SEMASA

SKOP	PENCAPAIAN					
	Merentas Skop					
Pembangunan Modal Insan	<p>Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina 2025: 0.88:1 2022: 0.71:1</p> <p>Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina 2025: 1:1 2021: 0.78:1</p> <p>Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir 2025: Sekurang-kurangnya 65% 2022: 61.0%</p> <p>Peratusan Isi Rumah Bumiputera yang Memiliki Seunit Kediaman 2025: Sekurang-kurangnya 75% 2022: 73.0%</p> <p>Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera dengan Penguasaan Berkesan 2025: Sekurang-kurangnya 30% 2020: 18.4%</p>					
Penglibatan, dan Penguasaan Syarikat dan Individu Bumiputera dalam Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)	<p>Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada KDNK 2025: 2.5% 2020*: 0.95%</p> <p>Perbelanjaan R&D oleh Sektor Swasta (BERD) kepada GERD 2025: 70% 2020*: 34.21%</p> <p>Bilangan Penyelidik bagi setiap 10,000 Tenaga Buruh 2025: 130 2020*: 33</p> <p>Perbelanjaan Penyelidikan Pembangunan Eksperimental kepada GERD 2025: 50% 2020*: 45.5%</p> <p>Bilangan Permohonan Paten oleh Warganegara 2025: 2,000 2022: 936</p> <p>Purata Sumbangan Produktiviti Pelbagai Faktor kepada KDNK 2021-2025: 40.4% 2021-2022: 36.9%</p> <p>Kedudukan dalam Global Innovation Index 2025: 20 Teratas 2022: 36</p> <p>Bilangan Produk/ Penyelesaian yang Dikomersialkan melalui Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2021-2025: 500 2021-2022: 112</p>					


Kajian Semula Dasar, Pelan Induk dan Pelan Tindakan Kerajaan	Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina		Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina		Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir	
	Peratusan Isi Rumah Bumiputera yang Memiliki Seunit Kediaman		Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera dengan Penguasaan Berkesan			
	Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina		Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina		Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir	
	Peratusan Isi Rumah Bumiputera yang Memiliki Seunit Kediaman		Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera dengan Penguasaan Berkesan			
	Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina		Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina		Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir	
	Kelestarian Pembangunan					
Pembangunan Rendah Karbon	Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan					
						
	Pengurangan Intensiti Pelepasan Gás Rumah Kaca (GHG) kepada KDNK pada Tahun 2030 ^a Berdasarkan Intensiti Pelepasan pada Tahun 2005					
Pengurusan Sumber Asli	Mengurus Sumber Asli dengan Cekap					
						
	Kawasan Terestrial dan Air Daratan Dipulihara melalui Pewartaan dan Kaedah-kaedah Lain yang Berkesan bagi Pemuliharaan Berlandaskan Kawasan					

*Sumber : Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025 (KSP RMKe-12)




Note: * Sumbangan Industri Kreatif kepada KDNK berdasarkan data awalan.


*Sumber : KSP RMKe-12



*Sumber : KSP RMKe-12



*Sumber : KSP RMKe-12



*Sumber : KSP RMKe-12



*Sumber : KSP RMKe-12

6.3 ISU DAN CABARAN

SKOP	ISU DAN CABARAN
Merentas Skop	
Pembangunan Modal Insan	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan kemandirian Bumiputera melalui daya cipta yang inovatif. • Kekurangan pekerja mahir Bumiputera dalam sektor bernilai tinggi. • Kurang daya tarikan bagi menyertai aliran pekerja-pekerja mahir di dalam TVET dan Institusi Latihan yang berkaitan. • Kekurangan tenaga kerja pakar dengan kemahiran dan pengetahuan yang selari dengan keperluan industri HGHV. • Kekurangan peluang dan kesedaran untuk golongan B40 Bumiputera menyertai program <i>reskilling and upskilling</i> mengikut teknologi semasa. • Kekurangan pendidikan dalam bidang digital.
Penglibatan, dan Penguasaan Syarikat dan Individu Bumiputera dalam Aktiviti R,D,C&I	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan penglibatan individu dan syarikat Bumiputera dalam aktiviti R,D,C&I dalam industri HGHV dan teknologi baharu. • Kekurangan penglibatan syarikat Bumiputera untuk komponen bernilai lebih tinggi dalam projek-projek mega Kerajaan. • Penghasilan IP yang kurang potensi aplikasi kepada sasaran pasaran.
Kajian Semula Dasar, Pelan Induk dan Pelan Tindakan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya usaha bersepadu (<i>concerted effort</i>) dalam pelaksanaan dasar, pelaburan dan inisiatif sedia ada untuk industri HGHV khusus untuk Bumiputera mengakibatkan <i>outcome</i> yang kurang memberi impak besar. • Terlalu banyak pelan tindakan pembangunan teknologi dan industri Kerajaan yang tidak selari menyebabkan industri hilang minat. • Persaingan di dalam industri dari agensi, penguatkuasa Kerajaan dan GLCs.

SKOP	ISU DAN CABARAN
Strategi dan Hala Tuju untuk Meningkatkan Penglibatan, Pemilikan, dan Penguasaan Syarikat dan Individu Bumiputera Dalam Teknologi Baharu	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan syarikat Bumiputera dalam rantaian bekalan sektor bernilai tambah tinggi adalah rendah berikutan kekurangan kapasiti, keupayaan dan daya saing. Penyertaan syarikat Bumiputera yang rendah dalam sektor pembuatan di Malaysia. Tiada dasar pemisah yang jelas bagi menggalakkan syarikat Bumiputera yang berjaya supaya lebih berdikari dan berdaya tahan.
Kelestarian Pembangunan	
Pembangunan Rendah Karbon	<ul style="list-style-type: none"> Sistem sedia ada menggunakan kepakaran dari luar. Masalah pengurusan sisa pepejal dan cecair dan pelupusan sampah. Keperluan untuk penggunaan teknologi bagi menyelesaikan masalah pencemaran. Potensi untuk menambah nilai sisa kepada bahan mentah baru ke arah ekonomi kitaran.
Pengurusan Sumber Asli	<ul style="list-style-type: none"> Kekangan kekuatan kewangan untuk projek pembangunan yang memerlukan modal yang tinggi. Memerlukan model kewangan yang inovatif selaras dengan keperluan kelestarian pembangunan. Berlaku banyak isu-isu yang mempengaruhi aspek kepupusan biodiversiti dan susutan sumber asli.
Pembangunan Industri Strategik dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> Kurang penerapan teknologi tinggi dalam perniagaan Bumiputera. Kekurangan penglibatan bakat keusahawanan dan kelemahan daya saing perniagaan Bumiputera. Kekangan bagi aliran masuk modal. Kurangnya inisiatif yang menggalakkan pemilikan teknologi, penggunaan teknologi dsb. berkemungkinan menyebabkan pemain industri Bumiputera lebih selesa menjalankan perniagaan berpusatkan perdagangan daripada menyertai aktiviti perniagaan bernilai lebih tinggi seperti R&D dan Pembangunan teknologi dan produk. Kekurangan pelaburan dalam industri kreatif. Ketidaaan platform digital pusat untuk mengumpulkan kandungan dan membantu pengeluar kandungan untuk mengewangkan (<i>monetise</i>) kandungan kreatif. Kebimbangan tentang keselamatan kosmetik dan pendedahan pengguna kepada bahan kimia dan kekotoran, seperti pencemaran merkuri. Sistem kawal selia sedia ada untuk produk semula jadi tidak mencukupi, membawa kepada kehadiran sebatian toksik dan bahan terlarang dalam sesetengah produk Kurang penerapan teknologi tinggi dalam perniagaan Bumiputera. Kekurangan penglibatan bakat keusahawanan dan kelemahan daya saing perniagaan Bumiputera. Kekurangan penglibatan Bumiputera untuk komponen bernilai lebih tinggi dalam projek mega dan berprofil tinggi.

SKOP	ISU DAN CABARAN
Kedaulatan Negara	
Keterjaminan Nasional (Tenaga, Air, Makanan, Kesihatan)	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan bahan mentah tenaga yang tidak menentu. • Ketidaksediaan PMKS mengadaptasi kepada tenaga boleh diperbaharui. • Kos bahan api yang meningkat. • Kadar Air Tidak Terhasil atau ‘Non-Revenue Water (NRW)’ yang tinggi. • Pencemaran air. • Kurang penerapan teknologi baru dalam bidang keterjaminan air. • Kebergantungan import makanan tinggi. • Ketirisan subsidi input pertanian. • Generasi muda Bumiputera yang tidak sabar dan lebih suka pulangan cepat menjelaskan kelestarian ekonomi Bumiputera • Cabaran petani tempatan termasuk harga ditetapkan oleh orang pertengahan. • Monopoli pasaran pertanian oleh pemain bukan Bumiputera. • Bahan mentah dan input tidak dibangunkan di dalam Malaysia. • Penghasilan produk ubatan tradisional yang tidak diiktiraf. • Kurang akses rawatan berteknologi tinggi. • Kurang penglibatan syarikat Bumiputera dalam aktiviti R&D dan pembangunan produk dan perkhidmatan yang merangkumi bidang bioteknologi, biosimilar, genomik dan perubatan termaju. • Malaysia sangat bergantung kepada bekalan vaksin dari luar negara. • Kurang sokongan kerajaan sebagai “early off-taker” kepada produk tempatan.
Keselamatan Sempadan	<ul style="list-style-type: none"> • Ancaman daripada pencerobohan sempadan, radikalasi dan ancaman ekstremisme ganas; dan ketidakstabilan geopolitik. • Penggunaan teknologi yang tidak menyeluruh dalam memelihara kedaulatan negara daripada ancaman keselamatan sempadan. • Ancaman daripada penggodam domestik dan antarabangsa yang menyebabkan gangguan perkhidmatan utiliti yang meluas seperti elektrik, air dan telekomunikasi. • Pemanasan global dan perubahan iklim menyebabkan banyak bencana alam tidak diduga berlaku. • Sistem ramalan sedia ada adalah kurang tepat dan tidak melibatkan litupan menyeluruh dari segi operasi dan maklumat. • Kebergantungan kepada pekerja asing dan kebanjiran pekerja asing. • Peningkatan kadar pengangguran pekerja tempatan. • Kekurangan <i>multiplier effect</i> kepada ekonomi dalam negara atas sebab kebergantungan kepada pekerja asing.

SKOP	ISU DAN CABARAN
Daya Tahan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> CPTPP berpotensi mengehadkan syarat yang dikenakan ke atas firma asing yang berkemungkinan memberi kesan negatif kepada daya maju syarikat tempatan kerana mereka tidak mempunyai kepakaran dan teknologi firma asing. SOEs akan dihadkan dalam memberikan keutamaan kepada syarikat Bumiputera besar dan berkemungkinan akan menjelaskan pertumbuhan industri tempatan. Kehilangan pekerjaan akibat daripada ratifikasi dan pelaksanaan perjanjian. Jumlah import meningkat berbanding eksport yang memberi implikasi kepada imbalan pembayaran dan saungan kepada pengeluar tempatan (khususnya Bumiputera).
Daya Huni Rakyat	
Keselamatan dan Kesejahteraan	<ul style="list-style-type: none"> Lambakan produk makanan import yang tiada jaminan keselamatan. Tiada badan penguatkuasa untuk tapisan produk import. Kurang kesedaran mengenai keselamatan makanan (cth. penggunaan bahan kimia terlarang). Kurang teknologi soil sensor yang digunakan secara meluas oleh pemain industri pertanian dan petani-petani kecil. Cabar untuk produk tempatan bersaing dengan produk import. Golongan B40 mempunyai kurang akses dan kemampuan untuk memilih makanan yang sihat. Kewujudan pelbagai komplikasi kesihatan akibat dari pencemaran makanan, ketidakcukupan bekalan makanan & pemilihan makanan yang tidak sihat.
Akses kepada Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> Tahap kesedaran penjagaan kesihatan fizikal dan mental Bumiputera adalah rendah. Kebanyakkannya enggan berurusan dgn KKM ekoran isu-isu birokrasi, masa, dan kos. Kemerosotan kualiti kesihatan fizikal dan mental masyarakat (generasi muda bantut, penyakit tidak berjangkit seperti penyakit pulmonari, sakit kritis, sakit mental dll.). Kekurangan pengetahuan tentang keselamatan ubat-ubatan serta lambakan ubatan tidak sah dan tiada jaminan kualiti di pasaran. Golongan Bumiputera yang kurang berkemampuan amat bergantung kepada sistem kesihatan KKM dan dibebani isu menunggu yang lama dan kurang kemampuan untuk mengakses rawatan dan perubatan terkini. Tiada dana/tabung/Yayasan khas membiayai perkhidmatan khusus untuk isu kesihatan Bumiputera yang tidak berkemampuan. Kurang akses kemudahan kesihatan (beratur panjang, lewat dapat rawatan, birokrasi, kos hospital swasta yang mahal). Bumiputera luar bandar bermasalah dalam mendapatkan rawatan kesihatan. Tiada sistem digital bersepadu untuk kes/kenalpasti/pantau kualiti ubatan and pemberian perkhidmatan bersepadu cth: mempelbagaikan fungsi MySejahtera Tiada kolaborasi penyedia perkhidmatan kesihatan kerajaan dan swasta menyebabkan birokrasi dan proses tidak bersepadu. Teknologi perubatan bergantung kepada negara luar disebabkan oleh kekurangan kepakaran dalam negara (tenaga mahir).

SKOP	ISU DAN CABARAN
Infrastruktur dan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Fokus dasar sedia ada lebih kepada kawasan bandar. • Keperluan pekerja Bumiputera kepada akses gaji. • Pekerja Bumiputera meminjam daripada peminjam terlarang atau Along, menanggung kadar ‘interest’ yang tinggi, tiada akses kepada gaji sebelum hari gaji & memenuhi keperluan kewangan kecemasan. • Tiada pangkalan data bersepodu. • Tiada agensi berperanan sebagai penyelaras bagi menghubungkan dan menyepadukan data. • Kadar pemilikan rumah yang rendah di kalangan Bumiputera. • Tiada platform bersepodu yang menyediakan data menyeluruh berkenaan perumahan mampu milik yang ada (baru dan terpakai). • Kurangnya inisiatif yang membantu pembelian rumah mampu milik di pasaran sekunder (<i>secondary market</i>).

6.4 HALA TUJU

- 6.4.1 Dalam merangka strategi dan hala tuju bagi menambahbaik serta mengatasi isu dan cabaran yang telah dikenal pasti di atas, cadangan-cadangan strategi dan hala tuju yang dikemukakan bagi setiap skop ini diperincikan kepada tiga fasa utama iaitu hala tuju jangka masa pendek (2024-2025), jangka masa sederhana (2026-2030) dan jangka masa panjang (2030-2035).
- 6.4.2 Untuk **Pembangunan Modal Insan**, di antara hala tuju jangka masa pendek yang dicadangkan adalah mewujudkan kolaborasi di antara GLC dan pihak-pihak strategik berkepentingan termasuk dari segi kadar upah dan tenaga mahir, serta menawarkan latihan industri dan peluang pekerjaan khas bagi graduan Bumiputera TVET. Bagi hala tuju jangka masa sederhana pula, adalah dicadangkan untuk meningkatkan kolaborasi bersama industri bagi program *reskill and upskill* untuk tenaga kerja Bumiputera sedia ada mengikut permintaan industri seperti kemahiran teknikal dan aspek pengurusan, dan membangunkan platform digital bagi mewujudkan jaringan kerjasama antara IPT, industri dan graduan Bumiputera. Antara hala tuju jangka masa panjang yang disarankan adalah merangka polisi untuk mengutamakan kepakaran tempatan dan memberi keutamaan kepada Bumiputera *knowledge worker* dalam industri sekaligus membolehkan Malaysia menawarkan kepakaran kepada luar negara, menyedia kebolehpasaran modal insan Bumiputera yang mampan, dan meningkatkan peratusan pekerja mahir Bumiputera dalam sektor GHV terpilih.
- 6.4.3 Bagi skop **Penglibatan, dan Penguasaan Syarikat dan Individu Bumiputera dalam Aktiviti R,D,C&I**, di antara hala tuju jangka pendek yang dicadangkan adalah supaya bayaran IP adalah dikekualikan sehingga produk terhasil, pemberian geran dan insentif lebih tinggi dari Kerajaan kepada penggiat teknologi Bumiputera, untuk Kerajaan menyokong perolehan teknologi serta IP tempatan dan asing oleh syarikat Bumiputera, serta memastikan syarikat Bumiputera menghasilkan produk dan penyelesaian teknologi yang relevan untuk keperluan sasaran pasaran. Bagi cadangan hala tuju jangka masa sederhana, perkongsian pintar antara SOE, institusi R&D dan syarikat Bumiputera hendaklah dipergiatkan untuk membangun dan mengkomersialkan IP serta produk dan perkhidmatan inovatif bagi menembusi pasaran baharu, dan tumpuan hendaklah diberikan kepada pendekatan kolaboratif dan *syndicated* untuk pembiayaan, pengembangan pasaran dan pembangunan dan pemindahan teknologi. Bagi cadangan hala tuju jangka masa panjang, antara strategi yang telah dikenalpasti adalah menyalur dana daripada industri kepada penyelidikan akademik, infrastruktur makmal & pembiayaan projek bersama dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan dan syarikat teknologi Bumiputera bertaraf dunia dan juga menghasilkan lebih banyak pemilikan IP dan penghasilan produk berteknologi yang juga dieksport ke luar negara.
- 6.4.4 Bagi skop **Kajian Semula Dasar, Pelan Induk dan Pelan Tindakan Kerajaan**, cadangan hala tuju jangka masa pendek yang telah dikenalpasti adalah untuk Kerajaan melakukan kajian penanda aras dengan negara-negara lain mengenai penggunaan teknologi di lapangan dan mengenal pasti pendekatan pelaksanaan yang sesuai diadaptasi di Malaysia. Kerajaan juga digesa untuk memusatkan dan menyelaras dasar, pelan induk dan pelan Tindakan berkaitan pembangunan industri dan Bumiputera (Teraju), serta memastikan pelan tindakan yang telah diselaraskan

dipandu oleh industri dan dipermudahkan oleh Kerajaan dan agensi. Langkah jangka masa sederhana dan panjang hendaklah difokuskan kepada pelaksanaan yang cekap dan efektif untuk membina peluang untuk syarikat dan individu Bumiputera dalam penglibatan, pemilikan, dan penguasaan teknologi baharu dan industri GHV terpilih.

- 6.4.5 Seterusnya bagi skop **Merangka Strategi dan Hala Tuju untuk Meningkatkan Penglibatan, Pemilikan, dan Penguasaan Syarikat dan Individu Bumiputera dalam Teknologi Baharu**, antara perkara yang perlu diberi keutamaan untuk hala tuju jangka masa pendek dan sederhana adalah untuk memperuntukkan 30% “*carve out and compete*” daripada pelan-pelan strategik seperti NETR, NIMP dan bidang dan industri terpilih untuk syarikat Bumiputera yang berpengalaman dan berpotensi dengan peluang pengecualian bayaran balik pinjaman untuk Syarikat Bumiputera yang berjaya. Cadangan-cadangan lain yang telah dikenalpasti termasuk mengenalpasti syarikat peneraju Bumiputera untuk teknologi dan industri GHV terpilih dan Kerajaan dan agensi untuk memfokuskan peranan sebagai *enabler* untuk menyediakan dan memperkasakan ekosistem yang mampan dan berdaya tahan; memperluas bantuan kewangan, bimbingan dan pementoran oleh Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) bagi menyokong usahawan mencebur aktifiti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi; memantapkan daya saing syarikat Bumiputera dan memupuk kapabiliti dan pertumbuhan perniagaan melalui suntikan modal dan dana pelaburan dalam bentuk ekuiti dalam industri GHV terpilih; dan menggalakkan PMKS Bumiputera menujuhkan konsortium dan koperasi bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan untuk bersaing di sepanjang rantai bekalan. Manakala hala tuju jangka masa panjang yang telah digariskan adalah pengukuhan kerjasama antara SOE dengan MNC dan syarikat antarabangsa bagi mengenal pasti dan membantu Syarikat teknologi Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan dan menembusi pasaran antarabangsa dan menghasilkan lebih ramai usahawan dan syarikat Bumiputera yang seterusnya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada Bumiputera.
- 6.4.6 Bagi skop **Pembangunan Rendah Karbon**, antara strategi jangka masa pendek yang telah dikenalpasti adalah memfokuskan tumpuan kepada pembangunan rantai industri dan infrastruktur dengan memanfaatkan program dan inisiatif sedia ada; memperkenalkan insentif cukai bagi projek berkaitan Pembangunan hijau cth. ESG & ekonomi kitaran; dan penetapan kerangka kerja dan piawaian bagi pelaksanaan ekonomi kitaran. Manakala langkah hala tuju jangka masa sederhana yang telah dikenalpasti adalah pengenalan dasar baharu dan mewujudkan insentif bagi pemantauan dan penguatkuasaan bagi menambahbaik fungsi dan prestasi teknologi berkaitan pembangunan rendah karbon sedia ada. Untuk strategi jangka masa panjang, adalah dicadangkan untuk pelaporan menyeluruh berkenaan prestasi syarikat Bumiputera bagi pencapaian pengurangan pelepasan karbon daripada pelbagai sumber dibuat untuk menaikkan taraf prestasi dan memastikan ekosistem industri Bumiputera adalah seajar dengan matlamat *zero carbon* Kerajaan.
- 6.4.7 Seterusnya bagi skop **Pengurusan Sumber Asli**, strategi menyeluruh telah dikenal pasti bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan penglibatan, pemilikan, dan penguasaan pemain industri Bumiputera dalam penggunaan dan eksplorasi lestari sumber asli negara, termasuk perlindungan, pemuliharaan dan penggunaan biodiversiti serta sumber mineral. Antara strategi tersebut adalah membangunkan rantai industri dan infrastruktur dengan memanfaatkan program dana sedia ada; meneroka cara-cara untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam penggunaan dan eksplorasi sumber melalui pelesenan, polisi ekuiti dan sebagainya; pembangunan ekosistem dan galakan program R,D,C,I&E bersama pihak industri untuk meningkatkan pemilikan teknologi oleh syarikat Bumiputera; dan menyalaras penjualan teknologi/IP yang dimiliki Bumiputera untuk memastikan penjualan memberi keutamaan kepada Bumiputera yang berkelayakan dalam memperkuuhkan pegangan Bumiputera dalam pengurusan dan pengeluaran sumber mineral.
- 6.4.8 Selain itu, bagi skop **Pembangunan Industri Strategik dan Inovasi**, strategi menyeluruh pertama yang dicadangkan adalah pembangunan ekosistem untuk meningkatkan penglibatan, pemilikan, dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam pembangunan teknologi lestari seperti Reaktor Modul Kecil (SMR), Hidrogen Hijau, Biofuel/Bioenergi, kitar semula bateri dan solar panel. Bagi strategi hala tuju jangka masa pendek dan sederhana, adalah dicadangkan agar 2% daripada keuntungan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dilaburkan ke dalam syarikat-syarikat pemula Bumiputera, diwujudkan konsortium Bumiputera untuk industri GHV terpilih, dan program pemindahan teknologi dan pemerolehan teknologi terpilih dilaksanakan dan pembangunan ekosistem /rantai bekalan/ teknologi dan kerjasama dengan pihak MNC dan rakan strategik ie. GRI-COE adalah dilaksanakan. Selain itu, adalah penting untuk insentif diberikan kepada syarikat pemula Bumiputera berjaya di Malaysia (contohnya, ibu pejabat di Malaysia) bagi mengekalkan kehadiran mereka di Malaysia sebagai cth. mengekalkan ibu pejabat di Malaysia. Bagi hala tuju jangka masa panjang pula, adalah dicadangkan agar kerajaan berusaha meningkatkan bilangan Syarikat Bumiputera menjadi syarikat multinasional dalam bidang teknologi lestari dalam memacu peralihan dari sebuah negara dagangan kepada sebuah negara pendorong inovasi.

- 6.4.9 Strategi menyeluruh yang kedua di bawah skop ini adalah meningkatkan penglibatan, pemilikan dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam sektor penciptaan kandungan kreatif untuk menjadikan Malaysia sebuah hab serantau untuk kandungan digital. Untuk mencapai matlamat ini, adalah dicadangkan bahawa platform untuk kandungan yang mudah diwangkan dan memupuk pembangunan kandungan disediakan dan insentif disediakan untuk pelaburan dalam industri kreatif. Peningkatan eksport kandungan kreatif negara melalui platform digital dan lain-lain adalah dilihat sebagai hala tuju jangka masa panjang negara untuk sektor ini. Selain itu, disebabkan banyak syarikat Bumiputera berkecimpung dalam industri kosmetik, adalah dicadangkan agar syarikat Bumiputera didorong untuk meningkatkan penglibatan dan penguasaan dalam aktiviti R&D untuk beralih kepada pengeluaran produk bernilai tambah lebih tinggi seperti produk *cosmeceuticals* berasaskan sumber biodiversiti negara. GLCs seperti TNB dan Petronas, dan syarikat terkemuka seperti Aerodyne juga hendaklah didorong untuk membangunkan dan memanfaatkan syarikat Bumiputera secara selektif dalam sektor huluan, pertengahan dan hiliran perniagaan masing-masing melalui sokongan dalam bidang pembangunan perniagaan, pengurusan kewangan, teknikal dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dijalankan melalui kerjasama bersama SOEs dan agensi-agensi penguatkuasaan dan piawaian.
- 6.4.10 Seterusnya melalui skop **Keterjaminan Nasional**, antara cadangan yang diketengahkan ialah untuk membina peluang penglibatan, pemilikan dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam bidang teknologi berkaitan keterjaminan tenaga, makanan, dan air. Dalam hala tuju jangka masa pendek, fokus antaranya diletakkan pada penghapusan kos pelesenan pendahuluan (*upfront licensing cost*) bagi pemindahan teknologi antara institut pengajian tinggi, institut penyelidikan dan industri; perkongsian pendapatan kasar antara usahawan Bumiputera dengan universiti; pengutamaan kepada syarikat Bumiputera sebagai penerima OFFSET/ ICP program; dan pengukuhan program pembangunan usahawan Bumiputera dalam bidang teknologi dalam bidang berkaitan keterjaminan tenaga, dan air. Cadangan hala tuju jangka masa sederhana dan panjang pula akan memfokuskan antaranya kepada pengembangan infrastruktur digital dan jalinan kerjasama strategik dengan agensi luar negara untuk pembangunan pasaran Bumiputera. Bagi bidang teknologi berkaitan keterjaminan makanan, antara langkah yang dicadangkan adalah untuk mewujudkan *hybrid marketplace* dengan teknologi terkini mengikut lokaliti dengan menyasarkan peruncit sahaja berpaksikan konsep perdagangan yang adil dan mengurangkan kebergantungan orang tengah; menyediakan latihan penggunaan teknologi AI dan *gene editing* dalam bidang pertanian yang dikuasai oleh Bumiputera contohnya nenas; dan meluaskan penggunaan teknologi kebolehkesanan melalui *blockchain* untuk industri makanan dan Halal. Bagi aspek keterjaminan kesihatan nasional, adalah dicadangkan agar Kerajaan membangunkan dan meningkatkan penglibatan, pemilikan dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam bidang teknologi berkaitan keterjaminan kesihatan, terutamanya dalam bidang bioteknologi, biosimilar, bioinformatik, *genomic sequencing*, *comparative genomics*, dan *precision medicine*; dan menjadikan Malaysia peneraju dalam pengeluaran vaksin dan produk biologikal manusia halal dan mesra etika.
- 6.4.11 Seterusnya bagi skop **Keselamatan Sempadan**, strategi keseluruhan yang telah dikenalpasti adalah membangunkan penglibatan, pemilikan dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam sektor keselamatan negara merangkumi angkasa, udara, darat dan maritim, dan dalam masa yang sama mengukuhkan kekuatan sedia ada dalam bidang angkasa dan udara. Strategi keseluruhan seterusnya adalah meningkatkan penglibatan, pemilikan, dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam pemeliharaan kedaulatan data dan pencegahan jenayah siber rentas sempadan untuk melindungi infrastruktur penting seperti operasi grid dan loji kuasa daripada ancaman penggodaman. Strategi seterusnya di bawah skop Keselamatan Sempadan adalah pembangunan sistem ramalan dan amaran bencana alam oleh syarikat Bumiputera dalam memastikan impak negatif kepada produktiviti komuniti Bumiputera yang terjejas disebabkan bencana banjir dapat dikurangkan jika tidak dihapuskan. Dalam menangani kebergantungan kepada pekerja asing dan kebanjiran pekerja asing, penglibatan, pemilikan dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam mencipta dan membangunkan teknologi robotik dan AI hendaklah diketengahkan.
- 6.4.12 Bagi skop **Daya Tahan Ekonomi**, adalah penting bagi Kerajaan untuk memastikan syarikat Bumiputera bersedia dan berdaya saing di pasaran antarabangsa khususnya apabila CPTPP dikuatkuasakan sepenuhnya. Antara hala tuju jangka masa pendek yang telah dikenalpasti adalah penyusunan semula *Vendor Development Programme* (VDP) di syarikat GLCs dan syarikat peneraju Bumiputera di dalam industri strategik dan HGHV terpilih; dan pemerkasaan peranan industri sebagai pembangun pusat latihan melalui kerjasama bersama universiti. Manakala, antara hala tuju jangka masa sederhana dan panjang yang telah dikenalpasti adalah lokalisasi produk & perkhidmatan yang bernilai tinggi dan penting; dan mencipta, mengenalpasti dan menyokong syarikat Zebra dan Unicorn Bumiputera di dalam bidang teknologi baharu dan HGHV terpilih.

- 6.4.13 Bagi mengatasi isu dan cabaran berkaitan **Keselamatan dan Kesejahteraan**, strategi keseluruhan adalah difokuskan kepada pemerkasaan dan peningkatan penglibatan, pemilikan, dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam teknologi pertanian moden berkaitan pengeluaran hasil pertanian organik bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran dan kebolehpasaran Malaysia sebagai hab makanan organik serantau. Dalam mencapai aspirasi tersebut, pengaplikasian teknologi terkini adalah penting untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan kebolehpasaran Bumiputera untuk penghasilan racun serangga bebas kimia dan lebih organik; pengolahan sisa buangan pertanian dan sisa domestik kepada baja organik, tenaga dan produk nilai tinggi seperti *biochar*; dan pembangunan sistem pembuangan sisa bersepadu untuk menyokong SME dan pembaziran sifar.
- 6.4.14 Bagi skop **Akses kepada Kesihatan**, fokus hendaklah diberikan kepada pemerkasaan komuniti Bumiputera dalam pengetahuan, pemantauan dan penilaian kesihatan kendiri melalui aplikasi teknologi «Super App» bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup sehari-hari; penubuhan dana zakat untuk meningkatkan akses perkhidmatan perubatan terkini dan rawatan teknologi terbaharu di hospital kepada komuniti Bumiputera yang layak dan memerlukan; dan pemerkasaan serta peningkatan penglibatan, pemilikan, dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam pembangunan platform digital bersepadu melalui integrasi data dan proses antara hospital kerajaan dan swasta. Antara langkah penting yang telah dikenalpasti untuk merealisasikan aspirasi tersebut adalah mewujudkan kerjasama pembangunan teknologi antara perkhidmatan kesihatan awam & swasta; dan mengoptimumkan penggunaan teknologi digital bagi mempelbagaikan akses Bumiputera kepada sistem perkhidmatan kesihatan (awam/swasta) melalui penggunaan AI dan IOT.
- 6.4.15 Bagi skop yang terakhir berkaitan **Infrastruktur dan Pembangunan**, beberapa strategi berfokus telah dikenalpasti yang di antaranya termasuk menggunakan teknologi baharu untuk mentransformasi infrastruktur secara menyeluruh di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang digital dengan menyediakan ketersambungan “*last-mile*” di kawasan luar bandar melalui perkhidmatan satelit; dan menubuhkan kawasan Malaysia Digital Status di luar bandar dan negeri-negeri majoritinya Bumiputera untuk menggalakkan syarikat teknologi dan digital beroperasi di kawasan tersebut.
- 6.4.16 Tiga strategi lain di bawah skop yang sama adalah menggalakkan majikan menggunakan AI untuk memberi ‘akses awal gaji’ kepada golongan Bumiputera yang berpendapatan rendah untuk mengurangkan kebergantungan kepada peminjam terlarang; mencipta peluang penglibatan, pemilikan, dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam GovTech dan pembangunan pangkalan data dan proses bersepadu melalui Pembangunan Super Apps berdasarkan teknologi *big data* dan proses integrasi data (API) dengan penggunaan *super/quantum computing*; dan mencipta peluang penglibatan, pemilikan, dan penguasaan syarikat Bumiputera dalam pembangunan pangkalan data bersepadu berdasarkan teknologi *big data* dan AI untuk mempersiapkan masyarakat Bumiputera kurang berkemampuan untuk memiliki kediaman melalui kerjasama dengan bank dan organisasi yang berkaitan.

6.5 PENUTUP

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan Sesi Libat Urus Kumpulan Penguasaan Teknologi Baharu, adalah penting untuk semua pemegang taruh yang terlibat mengambil kira cadangan strategi dan hala tuju yang telah dikenal pasti. Kajian secara menyeluruh dan mendalam serta penajaran kepada dasar, pelan induk dan pelan tindakan sedia ada hendaklah dijalankan untuk mengenalpasti peluang kepada komuniti dan syarikat Bumiputera berkaitan penglibatan, pemilikan dan penguasaan teknologi baharu. Strategi dan hala tuju bersesuaian dan perincian bidang *niche* yang memberi kelebihan strategik kepada pemain Bumiputera akan memastikan pelaksanaan yang lebih berfokus dan efektif dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk mencapai *outcome* yang saksama untuk Bumiputera ke arah pembangunan inklusif dan mampan.





**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 7:
PEMBANGUNAN DESA DAN PEMERKASAAN
MASYARAKAT ORANG ASLI**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) KUMPULAN PEMBANGUNAN DESA DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT ORANG ASLI

7.1. PENGENALAN

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan rancangan ekonomi lain telah membawa perubahan yang signifikan kepada ekonomi negara. Namun, masih terdapat keperluan yang perlu diberi perhatian untuk masyarakat di luar bandar dan Orang Asli, khususnya untuk menangani ketidakseimbangan dalam penglibatan ekonomi dan penciptaan kekayaan. Dalam konteks masyarakat Bumiputera, masih terdapat banyak isu dan cabaran tertentu yang timbul, termasuklah isu peningkatan kesenjangan pendapatan, pemilikan ekuiti korporat yang rendah, kurangnya penglibatan bakat keusahawanan, dan kelemahan daya saing perniagaan dalam kalangan Bumiputera.

Justeru, tindakan yang tuntas dan berkesan perlu diambil bagi menangani isu-isu tersebut dengan memberi tumpuan kepada penyelarasan peluang ekonomi, pembangunan modal insan, peningkatan pemilikan ekuiti, dan peningkatan daya keusahawanan. Tindakan ini akan membantu ke arah mencapai objektif pembangunan ekonomi yang lebih seimbang dan inklusif, memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, khususnya kepada masyarakat Bumiputera yang berada di luar bandar.

Dalam masa yang sama, penekanan pada sokongan sosial boleh mendorong pengenalan kepada pelbagai inisiatif perubahan masyarakat Bumiputera di luar bandar, seperti pembangunan infrastruktur asas, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti, serta peluang pekerjaan. Begitu juga dengan sokongan kepada masyarakat Orang Asli dari aspek pemeliharaan budaya dan tradisi, pengiktirafan hak tanah, peningkatan capaian kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Penekanan kepada sistem sokongan sosial tidak hanya membantu mencapai Matlamat Pembangunan Mapan atau *Sustainable Development Goals (SDG)*, tetapi juga selaras dengan prinsip-prinsip *Maqasid Syariah* dalam Islam, iaitu 1) menjaga harta, 2) menjaga agama, 3) menjaga nyawa, 4) menjaga akal dan 5) menjaga keturunan yang menekankan elemen keadilan, kesejahteraan masyarakat, dan pemeliharaan alam sekitar.

Pembangunan ekonomi Bumiputera pasca DEB adalah penting, terutamanya untuk masyarakat luar bandar dan Orang Asli. Antara anjakan dan pengkhususan yang boleh di pertengahan adalah dengan meningkatkan impak pembangunan ekonomi Bumiputera bagi mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan lapisan masyarakat.

Dengan memberikan peluang yang lebih luas kepada Bumiputera di luar bandar dan masyarakat Orang Asli akan dapat menyumbang kepada keadilan ekonomi dan mengurangkan jurang ekonomi yang masih wujud. Membangunkan ekonomi Bumiputera di luar bandar dengan melibatkan pemerkasaan usahawan tempatan untuk mencipta persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan perniagaan tempatan dan peningkatan penyertaan ekonomi akan menjadi pemangkin kepada pembangunan fasiliti, infrastruktur dan keadaan sosioekonomi yang lebih inklusif. Manakala, peluang ekonomi yang menjurus kepada peluang pekerjaan baru mampu mengurangkan kadar pengangguran dan migrasi ke bandar, memastikan wujud skala ekonomikal kawasan.

7.2. PENCAPAIAN SEMASA

Indikator pembangunan masyarakat diukur melalui kadar pengangguran, kesihatan, pendidikan dan kesaksamaan. Indikator pencapaian semasa boleh dirumuskan melalui data-data yang terkumpul oleh pelbagai agensi dijadikan asas kemenjadian program-program yang telah diusahakan terutama kepada penduduk masyarakat luar bandar dan Orang Asli.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, trend kepadatan penduduk di luar bandar berbanding penduduk bandar telah berkurang daripada 73.1% pada tahun 1970 kepada bawah 25% sejak tahun 2018. Namun, peratus bilangan penduduk Bumiputera luar bandar berbanding lain-lain etnik penduduk luar bandar adalah meningkat daripada 77.92% pada tahun 2018 kepada 81.62% pada tahun 2021. Peratus migrasi penduduk bandar ke luar bandar pada tahun 2018 hingga 2022 adalah sebanyak 16.7% sehingga 19.5%. Manakala migrasi penduduk luar bandar ke bandar lebih sedekad lalu kekal adalah pada sekitar 3% (DOSM, 2024).

Pengurangan jurang ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera diukur melalui perbandingan pendapatan, kekayaan dan peluang ekonomi. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesenjangan pendapatan penengah bulanan isi

rumah antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah masih besar. Misalnya, ketidaksamaan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara kaum Bumiputera dan kaum Cina meningkat hampir empat kali ganda di antara tahun 1989 dengan tahun 2019. Pada peringkat nasional, Bumiputera membentuk peratusan tertinggi isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM2,000-RM3,000 dan peratusan terendah untuk pendapatan bulanan lebih daripada RM20,000. Jurang pendapatan ini tidak hanya wujud dalam kalangan etnik, tetapi juga ketara pada peringkat negeri.

Bilangan tenaga buruh luar bandar juga telah berkurangan daripada 3.35 juta orang pada tahun 2018 kepada 2.99 juta pada tahun 2022. Bilangan orang yang bekerja menunjukkan pengurangan daripada 2.96 juta orang pada 2020 kepada 2.85 juta orang pada tahun 2022. Data ini boleh diterjemahkan sebagai pengurangan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar. Pengangguran dalam kalangan populasi luar bandar menunjukkan berlakunya peningkatan daripada 3.3% pada tahun 2018 kepada 4.5% pada 2020, 5.4% pada 2021 dan 4.7% pada 2022 (Data asas KKDW, 2019, 2020, 2021, 2022).

Korelasi antara peluang pekerjaan dan peningkatan ekonomi isi rumah berkait rapat dengan program yang mampu menjana peluang pekerjaan bernilai tinggi seperti pembangunan industri *"high growth high value"* di kawasan luar bandar untuk meningkatkan peluang pekerjaan.

Manakala peningkatan taraf hidup Bumiputera boleh diukur melalui pemilikan kekayaan, pemilikan aset bukan kewangan, dan pemilikan ekuiti. Kekayaan komuniti ditakrif dengan keupayaan pemilikan ekuiti, yang mana impak DEB dapat dilihat melalui kadar pemilikan kediaman Bumiputera yang telah dipertingkatkan kepada 33% daripada jumlah urusniaga aset bukan kewangan (NAPIC, 2024). Namun pemilikan ekonomi Bumiputera berbentuk komersial dan industri jauh masih rendah dan keterbelakang (NAPIC, 2024).

Dalam memastikan kemampuan pemilikan aset, kemampuan pemilikan ini berkait rapat kepada peningkatan taraf ekonomi, yang mana transformasi komuniti luar bandar perlu seiring dengan peningkatan kebolehan dan keupayaan modal insan, termasuklah peningkatan pendidikan, kemahiran, dan kebolehupayaan teknologi. Memberi peluang kepada Bumiputera adalah suatu keperluan yang penting dalam membina keupayaan dan kapasiti mereka, bagi membawa kepada pembentukan generasi akan datang yang mandiri dan berwawasan.

Kemampuan kesihatan luar bandar pula diukur melalui jangka hayat dan ianya berkait rapat dengan infrastruktur kesihatan asas. Melalui kaji selidik IPSOS (2023), rata-rata rakyat Malaysia mempercayai sistem penjagaan kesihatan di Malaysia menawarkan perkhidmatan yang terbaik. Namun terdapat isu-isu kemaslahatan yang harus ditangani seperti penyakit tidak berjangkit termasuklah obesiti, diabetes, darah tinggi dan lain-lain yang rata-rata berkait rapat dengan cara hidup dan pemakanan, yang mana trend ini terus meningkat dari tahun ke tahun (NHMS, 2019).

Penggunaan aplikasi teknologi untuk meningkatkan akses kesihatan juga harus diperkasakan dalam mengurangkan bebanan kos pembangunan dan pengurusan infrastruktur kesihatan, terutama masyarakat di luar bandar (Falcon, 2019).

Strategi peningkatan daya tahan masyarakat kepada keadaan luar kawalan seperti kesan negatif pandemik atau isu geopolitik yang menyebabkan ketidakstabilan rantai ekonomi, terutama bagi masyarakat luar bandar harus dititikberatkan dalam mengurangkan mentaliti kebergantungan kepada subsidi dan pemberian kepada masyarakat yang berdaya tahan kepada perubahan mengejut sosioekonomi.

Inisiatif kepimpinan juga wajar diterapkan bagi membentuk jati diri Bumiputera di luar bandar untuk menjadi komuniti yang berdaya tahan. Penekanan pembangunan masyarakat luar bandar seharusnya melihat komponen kesejahteraan di luar konteks ekonomi, dan seharusnya diperkuatkan ke arah pembentukan masyarakat inklusif yang ke arah pengurangan jurang kesejahteraan.

7.3. ISU DAN CABARAN

Isu dan cabaran dalam Kumpulan pembangunan desa dan pemerkasaan masyarakat Orang Asli diteliti dari **tujuh (7) skop cabaran**, iaitu 1) pembangunan sosioekonomi masyarakat, 2) keusahawanan, 3) infrastruktur perkhidmatan dan kemudahan asas, 4) pemerkasaan Orang Asli, 5) pembangunan modal insan dan pendidikan, 6) pengukuhan kepimpinan, dan 7) pemantapan peranan belia dan wanita luar bandar. Ketujuh-tujuh skop ini adalah relevan dengan keperluan semasa dan potensi di masa hadapan untuk kepentingan Bumiputera di luar bandar dan masyarakat Orang Asli.

a. Cabaran Pertama: Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat

Terdapat **empat (4) cabaran** berkaitan pembangunan sosioekonomi Bumiputera di luar bandar dan masyarakat Orang Asli, iaitu 1) pemilikan tanah individu yang tinggi, namun bernilai rendah dari aspek ekonomi, 2) ekonomi yang bersifat "*high growth high value*" adalah rendah, 3) peluang jawatan Bumiputera dalam sektor swasta adalah rendah, dan 4) pengiktirafan pengetahuan tradisi untuk dikomersialkan dan identiti komuniti atau negara adalah rendah.

b. Cabaran Kedua: Keusahawanan

Cabaran kedua adalah berkaitan keusahawanan yang mempunyai **dua (2) cabaran**, iaitu 1) potensi usahawan Bumiputera yang terbatas walaupun mempunyai potensi untuk mengusahakan perniagaan berpenghasilan tinggi, yang disebabkan oleh faktor status ekonomi di kawasan luar bandar dan kurang kemahiran pengurusan perniagaan. 2) Cabaran saluran pengedaran berkaitan dengan kekangan logistik yang membataskan pemasaran produk.

c. Cabaran Ketiga: Infrastruktur Perkhidmatan dan Kemudahan Asas

Terdapat **tiga (3) cabaran** berkaitan infrastruktur perkhidmatan dan kemudahan asas Bumiputera di luar bandar, iaitu 1) penyediaan infrastruktur asas luar bandar yang tidak menyeluruh seperti jalan, air, elektrik dan kemudahan ameniti sosial termasuklah sistem perparitan dan saliran, 2) liputan dan kualiti Internet yang rendah di kawasan-kawasan luar bandar, dan 3) kelemahan sistem pengurusan sisa pepejal.

d. Cabaran Keempat: Pemerkasaan Orang Asli

Usaha untuk pemerkasaan Orang Asli terpalit dengan **tujuh (7) cabaran**, iaitu 1) status tanah Orang Asli, 2) cabaran pewartaan rizab Orang Asli, 3) klausa hak pemilikan tanah yang melibatkan kahwin campur atau kahwin berkepentingan, 4) cabaran kesihatan masyarakat Orang Asli, 5) pemilikan aset akibat Orang Asli sukar untuk mendapatkan pinjaman perumahan, 6) pembangunan modal insan golongan muda Orang Asli, dan 7) pemantapan JAKOA ke arah pemilikan ekosistem yang mandiri.

e. Cabaran Kelima: Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan

Pembangunan modal insan dan pendidikan mempunyai **tiga (3) cabaran**, iaitu 1) ketercapaian infrastruktur yang lengkap untuk pendidikan, 2) daya tahan dan pembudayaan ilmu masyarakat luar bandar, dan 3) keupayaan tadbir urus dan kecekapan sistem penyampaian agihan bantuan.

f. Cabaran Keenam: Pengukuhan Kepimpinan

Berkaitan dengan pengukuhan kepimpinan, terdapat **empat (4) cabaran**, iaitu 1) profesionalisme dalam urus tadbir kampung, 2) kredibiliti kepimpinan kampung, 3) Pematuhan aspirasi 30% penglibatan wanita dalam pentadbiran kampung, akibat daripada bekangan "*Glass Ceiling*", dan 4) pemerkasaan kepimpinan kampung untuk bersama mengutip hasil daerah atau negeri.

g. Cabaran Ketujuh: Pemantapan Peranan Belia dan Wanita Luar Bandar

Pemantapan belia dan wanita di luar bandar berhadapan dengan **empat (4) cabaran**, iaitu 1) peningkatan masalah kesihatan wanita, 2) kefahaman berkenaan hak-hak wanita dalam perundangan dari sudut syariah, sivil dan adat, 3) jati diri dan kenegaraan belia, dan 4) semangat kesukarelawanan belia luar bandar.

7.4. HALA TUJU

Analisis dari Kumpulan pembangunan desa dan pemerkasaan masyarakat Orang Asli, mendapati **tujuh (7) cabaran utama** yang perlu dihadapi oleh Bumiputera di luar bandar dan masyarakat Orang Asli. Setiap cabaran dihasilkan strategi khusus yang perlu dilaksanakan dan sasaran yang perlu dicapai.

- a. *Skop pembangunan sosioekonomi masyarakat mempunyai tiga (3) strategi, 12 hala tuju dan 15 perincian hala tuju, iaitu:*

Strategi A1: Meningkatkan upaya tanah individu dari aspek nilai dan ekonomi	
i. Meneliti semula dasar tanah pemilikan tanah rizab Melayu dan Bumiputera.	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan dasar tanah rizab Melayu bernilai tinggi dan peningkatan tanah yang diwartakan sebagai rizab melayu.
ii. Pengurusan tanah terbiar dan tanah berpotensi.	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan syarikat/ koperasi/ konsortium berkaitan Bumiputera untuk menguruskan tanah terbiar.
iii. Meningkatkan penggunaan tanah kawasan luar bandar dalam sektor ekonomi bernilai tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan hasil pertanian luar bandar berdasarkan teknologi tinggi dan penglibatan pihak swasta/ GLC.
Strategi A2: Merekayasa ekonomi luar bandar kepada “high growth high value”	
i. Mewujudkan ekosistem kitaran tertutup luar bandar yang lengkap (dari industri hulu hingga ke hiliran).	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan inkubator “1 kampung 1 inkubator” yang mengandungi ekosistem pembelajaran dan praktikal ekonomi.
ii. Menggunakan mekanisme kewangan alternatif terkini (<i>crowdfunding, endowment</i> dan <i>waqaf</i>).	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan dasar alternatif kewangan untuk ekosistem pengurusan desa bersama platform khas berdasarkan kepintaran buatan (AI). Mewujudkan polisi atau garis panduan kewangan alternatif untuk luar bandar.
iii. Menggalakkan syarikat tempatan mendapatkan rantai bekalan dari hasil luar bandar.	<ul style="list-style-type: none"> Mengutamakan syarikat tempatan luar bandar dalam memperoleh kontrak atau tender berkaitan rantai bekalan untuk input pembangunan, pertanian dan penternakan.
iv. Pelaksanaan dasar “ <i>circular economic</i> ” melalui teknologi hijau dengan menggunakan pakai sumber semula jadi luar bandar.	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan syarikat perladangan luar bandar dalam menghasilkan produk baru dan mewujudkan peluang pekerjaan.
v. Mensyaratkan syarikat korporat untuk menyumbang dan memajukan kawasan luar bandar.	<ul style="list-style-type: none"> Mewajibkan syarikat swasta atau korporat mengisyiharkan daerah angkat untuk membangunkan komuniti/ daerah. Mewajibkan 10% kuota pekerjaan untuk penduduk luar bandar dalam sektor pentadbiran.
vi. Mewujudkan ekosistem bagi penghasilan dan produk satu daerah satu industri (SDSI) bernilai tinggi ke peringkat global.	<ul style="list-style-type: none"> Melonjakkan produk SDSI ke pasaran global antara 10-30% setiap tahun.

<p>vii. Mewujudkan lebih banyak pusat-pusat ekonomi dalam bentuk pekan kecil di kawasan luar bandar bagi menjana aktiviti ekonomi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan sekurang-kurangnya 1 pusat pentadbiran kecil di kawasan luar bandar bagi daerah yang bersesuaian untuk menghasilkan dan memasarkan produk usahawan luar bandar.
Strategi A3: Mengiktiraf pengetahuan tradisi dengan elemen komersial untuk menjadi identiti komuniti dan negara	
<p>i. Melindungi pengetahuan tradisi komuniti melalui pendaftaran harta intelek.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pengetahuan tradisi Bumiputera luar bandar didaftarkan di bawah hak cipta harta intelek.
<p>ii. Memasarkan produk yang telah didaftarkan harta intelek.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan tradisi yang berjaya dilindungi didayakan melalui nilai komersial tempatan dan antarabangsa.

b. Skop keusahawanan mempunyai **dua (2) strategi, lima (5) hala tujuan dan sembilan (9) perincian hala tuju**, iaitu:

Strategi B1: Merekonstruksi perniagaan berpenghasilan tinggi	
<p>i. Merekayasa ekosistem keusahawanan ke dalam bidang industri berimpak tinggi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Memperkuuh jaringan perniagaan dan rantaian pembekalan usahawan di luar bandar. Meningkatkan ekosistem <i>mentoring/coaching</i> antara syarikat yang sedia berdaya maju dengan syarikat pemula (<i>start-up company</i>).
<p>ii. Mendigitalkan pemasaran produk usahawan luar bandar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Perluasan pasaran produk usahawan Bumiputera luar bandar melalui penglibatan aktif platform digital sedia seperti Shopee dan Lazada. Peningkatan bimbingan, padanan perniagaan, inovasi produk hiliran melalui syarikat sedia aktif.
Strategi B2: Melonjakkan saluran pengedaran usahawan luar bandar	
<p>i. Meningkatkan program Pemandanan Perniagaan (<i>Business Matcher</i>) melalui pelantikan <i>anchor</i>/syarikat yang berupaya menguruskan pengedaran dan mengkomersialkan produk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan bantuan pembiayaan kepada syarikat <i>anchor</i>. Memperbanyak latihan <i>pitching product</i> kepada usahawan.
<p>ii. Memperkasakan hub logistik untuk meningkatkan infrastruktur dan agensi pemasaran/ pengedaran sedia ada.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan akses maklumat program pembangunan usahawan Bumiputera di kawasan/daerah. Memperkasakan aktiviti ekonomi utama untuk dikembangkan sehingga ke peringkat SDSI.
<p>iii. Menguatkan saluran pengedaran produk usahawan luar bandar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan jurang logistik yang membatas pemasaran produk dan dapat mengurangkan kos pengeluaran produk luar bandar.

- c. Skop infrastruktur perkhidmatan dan kemudahan asas mempunyai **tiga (3) strategi, empat (4) hala tuju dan enam (6) perincian hala tuju**, iaitu:

Strategi C1: Penyediaan infrastruktur asas luar bandar yang menyeluruh	
i. Mewujudkan pemetaan kemudahan dan sistem perparitan di luar bandar.	<ul style="list-style-type: none"> Memperkemaskin pangkalan data secara digital yang menjadi pelan utama berkaitan kemudahan asas dan sistem perparitan di luar bandar. Membangunkan kemudahan berkaitan perparitan berdasarkan data digital yang tepat.
ii. Membangunkan rancangan penempatan berkelompok dan berintegrasi.	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan infrastruktur luar bandar yang lebih berkesan berdasarkan penempatan yang berintegrasi.
Strategi C2: Penyediaan kemudahan digital di luar bandar	
i. Merasionalisasi fungsi Pusat Komuniti Desa (PKD).	<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan fungsi PKD selari dengan keperluan masyarakat luar bandar dan mendidik untuk normalisasi teknologi digital. Memperkasakan PKD sebagai hab-industri dan bukannya hanya hab agensi untuk meningkatkan pendapatan rakyat.
Strategi C3: Membudayakan teknologi hijau di luar bandar	
i. Menormalisasikan teknologi yang bersesuaian.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kemahiran pengurusan sisa pepejal di luar bandar yang boleh memberi manfaat 2 dalam 1, iaitu kelestarian alam dan penjanaan pendapatan.

- a. Skop Pemerksaan Orang Asli mempunyai **lima (5) strategi, lapan (8) hala tuju dan 14 perincian hala tuju**, iaitu:

Strategi D1: Memperkasakan perundungan Orang Asli	
i. Meningkatkan penggunaan rizab hutan berdasarkan <i>agro-forestry</i> .	<ul style="list-style-type: none"> Membolehkan tanah diuruskan secara pengurusan bersama antara pemilik rizab dengan komuniti setempat.
ii. Memperbanyakkan kawasan Orang Asli diwartakan sebagai Rizab Orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan kumpulan khas (<i>task force</i>) yang dianggotai oleh Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, Jurukur Tanah, JAKOA dan lain-lain pihak yang berkaitan pewartaan tanah. Memastikan UNDRIP, ILO 169 dan termasuk prinsip IMABT dan hak penentuan kendiri diakui.
iii. Menilai kembali penggunaan tanah dalam Akta 134	<ul style="list-style-type: none"> Menambahbaik Seksyen 6 dan Seksyen 7 dalam Akta 134 berkaitan penggunaan tanah Orang Asli.
iv. Undang-undang sedia ada tidak melindungi masyarakat Orang Asli secara menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> Meminda Akta 134 secara keseluruhan dan diselaraskan semula dengan Perlembagaan Persekutuan berkaitan memindahkan Jadual Satu ke dalam Jadual Tiga, iaitu Orang Asli menjadi tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Menggubal Akta Tanah Orang Asli sama seperti <i>Native Title Act</i>.
Strategi D2: Menambah baik penjagaan kesihatan masyarakat Orang Asli	
i. Mewujudkan mekanisme mendidik masyarakat Orang Asli mengenai kesihatan.	<ul style="list-style-type: none"> Menambah baik nota persefahaman dan mesyuarat jawatankuasa bersama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JAKOA. Menambahbaik kemudahan kesihatan berdasarkan konsep perubatan bersama dalam kawasan Orang Asli.

Strategi D3: Meningkatkan pemilikan aset Orang Asli berkaitan perumahan	
i. Meningkatkan pemilikan rumah masyarakat Orang Asli.	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Skim Pinjaman Perumahan Orang Asli untuk memudahkan syarat-syarat kelayakan yang sesuai dengan masyarakat Orang Asli.
Strategi D4: Membangunkan modal insan golongan muda Orang Asli	
i. Meningkatkan penglibatan belia dan beliauanis Orang Asli dalam program peningkatan modal insan.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penglibatan belia Orang Asli dalam program TVET. Meningkatkan peratusan perjawatan belia Orang Asli dalam perkhidmatan awam.
Strategi D5: Memandirikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	
i. Memperkasakan JAKOA untuk efisien menguruskan masyarakat Orang Asli.	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak semula dan memperkasakan fungsi JAKOA sesuai dengan keperluan serta potensi Orang Asli. Memandirikan JAKOA dengan cara menaiktaraf gred perjawatan pegawai JAKOA. Mewujudkan Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan untuk menguatkuasakan Akta 134.

d. *Skop pembangunan modal insan dan pendidikan mempunyai satu (1) strategi, dua (2) hala tuju dan tiga (3) perincian hala tuju, iaitu:*

Strategi E1: Meningkatkan ketercapaian infrastruktur yang lengkap untuk pendidikan	
i. Meningkatkan ketercapaian kepada infrastruktur asas berkaitan pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Menambah baik infrastruktur sedia ada pada institusi pendidikan di luar bandar. Meningkatkan penubuhan institusi pendidikan tinggi di luar bandar yang lengkap dengan kemudahan asas pendidikan dan digital.
ii. Memperkasakan sistem tadbir urus melalui peningkatan kerjasama dengan NGO dan perusahaan sosial	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan penyertaan NGO dalam aktiviti pendidikan, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi.

b. *Skop pembangunan pengukuhan kepimpinan mempunyai tiga (3) strategi, tiga (3) hala tuju dan lima (5) perincian hala tuju, iaitu:*

Strategi F1: Meningkatkan profesionalisme dalam urus tadbir kampung	
i. Meningkatkan upaya kepimpinan di luar bandar melalui latihan formal berterusan.	<ul style="list-style-type: none"> Menambahbaik latihan berkaitan profesionalisme kepimpinan melalui pelbagai pendekatan termasuklah mendedahkan dengan ekosistem agensi. Memperkasakan Pusat Komuniti Desa (PKD) dengan kemudahan digital untuk latihan kepimpinan pelbagai arah dan berterusan.
Strategi F2: Meningkatkan penyertaan wanita dalam pentadbiran kampung	
i. Meningkatkan penyertaan golongan wanita dengan aspirasi 30% dalam pentadbiran kampung.	<ul style="list-style-type: none"> Menambah aktiviti yang dipimpin wanita dalam program utama di peringkat kampung dan daerah. Menambah keanggotaan wanita ke jawatan utama dalam organisasi kampung.

Strategi F3: Memperkasakan kepimpinan kampung dalam mengutip hasil daerah atau negeri	
i. Meningkatkan keupayaan kepimpinan luar bandar untuk bersama menjana pendapatan secara rasmi.	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan organisasi kepimpinan luar bandar (JPKK/ JPKKO) untuk mengutip hasil diberikan oleh Pihak Kerajaan Negeri melalui Enakmen/ Peraturan-Peraturan berkaitan.

- e. Skop pemantapan peranan belia dan wanita luar bandar mempunyai **tiga (3) strategi dan empat (4) hala tuju dan lima (5) perincian hala tuju**, iaitu:

Strategi G1: Meningkatkan keupayaan pengurusan kesihatan mental wanita	
i. Meningkatkan dan memperluaskan kesedaran, pendidikan serta capaian berkaitan kesihatan.	<ul style="list-style-type: none"> Menambahbaik ekosistem penyampaian pendidikan dan capaian kesihatan wanita luar bandar melalui konsep <i>Out-Reach</i> dengan penempatan kemudahan seperti dalam bentuk <i>mobile</i> atau <i>cabin</i> di luar bandar. Memperkasakan hubungan antara pemegang taruh, iaitu agensi kerajaan, pihak swasta, institusi pengajian dan komuniti untuk akses berkaitan kesihatan wanita di luar bandar.
Strategi G2: Mengupayakan hak wanita dalam perundangan dari sudut syariah, sivil dan adat	
i. Meningkatkan kefahaman berkenaan hak-hak wanita dalam perundangan.	<ul style="list-style-type: none"> Memperbanyakkan ruang penyampaian kefahaman tentang hak-hak wanita di luar bandar melalui kerjasama pelbagai pemegang taruh.
Strategi G3: Memperkuuhkan jati diri kenegaraan dan semangat kesukarelawanan belia luar bandar	
i. Memperkasakan ekosistem pembelajaran dalam meningkatkan jati diri belia luar bandar.	<ul style="list-style-type: none"> Menghidupkan semula program khidmat nasional yang menerapkan jati diri patriotisme secara sistematik.
ii. Membina semangat kesukarelawanan belia luar bandar melalui pelbagai medium.	<ul style="list-style-type: none"> Memperbanyakkan aktiviti kesukarelawanan berimpak tinggi yang melibatkan perancangan belia tempatan dengan bantuan pihak agensi, industri dan NGO.

7.5 PENUTUP

Rumusannya, Kumpulan pembangunan desa dan pemerkasaan masyarakat Orang Asli telah menyenaraikan tujuh (7) cabaran utama yang perlu dihadapi oleh Bumiputera di luar bandar dan masyarakat Orang Asli. Kumpulan ini mencadangkan 20 strategi yang boleh diambil, dipandu oleh 38 hala tuju dan 57 perincian hala tuju.

Kesemua strategi dan hala tuju tersebut dicadangkan untuk dilaksanakan dalam tiga (3) masa yang berbeza, iaitu tempoh 2024-2025 (2 tahun), 2026-2030 (5 tahun) dan 2031-2035 (5 tahun). Pelaksanaan dalam tempoh masa berbeza tersebut akan mampu merekayasa Bumiputera di luar bandar dan masyarakat Orang Asli untuk lebih berdaya tahan, inklusif dan membentuk Malaysia yang lebih sejahtera.

7.6 RUJUKAN

1. Data Asas KKDW, 2019. <https://www.rurallink.gov.my/data-asas-kkdw/>
2. Data Asas KKDW, 2020. <https://www.rurallink.gov.my/data-asas-kkdw/>
3. Data Asas KKDW, 2021. <https://www.rurallink.gov.my/data-asas-kkdw/>
4. Data Asas KKDW, 2022. <https://www.rurallink.gov.my/data-asas-kkdw/>
5. DOSM, 2024, Department of Statistic Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>
6. Enakmen Rizab Melayu, 2024, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-undang-undang/akta-enakmen/enakmen-rizab-melayu>
7. Falcon, D. J. (2019), the healthcare gap in Malaysia. Perspectives on Business and Economics. Volume 37.
8. IPSOS, 2023. Health Service Monitor. <https://www.ipos.com/en-my/press-release-health-service-monitor-2023>
9. NHMS, 2019, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Morbiditi 2019, Institut Kesihatan Negara, <http://www.iku.gov.my/nhms>
10. NAPIC, Pusat Maklumat Harta Negara, <https://napic2.jpph.gov.my/ms>



**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 8:
SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA SABAH**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) KUMPULAN SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA SABAH

8.1 LATAR BELAKANG

- 8.1.1 Kumpulan Sosioekonomi Bumiputera Sabah adalah antara 10 kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan input dalam merangka hala tuju pendekatan baharu agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif. Negeri Sabah, yang merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia merekodkan jumlah populasi sebanyak 3.14 juta orang pada tahun 2022, di mana 88.9% daripadanya adalah kaum Bumiputera yang terdiri daripada Bumiputera Anak Negeri dan Bumiputera Bukan Anak Negeri. Kadazan-Dusun adalah kumpulan etnik Bumiputera yang terbesar di Sabah yang membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk, diikuti Bajau, Murut, Bisaya, dan banyak lagi.
- 8.1.2 Sesi Libat Urus bagi Kumpulan Sosioekonomi Bumiputera Sabah, yang diadakan pada 30-31 Januari 2024, telah dihadiri oleh seramai 172 orang peserta yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Persekutuan dan Negeri, agensi kerajaan, pemain industri, dan badan bukan kerajaan. Dalam sesi tersebut, perkara utama berkaitan pencapaian semasa, isu dan cabaran serta hala tuju jangka masa hadapan telah dibincangkan berdasarkan sembilan (9) skop utama iaitu i) Transformasi Pembangunan Luar Bandar, ii) Keterhubungan, iii) Akses Pendidikan Berkualiti, iv) Literasi Kewangan dan Digital, v) Peluang Pekerjaan, vi) Potensi Ekonomi, vii) Program Pembangunan Keupayaan, viii) Rantai Bekalan, dan ix) Jurang Pembangunan Ekonomi dan Infrastruktur. Perbincangan turut dijajarkan dengan dasar dan hala tuju sedia ada di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri, antaranya Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) dan Halatuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

8.2 PENCAPAIAN SEMASA

SKOP	PENCAPAIAN
Transformasi Pembangunan Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Liputan Akses kepada Elektrik : 96.61% vs 99% (2022) Membina dan Menaik taraf Jalan Luar Bandar Berturap : 110.5km vs 700km (2022) 900 petani di 90 lokasi di Sabah memanfaatkan tanah terbiar dengan melaksanakan pertanian pintar dan berkelompok
Keterhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Membina dan Menaik taraf Jalan Luar Bandar Berturap : 110.5km vs 700km (2022) Liputan rangkaian 5G di Sabah : hampir 50% kawasan berpenduduk Liputan jalur lebar mudah alih 4G : Lebih 90% di kawasan berpenduduk
Akses Pendidikan Berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan siswazah di Sabah : 391,100 orang (2021)
Literasi Kewangan dan Digital	<ul style="list-style-type: none"> 118 PEDI telah dibangunkan dan beroperasi di Sabah
Peluang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan Penengah Bulanan : RM4,668 vs RM5,380 (2022 vs 2025) Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Sabah : 70.9% (2022) Kadar pengangguran di Sabah : 7.5 % (2022)
Potensi Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> KDNK negeri Sabah sebanyak RM81.9 bilion pada tahun 2022 berbanding RM79 bilion pada tahun 2021 Nisbah KDNK per kapita : 1.9 vs 2.5 (2022 vs 2025) Pertumbuhan Purata KDNK : 2.6% vs 6.4% (2022 vs 2025)
Program Pembangunan Keupayaan	<ul style="list-style-type: none"> Sebanyak 573 inisiatif meliputi 298 inisiatif teras dan 275 inisiatif pemboleh daya telah dirangka untuk dilaksanakan di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya 2021-2025 (SMJ2021-2025)
Rantai Bekalan	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kepada KDNK: Sektor Perkhidmatan (49.5%), Perlombongan & pengkuarian (24.8%), Pertanian (15.2%), Pembuatan (7.1%) dan Pembinaan (3.1%)

SKOP	PENCAPAIAN
Jurang Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> Liputan Akses kepada Elektrik : 96.61% vs 99% (2022 vs 2025) Membina dan Menaik taraf Jalan Luar Bandar Berturap : 110.5km vs 700km (2022 vs 2025)

8.3 ISU DAN CABARAN

SKOP	ISU
Transformasi Pembangunan Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Cabaran sektor perkilangan: Logistik, tenaga kerja, pengeluaran. Potensi hiliran agro belum diperluas sepenuhnya. Sektor pelancongan kurang inovatif, kemahiran tenaga kerja rendah.
Keterhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Masalah jalan raya: Pemetaan tidak lengkap, jarak merencatkan ekonomi. Isu telekomunikasi: Keterhubungan terganggu di luar bandar. Kurangnya koordinasi dan pemantauan projek infrastruktur. Keterbatasan infrastruktur digital di beberapa kawasan. Cabaran akses internet di Sabah.
Akses Pendidikan Berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> Keengganan berhijrah untuk pendidikan dan kerjaya. Infrastruktur TVET tidak sesuai dengan permintaan industri. Akses terhad kepada maklumat dan peluang pendidikan. Kekurangan dana dan kesempatan untuk pembiayaan pendidikan. Cabaran pembangunan modal insan dan kebolehpasaran.
Literasi Kewangan dan Digital	<ul style="list-style-type: none"> Akses terhad kepada institusi kewangan formal. Kekurangan pendidikan literasi kewangan. Pendapatan tidak stabil dan kekurangan peluang pekerjaan. Kekurangan data berkaitan literasi kewangan. Kesedaran dan ketersediaan digital yang rendah
Peluang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Kurangnya data statistik yang tepat. Polisi pekerjaan yang tidak memadai. Kecenderungan Bumiputera Sabah dalam sektor pekerjaan terhad.
Potensi Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Perlunya perancangan berdasarkan data yang tepat. Peluang syarikat Bumiputera dalam kedai serbaguna. Model pembangunan usahawan yang diperkuatkan. Kekurangan dana koperasi dan penyelaras polisi. Risiko negatif terhadap sektor pelancongan.
Program Pembangunan Keupayaan	<ul style="list-style-type: none"> Kekurangan kemahiran dan pensijilan. Kurangnya kesinambungan dalam program latihan. Kesedaran terhadap keperluan kemahiran. Pengurusan risiko yang lemah. Kekurangan maklumat bimbingan dan kepakaran

SKOP	ISU
Rantaian Bekalan	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran dalam bekalan dan logistik. • Masalah harga dan regulasi. • Pemasaran terhad dan kegagalan usahawan. • Kelemahan rantaian bekalan di semua sektor.
Jurang Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah pendaftaran perniagaan di Sabah. • Jurang harga barang asas antara wilayah. • Monopoli warga asing dan penyalahgunaan lesen. • Kekurangan infrastruktur asas dan koordinasi. • Cabaran teknologi dan pengetahuan. • Masalah bekalan air dan elektrik.

8.4 HALA TUJU

- 8.4.1 Dalam merangka strategi dan hala tuju bagi menambahbaik serta mengatasi isu dan cabaran yang telah dikenal pasti di atas, cadangan-cadangan strategi dan hala tuju yang dikemukakan bagi setiap skop ini diperincikan kepada tiga fasa utama iaitu hala tuju jangka masa pendek (2024-2025), jangka masa sederhana (2026-2030) dan jangka masa panjang (2030-2035).
- 8.4.2 **Transformasi Pembangunan Luar Bandar** merupakan salah satu fokus utama bagi pembangunan Bumiputera di Sabah. Antara cadangan hala tuju jangka masa pendek bagi menangani isu berkaitan transformasi pembangunan luar bandar adalah termasuklah melaksanakan program kesedaran pensijilan Halal, pendigitalan perkhidmatan, serta penyelenggaraan latihan dan kursus. Cadangan hala tuju jangka masa sederhana merangkumi penguatkuasaan harga, pelaksanaan program *e-tourism*, dan latihan intensif turut diberi perhatian. Manakala cadangan hala tuju jangka masa panjang memfokuskan kepada pemodenan pertanian, peningkatan peluang pekerjaan, dan pembangunan hub pelancongan digital.
- 8.4.3 Bagi isu berkaitan **Keterhubungan**, cadangan hala tuju jangka masa pendek termasuklah untuk memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti jaringan jalan raya menggunakan teknologi terkini di samping penubuhan dasar spesifikasi jalan dan sistem merit untuk projek infrastruktur. Selain itu, inisiatif menyediakan capaian internet melalui VSAT di kawasan pedalaman dan pengaktifan jawatankuasa ICT negeri adalah penting untuk pemantauan dan akses internet yang lebih baik. Bagi cadangan hala tuju jangka masa sederhana, fokus perlu diberikan kepada penggunaan sistem pemantauan melalui *Internet of Things* (IoT) untuk jalan raya rosak serta penglibatan syarikat balak dan perladangan dalam inisiatif CSR. Penubuhan badan/unit khas seperti Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan insentif kerajaan kepada syarikat telekomunikasi juga diperlukan untuk pembangunan infrastruktur. Manakala cadangan hala tuju jangka masa panjang memfokuskan kepada memanfaatkan teknologi berterusan dalam pembinaan jalan raya yang berkualiti, pembinaan gerbang internet antarabangsa, peningkatan perkhidmatan *smart monitoring*, memastikan akses internet di setiap kawasan Pusat Daerah Mengundi (PDM) serta menambah pencawang telekomunikasi hingga mencapai 100% capaian di seluruh negeri dengan minimum teknologi 4G.
- 8.4.4 Seterusnya bagi **Skop Akses Berpendidikan Berkualiti**, antara perkara yang perlu diberi keutamaan bagi wilayah Sabah bagi hala tuju jangka masa pendek adalah pengenalpastian Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) & Institut Latihan Kemahiran (ILK) yang boleh dinaik taraf dengan memperkenalkan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dan Pendidikan mesra Orang Kelainan Upaya (OKU). Selain itu, penilaian semula terhadap keberkesanan polisi atau dasar berkaitan pendidikan dan TVET untuk disesuaikan dengan kehendak industri. Bagi cadangan hala tuju sederhana pula, adalah dicadangkan pewujudan Sabah TVET council bagi penyeragaman ekosistem dan pendidikan TVET Sabah. *Database* untuk pelajar pendidikan khas, IPT yang layak perlu diwujudkan khas untuk negeri Sabah serta mekanisme pemantauan berkala perlu dilaksanakan bagi memastikan dana pendidikan dapat diberi kepada penerima yang layak. Manakala bagi cadangan hala tuju jangka masa panjang, pemetaan industri atau aktiviti ekonomi utama harus dilaksanakan untuk keperluan TVET di setiap daerah atau bahagian di Sabah. Selain itu, adalah dicadangkan juga diwujudkan cawangan UNIKL (TVET) di Sabah dan juga perlunya diwujudkan

polisi yang menyokong kepada penubuhan pengumpulan dana pendidikan kepada golongan pendidikan khas dan juga IPTS.

- 8.4.5 Bagi skop berkaitan **Literasi Kewangan Dan Digital**, antara cadangan hala tuju jangka masa pendek adalah mengaktifkan semula Pusat Ekonomi Digital (PEDi) sedia ada untuk menjadi pusat sehenti bagi pembinaan pengetahuan kewangan dan digital. Selain itu, penubuhan Majlis Literasi Kewangan Sabah di bawah MOF Sabah sebagai pengurus bagi memacu literasi kewangan Sabah. Program-program *outreach* juga dicadangkan bagi memperkenalkan digital kepada semua lapisan masyarakat seperti "Kampung Digital" di kampung yang terpinggir. Bagi cadangan hala tuju sederhana pula, kerjasama dengan Institusi Pendidikan untuk mengintegrasikan modul celik kewangan dan digital ke dalam kurikulum sedia ada, bagi memastikan jangkauan yang lebih luas di kalangan golongan muda. Selain itu, penggunaan PEDi dan E-Desa diperluaskan sebagai pusat perniagaan mini atau pusat pengedaran (*distribution centre*) di setiap daerah. Pewujudan program *knowledge transfer* antara IPTA/IPTS dan syarikat swasta/agensi bersama komuniti kampung atau luar bandar bagi melaksanakan projek berkenaan FINTECH. Manakala cadangan hala tuju jangka masa panjang memfokuskan kepada mewujudkan dasar kepada agensi kerajaan/GLC/GOC untuk mendapatkan produk daripada perusahaan sosial dan pewujudan Majlis Literasi Kewangan Sabah (SFLC) menyelenggarakan dan memantau kerangka literasi kewangan.
- 8.4.6 Selain itu, bagi skop **Peluang Pekerjaan**, antara cadangan hala tuju jangka masa pendek adalah mengukuhkan kerjasama dan pengintegrasian antara Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah Job Portal dan PERKESO (MyFutureJob) dengan pendataan dan statistik lengkap mengenai perburuhan di Sabah. Selain itu, pemerkasaan fungsi dan peranan *Sabah Labour Advisory Council (SLAC)* untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan perburuhan di Sabah seperti isu pekerja asing tanpa izin, pengangguran dan penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM). Bagi cadangan hala tuju sederhana pula, antara cadangan adalah memperkasakan kerjasama pihak berkuasa di peringkat akar umbi (Majlis Daerah/ KEMAS/ UPPM) dengan badan dan agensi kerajaan di peringkat negeri dari segi pengumpulan dan pemerolehan data-data yang berkaitan ekosistem pekerjaan Bumiputera. Selain itu, adalah juga dicadangkan pelaksanaan pindaan dasar dan polisi pekerjaan sebagai contoh jawatan-jawatan yang diisikan oleh pekerja profesional perlu diberikan keutamaan kepada pekerja Bumiputera Sabah. Manakala antara cadangan hala tuju jangka masa panjang adalah mewujudkan dasar dan polisi yang menghadkan negara sumber untuk mengambil dan menghadkan tempoh masa perkhidmatan pekerja profesional (*expatriate*). Selain itu, dicadangkan supaya dasar dan polisi untuk *knowledge transfer* bagi pekerja profesional tempatan yang bekerja di luar diwujudkan agar dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan di Sabah. Di samping itu juga, strategi pemutihan bagi penduduk tanpa dokumen di Sabah yang kini sudah melebihi sejuta orang turut dicadangkan untuk dipertimbangkan bukan sahaja bagi menangani isu berkaitan dengan status kewarganegaraan dan pengiktirafan identiti di negeri ini bahkan dapat mengatasi isu berkaitan kekurangan tenaga kerja bagi sektor-sektor tertentu.
- 8.4.7 Seterusnya bagi skop **Potensi Ekonomi**, cadangan bagi menangani isu kebergantungan yang tinggi kepada produk import untuk keperluan harian dalam tempoh jangka masa pendek ialah dengan mengenal pasti kawasan pertanian khas yang sesuai di daerah Keningau, Tenom, Nabawan, Tambunan dan Tongod untuk dijadikan sebagai kawasan Lembah Makanan di pedalaman Sabah. Kawasan yang telah dikenalpasti tersebut dapat difokuskan oleh Kerajaan atau agensi yang berkaitan untuk melatih dan menerapkan amalan pertanian yang baik melalui penggunaan teknologi baru kepada penduduk setempat. Inisiatif ini dapat membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan seterusnya memenuhi keperluan makanan domestik dan keterjaminan makanan di Sabah. Bagi menangani isu kekurangan penempatan produk PMKS Bumiputera di kedai serbaguna, sebuah polisi perlu diwujudkan berkenaan pemberian kuota kepada usahawan Bumiputera dengan terma dan syarat yang dapat dipenuhi. Disasarkan sebanyak 500 jenis produk PMKS Bumiputera dapat ditempatkan di kedai serbaguna menjelang tahun 2030.
- 8.4.8 Bagi skop **Program Pembangunan Keupayaan**, antara cadangan bagi menangani isu berkenaan kekurangan kemahiran dan pensijilan dalam jangka masa pendek ialah dengan menjalankan *task force* sebanyak dua kali setahun antara Kementerian, agensi pelaksana dan Penyedia Latihan (PL) agar pihak-pihak tersebut dapat mengkaji semula kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam modul latihan yang telah disediakan. Bagi menangani isu kekurangan pendedahan program pembangunan dan latihan kepada Bumiputera di kawasan luar bandar, cadangan jangka masa pendek ialah dengan mewujudkan latihan dan pembangunan yang memfokuskan kepada Bumiputera Sabah berdasarkan keperluan semasa dan sumber ekonomi lokaliti di Sabah. Selain itu, usahawan Bumiputera Sabah juga perlu didedahkan dengan kemahiran dan pengetahuan berdasarkan trend semasa industri sebagai contoh, penggunaan *Artificial Intelligence (AI)*.

- 8.4.9 Bagi skop **Rantaian Bekalan**, cadangan hala tuju jangka masa pendek termasuklah memperkuatkan peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam mengawasi harga barang dan mengatasi penyalahgunaan harga. Usaha perlu dibuat untuk memperluaskan kawalan harga ke pelbagai sektor, termasuk makanan dan pertanian, serta untuk meningkatkan peranan pemain tempatan dalam industri strategik dan mengurangkan kebergantungan kepada import. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu aktif mengawal harga sewa premis atau menyediakan subsidi kepada premis-premis tertentu, terutamanya yang dijalankan oleh perniagaan kecil dan menengah. Bagi cadangan hala tuju jangka masa sederhana pula, perwujudan pusat pengedaran makanan untuk rakyat Sabah dan memperluas penawaran permit import untuk menggalakkan persaingan harga yang sihat dan seterusnya memperkenalkan kuota Bumiputera untuk menyokong usahawan tempatan. Penyelidikan inovasi baharu dalam sektor makanan ternakan turut diperlukan serta membangunkan program latihan berterusan untuk meningkatkan kecekapan dalam pemasaran digital. Seterusnya, Kerajaan perlu menambahkan geran bagi meningkatkan produk atas tujuan inovasi produk dan pemasaran global. Manakala bagi jangka masa panjang pula merangkumi pelbagai inisiatif untuk memperkuat ekonomi tempatan. Ini termasuk penubuhan syarikat penghantaran tempatan, pembangunan sistem pemantauan harga automatik, dan reformasi undang-undang untuk harga yang lebih adil. Sokongan terhadap inovasi digital, program pemulihan perniagaan, dan peningkatan industri pengeluaran juga menjadi fokus dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kelestarian industri Sabah.
- 8.4.10 Bagi skop **Jurang Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur**, cadangan hala tuju jangka masa pendek termasuk langkah-langkah seperti pengenalan undang-undang/enakmen pendaftaran perniagaan untuk meningkatkan pengawasan ekonomi. Untuk mengatasi isu monopoli warga asing dan penyalahgunaan lesen, dicadangkan penguatkuasaan ketat oleh Jabatan Imigresen/PBT serta pelaksanaan Akta 155 untuk mencegah perkahwinan buruh asing dengan penduduk tempatan. Untuk bekalan air, pemulihran infrastruktur seperti kolam takungan paip graviti dan pembinaan telaga tiub baru di luar bandar ditekankan, sementara untuk bekalan elektrik, audit berkala oleh badan berkecuali kepada SESB diberikan keutamaan kepada Bumiputera. Langkah jangka sederhana termasuk pembentukan Undang-Undang Pendaftaran Perniagaan untuk mempermudah proses pendaftaran di Sabah. Untuk menangani masalah bekalan air dan elektrik, saluran paip perlu diperbaharui dengan piawaian HALAL dan MESTI untuk usahawan Bumiputera, sambil memasang projek perintis *smart meter IoT* untuk pengurusan bekalan yang lebih efisien. Selain itu, teknologi automasi dan semi-automasi juga diperlukan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran. Satu sistem juga akan dibangunkan untuk mengumpulkan dan mempromosikan hasil inovasi IPT kepada industri. Manakala bagi jangka masa panjang pula merangkumi penubuhan kilang bahan asas, pengukuhan melalui akta baru, dan insentif bagi warga tempatan di sektor perkhidmatan. Pembangunan pusat rawatan air, pemerksaan smart meter IoT, dan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui perlu juga ditekankan. Fokus diberikan kepada pembangunan infrastruktur luar bandar, platform terintegrasi untuk usahawan Bumiputera, dan kolaborasi untuk teknologi terkini. Bagi membantu memenuhi keperluan kewangan yang khusus serta memperbaiki akses kepada perkhidmatan kewangan untuk komuniti Bumiputera di Sabah, penubuhan bank khusus untuk Bumiputera Sabah turut dicadangkan untuk dipertimbangkan. Selain itu juga, cadangan supaya kajian bagi penggubalan akta berkaitan definisi Bumiputera di Sabah adalah langkah yang penting dalam memastikan bahawa agenda pembangunan ekonomi Bumiputera di negeri ini memberi manfaat kepada Bumiputera Sabah yang bertaraf Anak Negeri.

8.5 PENUTUP

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan yang diperoleh dari Sesi Libat Urus Kumpulan Sosioekonomi Bumiputera Sabah, adalah kritikal untuk menangani dengan segera isu-isu dan cabaran yang telah dibincangkan. Tindakan segera diperlukan bagi mencapai matlamat pendekatan baharu dalam agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama, dan inklusif, merentasi kedudukan geografi. Input dan dapatan ini memainkan peranan penting dalam merangka dan membangunkan halatuju komprehensif bagi Bumiputera Sabah dalam mencapai sasaran Halatuju Sabah Maju Jaya 2021-2025 (SMJ2021-2025). Dalam konteks ini, strategi-strategi yang dinyatakan dalam kertas input ini adalah langkah yang tepat untuk menghadapi situasi semasa. Keutamaan perlu diberikan kepada pelaksanaan tindakan segera untuk memastikan bahawa nasib Bumiputera Sabah terus dilindungi dan martabat mereka ditingkatkan.





**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 9:
SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA SARAWAK**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) BAGI KUMPULAN SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA SARAWAK

9.1 LATAR BELAKANG

- 9.1.1 Kumpulan Sosioekonomi Bumiputera Sarawak adalah antara 10 kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan input dalam merangka hala tuju pendekatan baharu agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif. Pada tahun 2022, Sarawak yang memiliki populasi seramai 2.47 juta jumlah penduduk dan 75.9% adalah merupakan kaum Bumiputera Sarawak yang meliputi pelbagai etnik seperti Dayak, Melayu, Melano Dayak, Murut, Kedayan, Penan dan sebagainya.
- 9.1.2 Sesi Libat Urus bagi Kumpulan Sosioekonomi Bumiputera Sarawak, yang diadakan pada 23-24 Januari 2024, telah dihadiri oleh seramai 162 peserta yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, pemain industri, dan badan bukan kerajaan. Dalam sesi tersebut, perkara utama berkaitan pencapaian semasa, isu dan cabaran serta hala tuju jangka masa hadapan telah dibincangkan berdasarkan 10 skop utama iaitu i) Transformasi Pembangunan Luar Bandar, ii) Keterhubungan, iii) Akses Pendidikan Berkualiti, iv) Literasi Kewangan dan Digital, v) Peluang Pekerjaan, vi) Potensi Ekonomi, vii) Program Pembangunan Keupayaan, viii) Teknologi Hijau, ix) Rantai Bekalan, dan x) Jurang Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur. Perbincangan turut dijajarkan dengan dasar dan halatuju sedia ada di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri, antaranya Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) dan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030).

10.2 PENCAPAIAN SEMASA

SKOP	PENCAPAIAN
Transformasi Pembangunan Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Liputan Akses kepada Elektrik : 95.73% vs 99% (2022) Membina dan Menaik taraf Jalan Luar Bandar Berturap : 65.3km vs 700km (2022) 556 petani di 54 lokasi di Sarawak memanfaatkan tanah terbiar dengan melaksanakan pertanian pintar dan berkelompok
Keterhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Pada masa ini, liputan telekomunikasi adalah pada 66.48% dan dijangka mencapai 93.87% menjelang akhir tahun 2023 dengan pentauliahan SMART 600, JENDELA, Clawback dan lain-lain inisiatif jalur lebar.
Akses Pendidikan Berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak telah membina sebuah sekolah menengah antarabangsa sendiri iaitu Yayasan Sarawak International Secondary School bagi melahirkan pelajar kompetitif dengan penguasaan bahasa Inggeris yang baik. 4 buah sekolah antarabangsa akan dibangunkan sehingga tahun 2030. Sebanyak 520 sekolah yang dikategorikan daif di Negeri Sarawak yang masih berada pada skala 6 & 7 (2023) Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Sarawak adalah seramai 327,200 orang, meningkat 5.3% daripada 310,800 orang pada tahun 2020.
Literasi Kewangan dan Digital	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Sarawak telah mengeluarkan dua terbitan strategi iaitu <i>Sarawak Digital Economy Strategy 2018-2022</i> dan <i>Sarawak Digital Economy Blueprint 2030</i>. 133 Pusat Ekonomi Digital (PEDI) di Sarawak dibangunkan bagi menyediakan kursus keusahawanan digital Dibawah Pelan Digital Ekosistem Sarawak, <i>Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC)</i> telah membangunkan 9 Hab Inovasi Digital dan Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) telah membangunkan 3 Hab Inovasi Digital. Hab ini merupakan platform bagi syarikat pemula (<i>start-up</i>) dan usahawan bagi mengumpul, menjana dan berkongsi idea melalui ruang kerjasama yang berpatut dan dibekalkan dengan kemudahan asas, program pembangunan keusahawanan yang pelbagai, pembiayaan, pelaburan dan peluang kepada akses pasaran.

Peluang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Tenaga buruh di Sarawak meningkat 1.9% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021: 1.4%)
Potensi Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> KDNK Sarawak berjumlah RM140.2 bilion (2022) berbanding RM131.6 bilion (2021); peningkatan sebanyak 6.5% Nisbah KDNK per kapita : 0.9 vs 1.2 (2022 vs 2025) Pertumbuhan Purata KDNK : 4.8% vs 5.3% (2022 vs 2025)
Program Pembangunan Keupayaan	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan bersepadu untuk memupuk tenaga kerja dengan kemahiran padanan dengan keperluan pekerjaan Sarawak melalui PCDS 2030
Teknologi Hijau	<ul style="list-style-type: none"> Pelancaran Loji Pengeluaran Hidrogen Bersepadu pertama di Asia Tenggara pada tahun 2019 Menjelang tahun 2025, Sarawak bakal mempunyai Projek Transit Aliran Automasi (ART) berkuasa hidrogen bagi menghubungkan Kuching dengan beberapa bandar utama di Sarawak seperti Samarahan dan Serian
Rantai Bekalan	<ul style="list-style-type: none"> Sarawak merupakan penyumbang kedua terbesar kepada sektor pertanian di Malaysia iaitu 14.7% Sarawak merupakan negeri pengeluar minyak sawit mentah (MSM) kedua terbesar di Malaysia pada 2022, mencatatkan jumlah pengeluaran 4,005,425 tan metrik berbanding 3,907,820 tan metrik pada 2021
Jurang Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> Liputan Akses kepada Elektrik : 95.73% vs 99% (2022 vs 2025) Membina dan Menaik taraf Jalan Luar Bandar Berturap : 65.3km vs 700km (2022 vs 2025) Liputan rangkaian 4G di Sarawak telah mencapai 61.6% pada tahun 2023

9.3 ISU DAN CABARAN

SKOP	ISU
Transformasi Pembangunan Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Kurangnya keterlibatan Bumiputera dalam ekonomi luar banda Kurang kesedaran terhadap peluang ekonomi yang ada Kelestarian peluang usahawan luar bandar
Keterhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Cabar dalam pembinaan dan peningkatan jaringan jalan raya disebabkan oleh kurangnya penyelarasian antara pihak berkuasa Kurangnya akses jalan raya dan keterhubungan dari luar bandar ke bandar utama Kurang minat syarikat telekomunikasi dalam pembangunan rangkaian telekomunikasi di luar bandar Sarawak disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah Faktor geopolitik mempengaruhi pembangunan infrastruktur di Sarawak
Akses Pendidikan Berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> Kualiti penyedia latihan tidak memenuhi standard industri Masalah infrastruktur dan koneksi dalam pembelajaran Alat dan perisian pembelajaran yang mahal Kurang kesedaran dan minat pelajar dalam pendidikan

SKOP	ISU
Literasi Kewangan dan Digital	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan kewangan yang rendah dan kurang pendedahan tentang pengurusan kewangan • Akses terhadap pendidikan dan perkhidmatan kewangan yang terhad • Pengurusan kewangan yang lemah dalam SMEs • Kurangnya sumbangan sosial oleh syarikat swasta dalam literasi kewangan • Kesedaran dan kebolehan digital yang rendah dalam komuniti
Peluang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kualiti pendidikan yang rendah menyebabkan kurangnya pekerja berkemahiran. • Lambakan graduan tanpa peluang pekerjaan yang mencukupi • Ketidakselarasaran modul pendidikan dengan keperluan industri • Persaingan antara pekerja asing dan tempatan serta kurangnya pekerja mahir di Sarawak
Potensi Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Kepakaran terhad dalam pembungkusan dan kurang penonjolan identiti budaya tempatan • Kurangnya pemanfaatan sumber sedia ada • Kurang keyakinan pelabur dalam industri tempatan
Program Pembangunan Keupayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang ketelusan dalam proses pemilihan pekerjaan • Ketiadaan komunikasi antara pemain industri dan penyesuaian pekerjaan (<i>industrial linkages</i>) di antara industri • Ketidakmampuan syarikat Bumiputera memperoleh pensijilan ISO dan setarafnya sebagai langkah untuk meningkatkan standard kualiti • Kurang akses kepada maklumat pembiayaan dan penyokong perkembangan syarikat Bumiputera • Kelemahan dalam program pembangunan kapasiti
Teknologi Hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya penemuan ekonomi hijau baharu dari Sarawak • Kekurangan insentif oleh kerajaan • Kurang kesedaran atau strategi pemasaran dalam teknologi hijau
Rantaian Bekalan	<ul style="list-style-type: none"> • Harga bekalan mentah yang tinggi dan monopolii oleh pembekal menyukarkan syarikat Bumiputera • Pangkalan data berkaitan syarikat Bumiputera yang tidak dikemaskini • Perkongsian data yang tidak diselaraskan dan dasar yang tidak selaras
Jurang Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Pertindihan fungsi di antara agensi Kerajaan • Bantuan yang tidak selaras dengan keperluan sebenar penerima manfaat • Kos logistik yang tinggi ke Sabah/Sarawak • Kenaikan harga mesin untuk SMEs disebabkan oleh kos pengangkutan • Akses kepada premis perniagaan bagi peniaga kecil dan sederhana

9.4 HALA TUJU

- 9.4.1 Dalam merangka strategi dan hala tuju bagi menambahbaik serta mengatasi isu dan cabaran yang telah dikenalpasti di atas, cadangan-cadangan strategi dan hala tuju yang dikemukakan bagi setiap skop ini diperincikan kepada tiga fasa utama iaitu hala tuju jangka masa pendek (2024-2025), jangka masa sederhana (2026-2030) dan jangka masa panjang (2030-2035).

- 9.4.2 Cadangan hala tuju untuk **Transformasi Pembangunan Luar Bandar dan Keterhubungan** di Sarawak menggariskan strategi komprehensif yang merangkumi jangka masa pendek, sederhana, dan panjang, dengan fokus utama pada pembangunan infrastruktur, peningkatan ekonomi, dan penglibatan komuniti. Strategi ini menekankan pentingnya pembangunan jalan raya di kawasan luar bandar yang berpotensi tinggi, dan kepentingan kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri untuk mencapai sinergi dalam pembangunan.
- 9.4.3 Diantara hala tuju jangka pendek yang dicadangkan adalah supaya Dasar “*Carve out & Compete*” diusulkan untuk diperluas di Sarawak, bertujuan untuk membuka peluang kepada syarikat Bumiputera untuk terlibat dalam projek-projek pembangunan skala besar sambil meningkatkan persaingan di kalangan syarikat Bumiputera, mendorong pembangunan tenaga kerja mahir dalam sektor-sektor berimpak tinggi seperti pembinaan infrastruktur dan teknologi baru, termasuk tenaga solar.
- 9.4.4 Bagi cadangan halatuju jangka masa sederhana, penglibatan langsung kerajaan negeri dalam pengambilalihan syarikat telekomunikasi dianggap penting untuk memperluas liputan telekomunikasi, terutamanya di kawasan luar bandar, yang akan memperkuuhkan keterhubungan dan mempercepat pembangunan ekonomi serta sosial di kawasan tersebut. Inisiatif ini bertujuan untuk mencipta ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi luar bandar yang inklusif dan berkelanjutan, sekaligus meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat. Manakala bagi cadangan halatuju jangka masa panjang pula, bagi mencipta peluang kepada syarikat Bumiputera Sarawak untuk mengambil bahagian di dalam industri telekomunikasi di Sarawak, adalah disarankan supaya syarikat telekomunikasi yang telah diambil alih oleh kerajaan negeri untuk dilupuskan kepada syarikat Bumiputera Sarawak yang berkelayakan.
- 9.4.5 Seterusnya bagi skop **Akses Pendidikan Berkualiti**, antara perkara yang perlu diberi keutamaan bagi wilayah Sarawak untuk jangka masa pendek adalah meliputi aspek pemerkasaan dan pengukuhan sistem pentaulahan sedia ada bagi keperluan penyedia latihan tempatan dan memperluaskan inisiatif/ latihan industri (*Academy in industry, AII*). Disamping itu, pemudahcaraan untuk mendapatkan akses internet bagi sekolah di pedalaman dan keperluan dalam menaiktaraf infrastruktur berkaitan *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* di sekolah rendah/ menengah juga merupakan salah satu halatuju yang harus diberi penekanan dalam pembangunan komuniti Bumiputera wilayah Sarawak.
- 9.4.6 Selain itu, bagi meningkat minat dan kesedaran pendidikan dalam generasi muda Sarawak, strategi yang dicadangkan adalah dengan memperkasakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) sedia ada selari dengan perkembangan industri digital. Bagi cadangan hala tuju jangka masa sederhana, pemerkasaan program pendedahan seperti Colombo Plan (*semester-based study, language training, and internships or mentorships in 40 participating countries*) juga antara yang dicadangkan bagi memupuk kesedaran dikalangan generasi muda. Bagi hala tuju jangka masa panjang pula, cadangan yang dikemukakan adalah untuk memberi penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan hubungan antara sektor pendidikan dan industri melalui inovasi.
- 9.4.7 Bagi skop berkaitan **Literasi Kewangan dan Digital**, antara strategi yang telah dikenalpasti adalah dengan menyediakan lebih banyak kursus celik kewangan kepada PMKS oleh persatuan perniagaan dan juga pendidikan kewangan untuk pengurusan meliputi sektor kerajaan dan juga swasta. Pewujudan platform *aggregator* sebagai one-stop centre/portal untuk individu/syarikat memperoleh maklumat bagi meningkatkan ketersediaan penerimaan pendekatan digital. Selain itu, kemudahan infrastruktur adalah merupakan salah satu pembolehdaya utama dalam meningkatkan literasi kewangan dan digital. Antara strategi yang dicadangkan adalah dengan menjadikan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) sebagai hab digital di lebih banyak kawasan pedalaman bagi kemudahan komuniti setempat.
- 9.4.8 Seterusnya bagi skop **Peluang Pekerjaan**, antara strategi jangka masa pendek yang dicadangkan adalah supaya latihan dan kursus seperti yang ditawarkan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) serta melalui SLDN diperbanyakkan dan diperluaskan di Sarawak. Bagi cadangan jangka masa sederhana pula, antara yang dicadangkan bagi meningkatkan peluang pekerjaan bagi Bumiputera Sarawak adalah dengan menghadkan kuota pelajar dalam satu-satu kursus agar tenaga pengajar dapat memberikan lebih perhatian dan justeru meningkat kualiti pelajar yang dihasilkan. Selain itu, pengkhususan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan perlu sepadan dengan keperluan industri dengan membuat *Training Need Analysis (TNA)* secara berkala, bagi mengelakkan *mismatch* dalam konteks *supply and demand*.

- 9.4.9 Persaingan diantara pekerja tempatan dan pekerja asing juga merupakan isu yang perlu diberi perhatian segera. Antara cadangan strategi jangka masa panjang yang dicadangkan adalah pemberian insentif berbentuk pengurangan cukai, dana dan geran kepada syarikat tempatan yang mengutamakan tenaga kerja tempatan dan lepasan universiti. Penguatkuasaan juga harus dipertingkatkan bagi sektor-sektor tertentu dan juga dengan penilaian semula akta/polisi kemasukan pekerja asing yang berkenaan.
- 9.4.10 Melalui skop **Potensi Ekonomi**, dalam usaha untuk mengangkat identiti dan keunikan Sarawak serta memajukan ekonomi tempatan, cadangan strategi telah dirangka melalui tiga fasa utama. Dalam jangka pendek, fokus diletakkan pada peningkatan kesedaran tentang keunikan Sarawak, dengan melaksanakan kajian untuk mengkomersilkan potensi produk makanan tempatan. Di fasa jangka masa sederhana, strategi akan difokuskan kepada pemberian insentif kepada syarikat Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menghidupkan industri yang memaparkan warisan budaya Sarawak. Selain itu, pemerkasaan polisi yang menyokong identiti Sarawak juga akan menjadi fokus utama dalam langkah-langkah yang diambil.
- 9.4.11 Fasa jangka masa panjang adalah dirancang untuk memudahkan akses pelancong ke lokasi-lokasi warisan melalui pembentukan satu lokasi khusus, memperkenalkan rumah-rumah tradisional lama dan meningkatkan profil pelancongan Sarawak. Selain itu, dalam memanfaatkan sepenuhnya sumber sedia ada di Sarawak serta bagi menarik minat pelabur dan usahawan Bumiputera dalam industri tempatan, adalah penting untuk membangunkan modal teroka khas bagi usahawan Bumiputera di Sarawak serta memastikan bantuan yang adil merentasi semua sektor perniagaan. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan Bumiputera, merangsang pertumbuhan ekonomi, dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih inklusif di wilayah ini. Cadangan hala tuju ini ini diharapkan dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memelihara warisan budaya Sarawak secara inklusif dan komprehensif.
- 9.4.12 Selain itu, melalui perbincangan berkaitan skop **Program Pembangunan Keupayaan**, salah satu hala tuju jangka pendek yang dicadangkan adalah menyediakan bantuan pembiayaan kepada syarikat Bumiputera yang berkelayakan dalam usaha mereka untuk memperoleh persijilan asas terlebih dahulu seperti Sistem Pengurusan Kualiti atau ISO dan yang setaraf dengannya. Dengan mendapatkan pensijilan ISO, syarikat Bumiputera dapat meningkatkan daya tarikan terhadap pelabur dari dalam dan luar negara, impak daripada peningkatan kredibiliti dan pengurusan yang lebih baik. Ini kerana setiap tahun, syarikat akan menjalani audit, yang membantu mereka dalam membentuk amalan pengurusan yang lebih cekap.
- 9.4.13 Bagi cadangan jangka masa sederhana pula, antara yang dicadangkan adalah untuk membangunkan kerjasama yang kukuh di antara pihak kerajaan, sektor swasta, institusi akademik dan masyarakat awam bagi membolehkan pertukaran idea, sumber daya, dan kepakaran dari pelbagai sektor untuk mencapai matlamat bersama dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang mapan. Di samping itu, langkah-langkah lain yang perlu diambil adalah dengan membantu usahawan Bumiputera dalam pemasaran untuk mengakses pasaran yang lebih besar dan terlibat dalam eksport. Bantuan ini termasuk memberikan kemahiran, strategi, dan sumber untuk mengemudi perdagangan antarabangsa dan meningkatkan daya saing, akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Ini termasuklah menyediakan program latihan bagi memperkasakan usahawan, menangani cabaran yang dihadapi, menggalakkan inklusiviti, dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.
- 9.4.14 Manakala cadangan jangka masa panjang pula adalah untuk mewujudkan sebuah agensi yang memantau pembangunan usahawan Bumiputera di peringkat Sarawak serta penetapan KPI kepada agensi berkaitan pembangunan usahawan Bumiputera bagi memastikan pemain industri Bumiputera Sarawak menyertai program pembangunan kapasiti yang ditawarkan.
- 9.4.15 Seterusnya bagi skop **Teknologi Hijau**, hala tuju untuk membangunkan pertumbuhan hijau dengan merancang tiga fasa strategik. Dalam fasa jangka masa pendek, fokus akan diberikan untuk mengenal pasti dan membangunkan sekurang-kurangnya satu teknologi hijau, melalui jalinan kerjasama dengan universiti tempatan bagi tujuan penyelidikan. Salah satu contoh teknologi hijau yang diuji di Sarawak ialah pembangunan sistem penjanaan kuasa hidroelektrik yang merupakan projek penyelidikan sedia ada oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terhadap sistem hidro mikro elektrik menggunakan sumber tempatan dan teknologi inovatif. Syarikat Bumiputera mendapat manfaat dengan bekerjasama dengan UNIMAS, mengakses peluang pasaran dalam tenaga boleh diperbaharui, membangunkan kemahiran dalam sektor tersebut, dan melibatkan diri dengan komuniti tempatan untuk pelaksanaan projek.


- 9.4.16 Pada fasa jangka masa sederhana, cadangan ini akan diperluaskan dengan mengeksplorasi tiga teknologi hijau tambahan. Ini merupakan langkah penting dalam memperluaskan portfolio teknologi hijau yang ada, sekaligus membuka lebih banyak peluang bagi pertumbuhan ekonomi dan inovasi di Sarawak. Manakala bagi jangka masa panjang, fasa ini akan menambahkan lagi usaha dengan menyasarkan penemuan lima teknologi hijau baharu, bagi merealisasikan evolusi Sarawak sebagai pusat inovasi hijau. Inisiatif-inisiatif ini diharapkan dapat mengukuhkan kedudukan Sarawak sebagai peneraju dalam teknologi hijau dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.
- 9.4.17 Selain itu, langkah-langkah perlu diambil bagi membantu usahawan Bumiputera di Sarawak memasuki sektor baru yang muncul seperti komoditi, ekonomi bulat (*circular economy*), tenaga baharu, dan perdagangan karbon. Ini memerlukan usaha yang berterusan dan penggunaan saluran yang sesuai seperti pengenalpastian peluang, kerjasama, pembiayaan, dan penyusunan dasar sokongan. Dengan koordinasi yang baik, usahawan Bumiputera dapat meraih peluang baru dan menyumbang kepada pertumbuhan mampan di Sarawak.
- 9.4.18 Bagi isu berkaitan **Rantaian Bekalan**, cadangan hala tuju jangka masa pendek termasuklah membuat perancangan keperluan bahan mentah untuk projek-projek Kerajaan, menukuhan jawatankuasa khas untuk menyelaraskan maklumat Bumiputera serta memastikan syarat tender dan konsesi Kerajaan terikat dengan peraturan yang jelas. Langkah-langkah penting termasuk menilai kos secara efektif untuk sektor-sektor kritikal, menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan, serta memperkenalkan sistem hab atau pusat sehenti di setiap Bahagian/zon di Sarawak untuk meningkatkan efisiensi logistik. Bagi cadangan hala tuju jangka masa sederhana pula, tumpuan pada mewujudkan *Buying House* bagi memudahkan mekanisme penyumberan (*sourcing*) dan pembiayaan (*financing*), melaksanakan pemutihan data syarikat Bumiputera, serta menambahbaik dasar untuk meningkatkan penglibatan kontraktor Bumiputera. Manakala bagi jangka masa panjang pula merangkumi penghasilan bekalan bahan mentah tempatan, peningkatan ketelusan dan integriti dalam agensi terlibat, dan penubuhan syarikat pengurusan import/eksport peringkat Sarawak untuk meningkatkan pengurusan logistik.
- 9.4.19 Bagi isu berkaitan **Jurang Pembangunan Ekonomi dan Infrastruktur**, cadangan hala tuju jangka masa pendek termasuklah memperkasa jawatankuasa negeri untuk memantau bantuan kepada penerima manfaat, memastikan penyampaian bantuan peralatan dan tunai berlangsung pada tahun semasa, serta memberikan insentif logistik, menukuhan syarikat pengurusan *import-export*, dan pusat pengedaran produk Sarawak di Semenanjung Malaysia. Selain itu, analisis keperluan mesin, subsidi mesin, dan fungsi perundingan turut dicadangkan untuk diperkenalkan untuk mengurangkan kos tinjauan syarikat PMKS di Semenanjung. Bagi menangani isu berkaitan kos sewa premis yang tinggi yang membebankan perniagaan kecil serta kekurangan penyertaan Bumiputera sebagai penyewa di pusat membeli-belah, dicadangkan supaya mekanisme bagi mengawal harga sewaan serta sokongan kewangan kepada usahawan Bumiputera diwujudkan bagi mempromosikan inklusiviti dalam sektor runcit.
- 9.4.20 Bagi cadangan hala tuju jangka sederhana, tumpuan harus diberikan kepada kejelasan fungsi agensi berkaitan pembangunan usahawan Bumiputera, penerbitan insentif/ teknologi terkini kepada usahawan, peningkatan kapasiti syarikat pengurusan *import-export*, serta program inovasi universiti dan penyediaan geran bagi syarikat pengilangan. Selain itu, bagi program bantuan pembiayaan, modal, dan penyewaan di bawah belanjawan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, terdapat keperluan untuk menyusun semula dan menyederhanakan proses permohonan. Hal ini penting untuk memudahkan orang awam dan usahawan Bumiputera Sarawak khususnya dalam mengakses program-program bantuan tersebut secara lebih efektif.
- 9.4.21 Bagi cadangan hala tuju jangka masa panjang, ianya harus melibatkan pembangunan fungsi agensi berkaitan pembangunan usahawan Bumiputera, pengembangan kapasiti dan teknologi, penubuhan syarikat logistik milik Bumiputera Sarawak, serta peningkatan nilai tambah atas inovasi yang dilakukan. Di samping itu juga, penubuhan bank khusus untuk Bumiputera Sarawak turut dicadangkan untuk dipertimbangkan bagi membantu memenuhi keperluan kewangan yang khusus serta memperbaiki akses kepada perkhidmatan kewangan untuk komuniti usahawan Bumiputera di Sarawak khususnya kepada sektor-sektor yang memberikan sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI). Mekanisme ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan Bumiputera Sarawak dalam sektor-sektor utama, malah merangsang pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

9.5 PENUTUP

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan Sesi Libat Urus Kumpulan Sosioekonomi Bumiputera Sarawak, adalah penting untuk mengambil tindakan terhadap isu dan cabaran yang telah dibincangkan. Kebanyakan isu telah dikenalpasti di dalam pelan tindakan dan halatuju di peringkat Kerajaan Sarawak seperti Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS2030) dan sedang menunggu pelaksanaan. Strategi – strategi yang dicadangkan ini merangkumi pelbagai inisiatif yang bertujuan

untuk menangani cabaran dalam pelbagai sektor, menekankan pertumbuhan inklusif dan mampan. Langkah-langkah ini sangat penting bagi mencapai sasaran dan objektif hala tuju baharu yang lebih adil, saksama, dan inklusif bagi agenda Bumiputera yang merangkumi semua aspek geografi Sarawak. Di samping itu, input dan dapanan ini juga memiliki nilai penting bagi langkah seterusnya iaitu untuk merangka dan membangunkan satu halatuju Bumiputera Sarawak yang komprehensif demi mencapai matlamat di bawah PCDS2030. Dalam konteks ini, tindakan segera diperlukan, dan strategi yang dijelaskan dalam kertas input ini dianggap sebagai langkah yang tepat dalam menangani keadaan semasa untuk memastikan kepentingan dan martabat Bumiputera Sarawak terus terpelihara dan dipertingkat.





**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024
KUMPULAN 10:
FELDA DAN TANAH WILAYAH**

LAPORAN HASIL DAPATAN SESI LIBAT URUS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB2024) FELDA DAN TANAH WILAYAH

RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil daripada tiga (3) Sesi Libat Urus (SLU) Kumpulan 10: FELDA dan Tanah Wilayah yang telah diadakan pada 16 Januari, 30 Januari dan 6 Februari 2024, FELDA telah menggariskan tiga (3) skop perbincangan utama bagi merangka hala tuju FELDA dan tanah wilayah yang berpotensi untuk dibahaskan semasa Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024). Tiga (3) skop tersebut merangkumi:

- i. Transformasi Pertanian Dalam Meningkatkan Keterjaminan Makanan Negara;
- ii. Peralihan Adil Ekonomi Bumiputera; dan
- iii. Penggunaan Tanah Dalam Memacu Ekonomi Kitaran Berimpak Tinggi.

SLU yang melibatkan keseluruhan 755 peserta ini telah berjaya merumuskan dua belas (12) hala tuju yang berpaksikan kepada empat (4) usul utama dalam konteks meningkatkan daya saing ekonomi Bumiputera di luar bandar dan tanah wilayah. Setiap hala tuju ini disokong dengan pelan tindakan utama yang boleh dilaksanakan dalam jangka masa pendek (2024-2025), sederhana (2026-2030), dan panjang (2031-2035).

hala tuju ini akan dikemukakan semasa KEB 2024 sebagai cadangan resolusi untuk memacu pertumbuhan ekonomi Bumiputera di luar bandar khususnya. Fokus utama diberikan terhadap pemerksaan Bumiputera melalui kerjasama awam-swasta dalam ekonomi kitaran, memperkenalkan cukai karbon, serta menyokong transformasi pertanian untuk meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Dengan adanya dasar yang jelas dan pelan tindakan yang berstruktur, usul-usul yang dikemukakan diharapkan dapat mengurangkan jurang ekonomi antara komuniti Bumiputera luar bandar dengan bandar, serta mewujudkan ekonomi kitaran yang mampu melalui pembangunan yang lestari. Inisiatif ini juga menasarkan Malaysia sebagai pemimpin ekonomi kitaran dan perdagangan karbon di peringkat ASEAN menjelang tahun 2035.

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Federal Land Development Authority (FELDA) atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 dengan matlamat utama penubuhan iaitu untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar serta mengurangkan jurang kemiskinan. Idea yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Tun Abdul Razak dengan bermatlamat membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat miskin di luar bandar bagi 112,638 peneroka, merangkumi 95% Bumiputera.

Semasa pembentangan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) berlangsung di Dewan Rakyat pada 11 September 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 bagi mencadangkan hala tuju serta pendekatan baharu agenda pemerksaan Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif. Dua (2) objektif utama yang telah dizahirkan bagi mendokong inisiatif ini adalah :

- a. **Mencadangkan hala tuju serta pendekatan baharu agenda pemerksaan Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif; dan**
- b. **Mencadangkan pendekatan baharu untuk mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna.**

Bahkan, Malaysia yang kaya dengan sumber tanah mempunyai kelebihan daya saing antara negara pertanian ASEAN yang lain. Menurut statistik, FELDA memiliki tanah seluas 0.86 juta hektar tanah, iaitu 15% berbanding tanah negara seluas 5.86 juta hektar bagi sektor tanaman kelapa sawit. FELDA yang merupakan agensi yang kaya dengan bank tanah dilihat menjadi nadi penggerak ekonomi Bumiputera.

Sejak KEB 1 bermula pada tahun 1965, Kumpulan FELDA dan Tanah Wilayah telah dijadikan salah satu tonggak dalam agenda memperkasakan ekonomi Bumiputera melalui perluasan kawasan FELDA demi memanfaatkan peneroka. Malah

dalam KEB 4 pada tahun 2010, penumpuan isu tanah diperlihatkan melalui fokus bagaimana pembangunan Tanah Rizab Melayu dan '*native land*'. Malangnya, setelah hampir 60 tahun berlalu, kegagalan ekonomi Bumiputera seringkali menjadi persoalan di mana hasrat agar ekuiti Bumiputera mencapai 30% masih belum dapat direalisasikan.

1.2 Pernyataan Masalah

Kebimbangan Kerajaan kini timbul apabila kita dapat lihat realiti kedudukan ekonomi Bumiputera secara empirikal seperti kadar pengangguran 2022 Bumiputera 4% melebihi paras nasional 3.9% dengan golongan Bumiputera berusia 20 hingga 29 tahun paling terkesan iaitu sebanyak 17.5%. Ini secara tidak langsung melibatkan majoriti sumber tenaga kerja tidak mempunyai sumber ekonomi yang mandiri. Jika perbandingan dibuat, purata pendapatan kasar bulanan peneroka sawit dan getah FELDA bagi tahun 2023 adalah di antara RM1,555.52 hingga RM3,145.08 berbanding pendapatan kasar isi rumah Malaysia yang dinyatakan oleh Kerajaan bagi golongan B40 iaitu di bawah RM4,850.00.

Oleh kerana sumber ekonomi utama Bumiputera berpuncu dari pendapatan produktif individu, maka matlamat Kumpulan 10 adalah untuk menjadikan tanah sebagai sumber daya saing yang mampu melalui bioekonomi kitaran. Dengan itu, FELDA telah menggariskan tiga (3) skop perbincangan seperti rajah di bawah berhubung kait dengan Kumpulan FELDA dan Tanah Wilayah iaitu :

- Transformasi Pertanian Dalam Meningkatkan Keterjaminan Makanan Negara;**
- Peralihan Adil Ekonomi Bumiputera; dan**
- Penggunaan Tanah Dalam Memacu Ekonomi Kitaran Berimpak Tinggi.**



Rajah 1: Skop Perbincangan

Rangka kerja bagi skop-skop perbincangan ini adalah seperti di Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Rangka Kerja Tanah dan Ekonomi Kitaran

Secara keseluruhannya, 755 orang peserta telah mengambil bahagian dalam dua (2) sesi libat urus serta satu (1) simposium yang telah diadakan antara 16 Januari hingga 6 Februari 2024 bertempat di Menara FELDA. Dapatan isu dan cabaran yang timbul adalah seperti berikut :

- a. Ketidakseimbangan kemajuan dalam ekonomi kitaran terutamanya terhadap prestasi syarikat Bumiputera untuk berdaya saing dalam penglibatan teknologi pertanian di pasaran global;
- b. Kurang inisiatif dalam merancakkan perdagangan karbon ke arah komitmen negara menjadi neutral karbon pada tahun 2050;
- c. Akta tanah yang mengekang aktiviti-aktiviti ekonomi bernalih tinggi; dan
- d. Inovasi pertanian moden di kalangan generasi baharu masih berada di tahap minimum.


2.0 PENCAPAIAN SEMASA

2.1 Situasi Ekonomi Kitaran di Malaysia

Sejajar dengan perubahan demografi pasaran global yang lebih terjurus kepada ekonomi hijau dan lestari, Malaysia telah mula mengambil langkah menuju ke arah ekonomi kitaran sebagai usaha memelihara alam sekitar, di samping menyokong pertumbuhan ekonomi. Dengan memberi fokus kepada prinsip-prinsip ekonomi kitaran, Kerajaan Malaysia komited dalam usaha mengurangkan pembaziran, meningkatkan kecekapan sumber, dan mempromosikan penggunaan semula bahan dengan cara yang lebih berkesan dan lestari.

Kerajaan Malaysia, diterajui oleh pelbagai Kementerian dan sektor industri, telah menerapkan inisiatif dan dasar yang memacu transisi ke arah ekonomi yang lebih mampan melalui sinergi seperti tertera di Rajah 3. Ini termasuk pelaburan dalam teknologi hijau, pembangunan infrastruktur untuk pengurusan sisa yang lebih baik, dan galakan kepada inovasi dalam aktiviti kitar semula dan penggunaan semula bahan.

Sektor seperti pengeluaran, pengurusan sisa, dan tenaga boleh diperbaharui menjadi fokus utama dalam usaha ini, dengan tujuan untuk mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar di samping menyokong pertumbuhan ekonomi. Sebagai contoh, melalui “*Pelan Tindakan Biojisim Nasional 2023-2030*” Kerajaan telah memperincikan langkah untuk memperluaskan penggunaan bahan biojisim sebagai sumber tenaga, mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil, dan meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran dan penggunaan sumber.



Rajah 3: Sinergi antara Kementerian dan Agensi dalam Penubuhan Pelan Tindakan Biojisim Nasional 2023-2030

Teknologi digital dan model perniagaan yang lestari juga dilihat sebagai komponen penting dalam mencapai matlamat ekonomi kitaran. Melalui kerjasama antarabangsa dan pertukaran pengetahuan, Malaysia berusaha untuk menjadi sebuah negara contoh, yang mampu memperkasakan ekonomi di samping menjaga tanggungjawab terhadap alam sekitar.


Pendekatan Malaysia terhadap ekonomi kitaran menjanjikan transformasi ekonomi yang tidak hanya mengutamakan keuntungan jangka pendek tetapi juga kelestarian jangka panjang dan kesejahteraan generasi akan datang. Ini adalah langkah menuju masa depan yang lebih hijau dan lebih mampan, di mana pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar berjalan seiring.

2.2 Pelan Tindakan Biojisim Nasional 2023-2030

Pelan ini memberi fokus untuk memanfaatan sisa dari sektor perladangan, perhutanan, pertanian, ternakan, dan perikanan, yang berpotensi menghasilkan sekitar 80 juta tan biojisim setiap tahun. Ini mendorong inisiatif seperti pembangunan bioenergi, bahan kimia dan bahan api daripada sumber semulajadi yang memainkan peranan penting dalam mengurangkan pembaziran sumber dan memperkasakan kitaran produk.

Kerajaan, melalui kerjasama antara kementerian dan agensi seperti MIDA, MPOB, dan SEDA, menyediakan insentif untuk menggalakkan syarikat-syarikat mengamalkan model perniagaan ekonomi kitaran, seperti di Rajah 4. Ini termasuk subsidi untuk teknologi hijau, sokongan fiskal untuk R&D, dan program pembangunan kapasiti yang bertujuan untuk meningkatkan kemampuan industri dalam pengurusan sumber secara berkesan. Kerjasama pelbagai pihak, termasuk Kerajaan, pemilik bahan mentah, penyedia teknologi, penerima teknologi, pembiaya kewangan, serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana, ditekankan sebagai faktor penting yang diperlukan dalam mendorong pertumbuhan industri ekonomi kitaran.

Selain itu, pelan tindakan ini juga turut memperkenalkan prinsip-prinsip ekonomi kitaran dalam industri pertanian di Malaysia, dengan penekanan diberikan terhadap peningkatan nilai tambah dan pengembangan pasaran untuk produk-produk biojisim. Hal ini mampu memperkasa pertumbuhan ekonomi nasional serta menyokong aspirasi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.



Rajah 4: Konsep aktiviti ekonomi kitaran bagi industri sawit di Malaysia (Leng et. Al, 2023)

Pelan ini menggambarkan visi Malaysia untuk mengadaptasi ekonomi kitaran yang inklusif dan berdaya tahan, dengan menekankan penggunaan sumber yang efisien, pengurangan sisa, dan inovasi untuk pertumbuhan ekonomi yang lestari.

3.0 ISU DAN CABARAN MENCAPAI TAHAP EKONOMI KITARAN YANG MAMPAH DI MALAYSIA

Cabar dan peluang dalam melaksanakan pembudayaan ekonomi kitaran di Malaysia melalui penggunaan biojisim adalah saling berkait.

3.1 Kesedaran dan Akses kepada Dana Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Salah satu cabaran utama adalah meningkatkan kesedaran, dan akses kepada dana R&D bagi sektor biojisim. Ini termasuk kesukaran dalam memperolehi maklumat berkenaan peluang pembiayaan yang disediakan dan kriteria kelayakan.

3.2 Integrasi Teknologi

Penggunaan teknologi dalam mengoptimumkan penggunaan biojisim masih berada pada tahap awal. Kekurangan inovasi dan teknologi yang sesuai dapat menghalang pengekstrakan nilai maksimum dari sumber biojisim.

3.3 Pembiayaan

Memperoleh pembiayaan merupakan cabaran khususnya bagi syarikat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) yang tidak mempunyai rekod kewangan atau jaminan yang kukuh untuk mendapatkan pelaburan atau pembiayaan.

3.4 Perubahan Iklim

Antara cabaran mencapai tahap ekonomi kitaran yang mampan adalah perubahan iklim yang boleh menyebabkan kekurangan sumber dengan mengubah pergerakan cuaca, mengurangkan ketersediaan air dan menjadikan produktiviti pertanian. Kekurangan ini boleh menjadikannya lebih mencabar untuk mengekalkan ekonomi kitaran yang bergantung pada penggunaan sumber secara cekap dan meminimumkan pembaziran.

3.5 Ketidakstabilan Pasaran Global

Disebabkan ketidakstabilan pasaran global, syarikat-syarikat akan lebih berhati-hati untuk melabur dalam inisiatif kelestarian jangka panjang, termasuk inisiatif ekonomi kitaran. Ketidakpastian tentang keadaan pasaran masa depan dan risiko kewangan boleh menyebabkan syarikat mengutamakan keuntungan jangka pendek berbanding amalan yang mampan.

3.6 Kurang Regulasi Mekanisme Perdagangan Karbon

Perdagangan karbon memainkan peranan penting dalam ekonomi kitaran dengan memberi insentif kepada syarikat dan organisasi untuk mengurangkan pelepasan karbon mereka dan beralih ke arah amalan yang lebih lestari. Perdagangan karbon adalah salah satu inisiatif ekonomi kitaran yang masih belum dikawal sepenuhnya di Malaysia. Sehingga kini, masih tiada sokongan dasar atau polisi Kerajaan bagi pelaksanaan cukai karbon atau agensi khusus untuk membimbang serta mengawal mekanisme perdagangan karbon.

3.7 Penerimaan Terhadap Transformasi Pertanian

Akses terhad pada teknologi mampu milik, termasuk mesin, sistem pengairan dan alat digital juga menghalang peningkatan produktiviti dan memburukkan lagi ketidakseimbangan dalam pengeluaran dan akses makanan. Selain itu, penyediaan latihan dan perkhidmatan lanjutan yang kurang komprehensif kepada para petani dalam penggunaan teknologi juga melengahkan penerimaan dan integrasi ke dalam amalan pertanian. Malah, perbezaan usia para petani kini yang berusia lebih 60 tahun, menyebabkan sukar bagi mereka untuk menerima teknologi baharu. Begitu juga isu lambakan hasil akibat masalah off-taker yang tidak konsisten.


a. Ketidakselarasan Akta Tanah dengan Keperluan Ekonomi Kitaran

Perkembangan ekonomi kitaran di kalangan Bumiputera dikekang oleh Akta Tanah yang tidak selaras dengan keperluan ekonomi kitaran. Tiada dasar insentif yang boleh dijadikan rujukan untuk penggunaan tanah secara lestari. Transformasi pertanian juga terhalang oleh kekangan syarat guna tanah yang tidak fleksibel dan merumitkan proses mengubah penggunaan tanah ke arah diversifikasi untuk memajukan ekonomi kitaran.

4.0 PELUANG MENCAPAI TAHAP EKONOMI KITARAN YANG MAMPAH DI MALAYSIA

4.1 Kerjasama Sektor Swasta


Peluang penglibatan sektor swasta dalam R&D, pengkomersialan, dan inovasi biojisim. Kolaborasi antara sektor swasta dan Kerajaan mampu mendorong perkembangan produk dan teknologi baru melalui pemberian insentif dan sokongan sepetimana di Rajah 5.



Rajah 5: Insentif Kerajaan bagi syarikat berstatus BioNexus (LHDN, 2020)

4.2 Pendekatan Model Perniagaan Berasaskan Teknologi

Pemanfaatan teknologi untuk memacu model perniagaan baru yang lebih berkesan dan lestari, membuka jalan bagi penciptaan nilai optimum melalui ekonomi kitaran.



Rajah 6: Jenis-Jenis Model Perniagaan Berasaskan Biojisim (*Ministry of Plantation and Commodities, 2023*)

4.3 Sokongan Kerajaan

Kerajaan menyediakan pelbagai insentif, termasuk pembiayaan, pelepasan cukai, dan subsidi, untuk merangsang pembangunan industri biojisim. Ini termasuk dana dari MIDA dan MOSTI untuk projek-projek R&D biojisim dan skim pembiayaan teknologi hijau. *Top of Form*

MIDA Incentives Utilisation of Oil Palm Biomass to Produce Value-Added Products:			
Incentives for new investment and reinvestment*			
Projects	Processing Division	Pioneer Status	Investment Tax Allowance
1. Biogas 2. EFB Processing 3. Bio Chemicals 4. Biofuel (biodiesel, SAF) 5. Bioethanol 6. Food additives	Chemical & Advanced Material Division		
7. Wood product from Oil palm trunk 8. Animal Feed – PKC, decanter cake 9. Bio composite 10. Pulp & paper 11. Energy pellet 12. Biochar/activated carbon 13. Bio fertiliser	Food Technology & Resource-based Industries Division	Income tax exemption between 70%-100% of statutory income for a period of 5-10 years*	Between 60%-100% of qualifying capital expenditure incurred within a period of 5 years
14. Bioplastics 15. Biosugar 16. Other enzymatic processes of palm biomass product	Life Sciences & Medical Technology Division		

Rajah 7: Contoh Insentif Diperuntukkan Bagi Penggunaan Biojisim Daripada Sisa Sawit (MIDA, 2023)

5.0 HALA TUJU DAN PELAN TINDAKAN

Menerusi Sesi Libat Urus (SLU) yang telah dijalankan pada 16 dan 30 Januari 2024 serta maklumbalas yang diterima daripada Simposium FELDA 2024 yang telah diadakan pada 6 Februari lalu melibatkan 755 peserta, FELDA berjaya mengumpulkan serta merumuskan 12 hala tuju utama daripada empat (4) usul cadangan. Setiap cadangan hala tuju ini pula mempunyai tiga (3) pelan tindakan utama yang akan dilaksanakan dalam jangka masa pendek (2024-2025), sederhana (2026-2030) dan panjang (2031-2035). Setiap hala tuju tersebut dijelaskan berdasarkan usul cadangan seperti di bawah:

5.1 Memperkasakan syarikat Bumiputera melalui perkongsian kerjasama awam - swasta dalam ekonomi kitaran

Hala tuju jangka pendek yang ditetapkan ialah dengan membina asas kerjasama awam - swasta bermula dengan mengenalpasti lima (5) perusahaan sederhana Bumiputera yang terpilih untuk menjadi pemacu ekonomi kitaran di lima (5) koridor ekonomi negara iaitu Iskandar Malaysia, NCER, ECER, SDC dan SCORE. Hala tuju ini dapat dilaksanakan melalui tiga (3) pelan tindakan utama iaitu mengenal pasti syarikat Bumiputera yang berpotensi sebagai syarikat induk untuk memacu ekonomi kitaran, memastikan penglibatan Bumiputera dalam 14 model perniagaan berdasarkan biojisim seperti mana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Biojisim Nasional 2023-2030, serta memperkenalkan insentif fiskal untuk syarikat induk Bumiputera yang mengamalkan prinsip ekonomi kitaran.

Berdasarkan acuan yang telah dibentuk daripada syarikat induk yang telah dipilih, proses pengembangan dan pemantapan ekosistem ekonomi kitaran perlu menjadi hala tuju jangka sederhana bagi memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada 18,388 (Sumber: SME Corp, 2022) perusahaan sederhana dapat terlibat secara aktif dalam ekonomi kitaran seterusnya memberikan tempias ekonomi kepada perusahaan mikro dan kecil. Antara pelan tindakan yang boleh dilaksanakan termasuklah menyediakan program latihan dan pembangunan kemahiran khusus untuk usahawan Bumiputera dalam ekonomi kitaran, menggalakkan inovasi dan R&D untuk menggalakkan penggunaan agrotek dalam industri pertanian selain memperluas jaringan pasaran untuk produk kitaran yang dihasilkan oleh syarikat Bumiputera.

Hala tuju jangka panjang pula adalah memastikan kepimpinan global sekurang-kurangnya satu (1) syarikat Bumiputera dalam ekonomi kitaran bagi setiap koridor ekonomi negara menjelang tahun 2035. Ini dapat direalisasikan dengan menubuhkan pusat kecemerlangan global untuk inovasi ekonomi kitaran Bumiputera dan menjalinkan kerjasama strategik dengan pemain industri global untuk pengembangan pasaran. Selain itu, pelan tindakan lain yang boleh dilaksanakan

bagi mencapai sasaran ini adalah membina ekosistem yang mampu dengan memberi penekanan pada pulangan jangka panjang dan kesan sosioekonomi.

Isu/cabar	Cadangan Halatuju	Tempoh	Pelan Tindakan
<ul style="list-style-type: none"> Perubahan iklim dan ketidakstabilan pasaran global. Adaptasi terhadap teknologi pertanian dalam ekonomi kitaran yang perlahan. Kesukaran dalam memastikan kesinambungan amalan kitaran. Persaingan dengan syarikat global dalam ekonomi kitaran. Kekangan keupayaan syarikat bumiputera dalam ekonomi kitaran. 	Mengenalpasti 5 perusahaan sederhana bumiputera yang terpilih untuk menjadi pemasu ekonomi kitaran di 5 koridor ekonomi negara	2 Tahun 2024-2025	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti syarikat Bumiputera yang berpotensi sebagai syarikat induk untuk memacu ekonomi kitaran Memastikan penglibatan bumiputera dalam model perniagaan berdasarkan biojisim Memperkenalkan insentif fiskal untuk syarikat induk Bumiputera yang mengamalkan prinsip ekonomi kitaran.
	Memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada 18,388 perusahaan sederhana dapat terlibat secara aktif dalam ekonomi kitaran	5 Tahun 2026-2030	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan program latihan dan pembangunan kemahiran khusus untuk usahawan bumiputera dalam ekonomi kitaran Menggalakkan inovasi dan R&D untuk menggalakkan penggunaan agrotek dalam industri pertanian Memperluas jaringan pasaran untuk produk kitaran yang dihasilkan oleh syarikat bumiputera.
	Memastikan kepimpinan global sekurang-kurangnya 1 syarikat bumiputera dalam ekonomi kitaran bagi setiap koridor ekonomi negara menjelang tahun 2035	5 Tahun 2031-2035	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan pusat kecermerlangan global untuk inovasi ekonomi kitaran Bumiputera. Menjalin kerjasama strategik dengan pemain industri global untuk pengembangan pasaran dan teknologi. Membina ekosistem yang mampu dengan penekanan pada pulangan jangka panjang dan kesan sosioekonomi.

Jadual 1: Memperkasakan Syarikat Bumiputera Melalui Perkongsian Kerjasama Awam - Swasta dalam Ekonomi Kitaran

5.2 Memperkenalkan Cukai Karbon dan Menubuhkan Agensi Pensijilan dalam Perdagangan Karbon ASEAN

Dalam tempoh jangka masa pendek, pihak Kerajaan dicadangkan untuk mewujudkan dasar dan struktur awal bagi cukai karbon serta penubuhan agensi tempatan yang akan berfungsi seperti 'Vierra' menjelang tahun 2025. Antara pelan tindakan yang boleh dilaksanakan ialah memperkenalkan dasar cukai karbon secara berperingkat, menubuhkan agensi yang bertindak sebagai badan pensijilan untuk perdagangan karbon di peringkat ASEAN serta mengadakan program latihan dan pembangunan kapasiti untuk Bumiputera dalam bidang ekonomi kitaran dan perdagangan karbon.

Setelah agensi khas digunakan secara meluas di peringkat domestik, sistem perdagangan tersebut perlu dikukuhkan dan diperluas di peringkat ASEAN menjelang tahun 2030 sebagai hala tuju jangka masa sederhana. Pelan tindakan yang dicadangkan bagi menyokong usaha ini termasuklah mengembangkan dan mengintegrasikan sistem perdagangan karbon di negara ASEAN lain, memperkasa Bumiputera dengan teknologi dan pengetahuan terkini dalam ekonomi kitaran serta menjalankan kajian dan pembangunan dalam teknologi hijau dan inovasi ekonomi kitaran.

Hala tuju jangka panjang pula adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pemimpin dan model kejayaan dalam perdagangan karbon serta ekonomi kitaran di peringkat ASEAN menjelang tahun 2035. Beberapa pelan tindakan penting perlu diberi perhatian termasuklah menyediakan platform serantau untuk pertukaran karbon yang efisien dan berkesan, memperluaskan inisiatif ekonomi kitaran ke dalam aspek ekonomi Bumiputera serta memastikan kelestarian dan kesinambungan inisiatif dengan kerjasama di peringkat antarabangsa dan usaha inovasi berterusan.

5.3 Mentransformasi Pertanian Dalam Meningkatkan Keterjaminan Makanan Negara.

Bagi menyokong agenda Kerajaan untuk meningkatkan keterjaminan makanan negara, pihak Kerajaan perlu mengenal pasti tanah-tanah yang tersedia dan sesuai untuk tujuan pertanian bagi meningkatkan tahap Self Sufficient Level (SSL) sekurang-kurangnya 80% sebagai hala tuju jangka masa pendek. Sebagai pelan tindakan, satu (1) bank tanah perlu diwujudkan untuk menilai dan menentukan tanah-tanah yang berpotensi untuk dimajukan bagi sektor keterjaminan makanan. Seterusnya, pembahagian zon pertanian perlu dibuat mengikut jenis tanah dan sumber tersedia bagi mengoptimumkan pengeluaran dan memanfaatkan economy of scale. Selain itu, pemain-pemain utama perlu dikenal pasti bagi memastikan rantaian nilai yang lengkap untuk menyokong kemampuan pelaksanaan sektor keterjaminan makanan tersebut.

Dalam jangka masa sederhana, pengembangan teknologi pertanian perlu dilaksanakan bagi mengoptimumkan hasil industri pertanian negara untuk menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada sasaran 7% pada tahun 2025 (RMKe-12) kepada 10% menjelang tahun 2030. Antara pelan tindakan yang digariskan untuk mencapai hala tuju ini termasuklah menawarkan geran dan suntikan fiskal kepada syarikat Bumiputera yang mengadaptasi teknologi dalam aktiviti pertanian mereka, melaksanakan kerjasama strategik dengan penyedia teknologi di dalam dan luar negara serta penyediaan peningkatan kemahiran melalui program berbentuk latihan.

Untuk jangka panjang pula, hala tuju yang ditetapkan adalah bagi mencipta kekayaan (wealth creation) Bumiputera dengan keutamaan diberikan untuk menceburi tanaman bernilai tinggi seperti hemp, herba dan algae bagi meningkatkan kemampuan (affordability) kepada keterjaminan makanan. Ini dapat dilaksanakan dengan campur tangan kerajaan dalam memberikan kuota khas kepada Bumiputera untuk terlibat secara langsung dalam tanaman bernilai tinggi. Kerajaan juga perlu menetapkan standard yang tinggi dalam memastikan pelaksanaan kaedah pertanian tanaman bernilai tinggi ini menepati Amalan Pertanian yang Baik (GAP). Teknologi blockchain juga boleh dilaksanakan bagi meningkatkan ketelusan dan penjejakan (traceability) dalam rantaian nilai pertanian.

5.4 Melaksanakan Reformasi Akta Tanah

Syarat guna tanah menghalang perkembangan ekonomi kitaran di kalangan Bumiputera. Sebagai hala tuju jangka pendek, adalah dicadangkan pihak Kerajaan untuk membuat penambahbaikan dan pemodenan Akta Tanah sedia ada dalam tempoh dua (2) tahun untuk menyokong ekonomi kitaran. Bagi melaksanakan saranan tersebut, satu (1) jawatankuasa di peringkat pusat perlu ditubuhkan bagi menyemak semula kekangan Akta Tanah semasa dalam pelaksanaan ekonomi kitaran. Jawatankuasa ini juga perlu mengenal pasti dan mencadangkan pindaan syarat guna tanah bagi tujuan pemodenan kawasan luar bandar. Di samping itu, pihak Kerajaan juga perlu memperkenalkan pindaan akta untuk memudahkan akses dan penggunaan tanah bagi aktiviti ekonomi kitaran.


Bagi jangka sederhana pula, hala tuju perlu difokuskan kepada mengintegrasikan ekonomi kitaran dalam pembangunan tanah dan dasar pertanian negara melalui Dasar Agromakanan Negara 3.0 yang akan diperkenalkan untuk tahun 2031 - 2040. Antara pelan tindakan penting yang perlu dimainkan termasuklah menggalakkan pelaburan dalam infrastruktur yang menyokong ekonomi kitaran, mewujudkan zon-zon khas untuk pembangunan ekonomi kitaran serta menyediakan insentif bagi aktiviti yang menggunakan teknologi hijau dan perdagangan karbon.

Dalam tempoh sepuluh tahun, hala tuju diletakkan bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan untuk ekonomi kitaran di ASEAN di mana Malaysia diangkat sebagai negara model dan penanda aras bagi negara seantero ASEAN yang melaksanakan ekonomi kitaran. Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa pelan tindakan telah digariskan termasuklah memperluas kerjasama antarabangsa dalam ekonomi kitaran dan perdagangan karbon, mengembangkan platform perdagangan karbon yang efisyen dan inklusif untuk Bumiputera serta memastikan kelestarian penggunaan tanah melalui penerapan budaya penggunaan tanah yang lestari.

6.0 PENUTUP

Setelah Malaysia berjaya melaksanakan lima (5) siri Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) yang bermula dari tahun 1965 hingga 2020, sebanyak 13 resolusi telah digariskan untuk memastikan kelangsungan pemerkasaan ekonomi Bumiputera, melalui tujuh (7) teras strategik yang terangkum dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Menerusi evolusi, dua (2) fungsi utama diketengahkan; di mana MARA diangkat menjadi agensi ulung bagi memperkasakan Agenda Kemakmuran Bumiputera manakala YaPEIM diangkat menjadi agensi ulung bagi mengisahkan Agenda Muamalat secara komprehensif, mengikut acuan Islam.

Malah, Majlis Perundingan Melayu (MPM) yang telah diperbadankan pada 30 Ogos 2016, berjaya memainkan peranan untuk melibatkan semua pihak termasuk komuniti Orang Asli, pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi tempatan dan komuniti ekonomi Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam KEB 2024 ini. Walau begitu, perlatakan sasaran sebagai kaedah pengukuran seperti kuantiti dan kualiti perusahaan Bumiputera perlu lebih berfokus jika diambil kira empat (4) tuggak Bioekonomi Kitaran (CBE) seperti Rajah 8 dibawah bagi menilai status bioekonomi kitaran dan memudahkan pembangunan sektor pertanian di samping mempamerkan signifikan usaha dalam pengurangan perubahan iklim.



Rajah 8: Empat (4) tunggak Bioekonomi Kitaran (CBE)

Justeru itu, FELDA yang mengetuai Kumpulan 10 : FELDA & Tanah Wilayah meletakkan sepenuh keyakinan bahawa empat (4) usul serta resolusi yang akan dibentangkan dapat dijadikan dasar dalam menggembang usaha untuk memayungi ekonomi Bumiputera. Dengan pembentukan dasar-dasar ekonomi yang baru, maka negara dapat merealisasikan satu *roadmap* yang pasti mengurangkan jurang ekonomi Bumiputera luar bandar dengan komuniti bandar serta mampu mewujudkan ekonomi kitaran yang mampan melalui aktiviti pembangunan tanah.

7.0 RUJUKAN

- (n.d.). In https://www.jpnin.gov.my/pdf/JURNAL%20PERPADUAN%20202014_2.pdf.
- Abdul-Hamid, A.-Q., Ali, M.H., Tseng, M.-L., Lan, S., Kumar, M., 2020. Impeding challenges on industry 4.0 in circular economy: Palm oil industry in Malaysia. *Comput. Oper. Res.* 123, 105052. <http://dx.doi.org/10.1016/j.cor.2020.105052>
- Begum, H., Alam, A.F., Awang, A.H., 2019. Sustainability of Malaysian oil palm: a critical review. *Int. J. Environ. Sustain. Dev.* 18 (4), 409–429. <http://dx.doi.org/10.1504/IJESD.2019.103467>
- Cheah, W. Y., Siti-Dina, R. P., Leng, S. T. K., Er, A. C., & Show, P. L. (2023). Circular bioeconomy in palm oil industry: Current practices and future perspectives. *Environmental Technology & Innovation*, 30, 103050. <https://doi.org/10.1016/j.eti.2023.103050>
- Ding, G.T., Yasin, N.H.M., Takriff, M.S., Kamarudin, K.F., Salihon, J., Yaakob, Z., Hakimi, N.I.N.M., 2020. Phycoremediation of palm oil mill effluent (POME) and CO₂ fixation by locally isolated microalgae: Chlorella sorokiniana UKM2, Coelastrella sp. UKM4 and Chlorella pyrenoidosa UKM7. *J. Water Process Eng.* 35, 101202. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jwpe.2020.101202>.
- Holland Circular Hotspot. (2021). *Circular economy opportunities in Malaysia: Dutch solutions to Malaysian challenges*. Netherlands Enterprise Agency. December 17, 2021.
- Maksud B40 M40 & T20 Golongan Isi Rumah Malaysia Ikut Pendapatan*. (2021, September 15). <https://www.facebook.com/mpogcofficial/photos/a.111299411065532/355129810015823/>
- Ministry of Plantation and Commodities Malaysia. (2023). *National biomass action plan 2023-2030*. Ministry of Plantation and Commodities Malaysia.
- Sustainability Division*. (n.d.). MIDA | Malaysian Investment Development Authority. Retrieved February 9, 2024, from <https://www.mida.gov.my/staffdirectory/sustainability-division/>







Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

T : 603-8000 8000

www.ekonomi.gov.my